



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Jumaat 12 November 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## TIDAK HADIR

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## TURUT HADIR

### **(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zaayah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**YB TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ke-3, Penggal Ke-3 Dewan Persidangan Negeri Selangor yang Ke-12 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**YB TUAN SPEAKER** : Batu Caves, tak hadir. Paya Jaras

**YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tuan Speaker soalan nombor 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENCEMARAN KILANG**

68. Terdapat kilang yang sah beroperasi tetapi menyebabkan pencemaran akibat kedudukan yang hampir dengan kawasan kediaman misalnya pencemaran kilang simen di Kampung Desa Aman, Sungai Buluh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang memindahkan kilang-kilang berkenaan ke kawasan lain?
- b) Adakah berlaku penyelewengan dan pelanggaran garis panduan perancangan sehingga menyebabkan masalah ini terjadi?
- c) Adakah garis panduan kawasan industri dan kediaman disediakan serta pematuhannya dipantau oleh PBT-PBT?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, kawasan kilang di Kawasan Desa Aman, Sungai Buluh telah disahkan untuk tujuan perindustrian berdasarkan draf rancangan tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020 di mana kawasan ini dikekalkan sebagai kawasan perindustrian dan Kerajaan Negeri tiada cadangan di atas pemindahan kilang-kilang yang berkenaan ke kawasan lain. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mengambil maklum di atas pencemaran yang berlaku dan pemantauan diambil akan dijalankan bagi mengelakkan perkara ini berlanjutan . Tindakan yang sewajarnya sekiranya kilang yang

beroperasi tidak mematuhi peraturan-peraturan yang terlibat. Sebanyak 3 lot kilang yang didirikan di kawasan ini bagi tujuan operasi kilang simen masih lagi terletak di atas tanah yang berstatus pertanian. Sehingga kini pihak jabatan telah menerima hanya 1 permohonan iaitu daripada Tetuan RMC Konkrit Sdn. Bhd untuk tujuan penggunaan tanah sementara bagi operasi simen. Kelulusan telah diberikan seperti mana dalam Mesyuarat OSC 18/2010 bertarikh 6hb Oktober 2010 yang membolehkan kilang simen tersebut beroperasi di atas tanah berstatus pertanian. Pihak majlis sentiasa patuh dan menggunakan manual garis panduan dan piawaian perancangan bandar Negeri Selangor dalam mengawal kawasan-kawasan pembangunan dan kediaman bagi memastikan peraturan-peraturan yang terlibat dipatuhi bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

**YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO IN MAT JOHOR** : Soalan tambahan Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER** : Ya, Paya Jaras.

**YB DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO IN MAT JOHOR** : Cuma saya ingin bertanya. Oleh kerana tanah itu masih tanah pertanian belum lagi digazetkan untuk tanah perindustrian dan sebagainya maka mungkin banyak di tempat-tempat lain yang mengalami *designate* terlupa statusnya. Cuma kilang tersebut telah beroperasi dan bagaimanakah ia boleh beroperasi dengan tidak diambil kira sama ada dari PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain yang gini boleh dipertikaikan. Oleh yang demikian saya mohon soalan saya apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap perkara-perkara ini supaya ia tidak akan berlaku pada masa-masa hadapan. Sekian.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING**: Terima kasih Paya Jaras, sepatutnya kilang-kilang yang berada di atas tapak pertanian tidak sepatutnya beroperasi. Tetapi di bawah Jawatankuasa Tetap Kilang-kilang Haram ada satu proses untuk memutihkannya kilang-kilang haram dan menggalakkan mereka untuk menukar status daripada sebagai contoh pertanian kepada industri. Kawasan tersebut memang dizonkan untuk dijadikan kawasan industri jadi pada masa ini Jawatankuasa Tetap di bawah naungan Seri Kembangan memang ada satu proses untuk menggalakkan memberi dorongan kepada mereka memberi insentif mereka untuk menukarkan status tanah tersebut.

**YB TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Tuan Speaker, soalan nombor 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK** : **LOMBONG PASIR**

69. Lombong Pasir milik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) di Kampung Kambing Susu telah menyebabkan masalah alam sekitar terhadap penduduk kampung tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah KSSB menjalankan penilaian impak alam sekitar sebelum dan semasa lombong tersebut beroperasi?

- b) Apakah tindakan pantas untuk mengatasi masalah tersebut?
- c) Adakah pihak KSSB bercadang untuk membayar pampasan akibat kemusnahan yang disebabkan oleh lombong tersebut?

**YB TUAN DR. HJ YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, menjawab soalan Kuala Kubu Baharu berkaitan dengan lombong pasir milik KSB di kawasan Kambing Susu. Untuk makluman Kuala Kubu Baharu lombong tersebut telah pun beroperasi 5 tahun yang lalu sama ada secara sah atau tidak sah saya sendiri melihat melalui udara dan darat kawasan tersebut yang mana perlombongan telah tidak terkawal, Sungai Kuala Selangor telah dialih arah dan pencemaran air berlaku. KSB mengambil alih operasi tersebut pada tahun 2009. Tidak terdapat mana-mana kampung berada di kawasan tersebut. Ianya sekitar 4 km dari jalan utama Rawang - Batang Berjuntai. Kumpulan Semesta Sdn. Bhd telah menyediakan kajian dan Laporan Perancangan Alam Sekitar, *Environment Monitoring Plan* EMP sebelum lombong tersebut mula beroperasi. EMP ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor. Pemantauan yang dibuat secara berkala oleh *consult* alam sekitar yang dilantik mendapati mutu air dilombong tersebut adalah lebih baik dari air Sungai Selangor yang berhampiran. Saya hendak beritahu Kuala Kubu sebelum diambil oleh Kambing Susu ini, ini adalah kawasan kecurian yang paling serius. Yang mana Sungai Kuala Selangor telah beralih dan keputusan kita mengambil alih kawasan tersebut memastikan bahawa alam sekitar dijaga, operasi sungai dibetulkan dan tebing sungai juga dibetulkan. Operasi Kumpulan Semesta Sdn. Berhad sentiasa dipantau oleh EMP dan seterusnya bagi soalan ke-3, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd belum menerima apa-apa tuntutan sekiranya ada, ianya akan dikaji secara mendalam dan sebelum apa-apa ketetapan diambil.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER :** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Negeri Selangor memang terkenal dengan negeri-negeri yang banyak lombong-lombongnya daripada pasirlah lombong timah. Setakat ini adakah usaha bagi mengekal satu atau lebih lombong-lombong ini untuk di *conserve* kan sebagai bahan pemuziuman dan tarikan pelancong yang datang untuk kita tunjukkan bahawa Negeri Selangor negeri kaya dengan lombong tidak sahaja kita pandang dari segi negatif sahaja. Terima kasih.

**YB TUAN DR. HJ YAAKOB BIN SAPARI :** Sebahagian besar lombong-lombong di tasik ini telah digazetkan di bawah Lembaga Air Selangor LUAS untuk tujuan simpanan air tetapi tidak *direserve* untuk tujuan pemuziuman tetapi kita *reserve* untuk memastikan kawasan tersebut dan tidak ada pembangunan dibuat di situ.

**YB TUAN SPEAKER :** Sabak, tidak hadir. Bukit Antarabangsa, tidak hadir. Taman Medan, tidak hadir. Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Tuan Speaker, soalan 73.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PEMBALAKAN**

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kes pembalakan tanpa izin yang berlaku di dalam tahun 2009 & 2010?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan membuka kembali pembalakan secara selektif di Hutan Simpanan dan hutan bakau?
- c) Apakah rancangan dan tindakan diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mencegah pembalakan dan pencerobohan hutan simpanan?

**YB TUAN DR. HJ YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, menjawab soalan Kajang bertanyakan tentang berapakah kes pembalakan tanpa izin yang berlaku dalam tahun 2009 dan 2010. Untuk makluman Kajang, Kerajaan Negeri memutuskan tiada lagi pembalakan dibenarkan di Negeri Selangor bahkan kuasa Pengarah Perhutanan telah diserahkan kepada EXCO. Mana-mana pembalakan yang hendak dilaksanakan di Negeri Selangor hendaklah mendapat kebenaran daripada EXCO. Terdapat 3 kes pembalakan tanpa kebenaran berlaku pada tahun 2009 manakala bagi tahun 2010 tiada kes pembalakan haram dikesan. Kebanyakan kesalahan hutan yang dikesan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor melibatkan pemindahan kayu yang berada pada alat pengangkutan di mana pemilik kenderaan gagal untuk membuktikan pemilikan hasil hutan ini dengan dokumen yang sah serta penerokaan kawasan hutan simpanan yang melibatkan penerokaan hutan ketika pembersihan hutan. Bagi soalan kedua, satu daripada tujuan Kerajaan Negeri mengadakan moditirium pembalakan ialah untuk mengkaji semula keberkesanan secara selektif di hutan simpanan kekal di Negeri Selangor sama ada ianya benar dapat menghasilkan dirian pokok matang yang mencukupi untuk pusingan tebang seterusnya dalam jangka masa 30 hingga 50 tahun akan datang. Bagi hutan bakau pula tempoh moditirium akan membolehkan pengurusan hutan jenis ini disusun semula bagi memperuntukkan kawasan mana yang boleh dibuka bagi memenuhi keperluan industri dan kawasan-kawasan mana yang perlu dipelihara bagi menjamin kestabilan alam sekitar negeri. Menurut pelan pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor had kawasan tebang tahunan secara selektif dalam Hutan Simpan Kekal bagi semua jenis hutan yang dibenarkan bagi negeri-negeri ini ialah lebih kurang 700 ekar setiap tahun, 700 hektar setiap tahun. Had yang dibenarkan ini kecil untuk memenuhi pasaran negeri tetapi kajian akan dilaksanakan untuk menentukan sama ada pembalakan secara selektif ini boleh dibenarkan semata-mata bagi tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri bagi membantu industri perikanan dan sektor pembalakan tempatan. Soalan ke-3, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

Yang pertama, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengkaji kawasan-kawasan penempatan atau kampung projek-projek kerajaan dan lesen pendudukan sementara yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah dalam hutan simpan kekal bagi tujuan pertimbangan MMKN sama ada di warta keluar dari Hutan Simpan Kekal atau diambil tindakan undang-undang. Bagi kawasan penerokaan haram, menduduki tanpa kebenaran Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut, memusnahkan tanaman, merobohkan infrastruktur, menahan jentera kenderaan dan peralatan kerja, merobohkan infrastruktur pertanian antaranya kolam, kandang, reban ternakan, menangkap individu-individu

yang menduduki di hutan simpan tanpa kebenaran, mengkompau atau mendakwa individu terbabit mengikut jenis kesalahan hutan di dalam hutan. Yang ketiga, sekiranya kawasan-kawasan pembalakan haram menurut tanpa kebenaran diluluskan permit penggunaan maka hendaklah dihadkan tempoh masa tertentu bagi membolehkan kawasan ini di hutan semula setelah tempohnya tamat dan yang ke-empat bagi pembalakan haram tindakan tanpa berkompromi akan diambil mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 termasuk pihak terbaik dikenakan hukuman berat iaitu denda dan hukuman penjara.

**TUAN SPEAKER** : Kajang ....

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Soalan tambahan ....

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ia dalam laporan tadi kita dapati tidak ada kes dalam tahun 2010, adakah hutan bakau yang baru-baru ini didapati ada dikatakan pembalakan secara haram yang berlaku yang di laporkan dalam surat khabar bersama dengan gambar EXCO Alam Sekitar. Jadi adakah ini termasuk dan adakah hutan bakau dipertimbangkan untuk dibuka untuk pembalakan? Terima kasih.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Untuk setakat ini, satu kajian menyeluruh sedang dibuat bagi memastikan penebangan secara selektif dibuat dan *paper* sedang kita siapkan untuk melihat keseluruhan kawasan bakau dan keluasan yang dibenarkan untuk tiap tahun untuk membolehkan pusingan untuk 15 tahun. Kita bercadang untuk menyemak semula sebab ada permintaan yang tinggi daripada pihak industri yang perlukan kayu bakau.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan ...

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan. Melalui jawapan tadi, saya nampak dasar kerajaan tidak akan mengizinkan sebarang pembalakan yang baru memandangkan dasar tersebut telah menyebabkan ada memberi kesan yang mendalam terhadap industri-industri sampingan kayu-kayu yang sebagainya yang perlukan bekalan dan terpaksa ambil daripada negeri-negeri yang lain. Dan saya juga difahamkan bahawa hutan simpanan paya bakau dia sampai satu ketika kayu tersebut dia akan reput dan sebagainya dan kalau kita tidak ada sebarang pembalakan, kita akan kehilangan hasil begitu saja. Sekiranya ada pembalakan yang mempunyai mesra *environment* apakah kerajaan bersedia memberi pertimbangan sedikit kelonggaran terhadap hutan simpanan paya bakau ini. Terima kasih.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Yang pertama Tuan Speaker, syarat minimum untuk Negeri Selangor mempertahankan hutan ialah 30%. Hingga hari ini simpanan hutan kita tinggal 30.5% termasuk di ceroboh baki tak sampai 29%. Dalam hutan daripada utara sampai ke selatan, daripada Hulu Selangor sampai ke Hulu Langat ada 50 buah dem iaitu pembalakan di kawasan tersebut tidak boleh diadakan dan industri kayu-kayan di Negeri Selangor terpaksa mengambil kayu daripada luar sebab hutan yang ada di Negeri Selangor tidak boleh lagi untuk ditebang. Berkaitan dengan hutan bakau, telah saya jelaskan tadi, hutan paya bakau sepanjang pantai daripada Kuala Langat ke utara, sebahagian besar kawasan Klang kita sedang menyemak satu peraturan baru memastikan bahawa sistem yang sebelum ini ialah menyerahkan kepada kontraktor yang menebang bakau agar dia menanam bakau semula. Peraturan baru ialah memastikan bahawa setiap kayu bakau yang ditebang hendaklah ditanam semula dan kontraktor yang menebang dan menanam kena berbeza. Iaitu kertas yang sedang disiapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk kita menyediakan satu sistem yang lebih teratur dalam masa 30 tahun agar cukup kayu bakau yang ada dikawal dan penanaman semula dilaksanakan. Dan seandainya *paper* ini siap dalam masa terdekat kita akan tenderkan,

ini berbeza dahulu, dahulu dia bagi projek kepada kawan-kawan dia, kali ini kita tenderkan dan hasil daripada bakau tidak banyak cuma ada keperluan daripada industri.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan. Tadi disebutkan berkaitan dengan pencerobohan hutan simpan, saya lihat di Kuala Langat saya setuju sekiranya pencerobohan hutan-hutan simpan yang akhirnya ditanam dengan tanaman kelapa sawit untuk dimusnahkan, tetapi apa yang berlaku sebahagian besar yang menjadi punca sumber utama kepada IKS termasuklah ubi, keledak dan sebagainya yang mana ini juga menjadi sumber utama untuk industri kecil ini yang saya lihat sudah tentu ada satu alternatif lain. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS ini. Terima kasih.

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Sijangkang. Hutan-hutan yang di ceroboh, ditanam kelapa sawit kita tidak ada kompromi. Iaitu ratusan ekar yang telah ditanam kelapa sawit yang kita musnahkan. Di kawasan Kuala Langat selatan, sebuah kertas sedang kita sediakan supaya kawasan tersebut tidak diserahkan kepada individu sebab kalau serah kepada individu tidak mungkin individu akan membuat infra, jalan, longkang dan sebagainya. Cadangan kerajaan negeri ialah menyerahkan kawasan-kawasan tersebut kepada PKPS dan PKPS akan menyediakan infra keseluruhan kawasan tersebut dan PKPS menyewakan kepada pengusaha-pengusaha sekarang. Dengan ini kaedah tanaman akan lebih teratur. *Paper* sedang kita sediakan.

**TUAN SPEAKER** : Bangi ....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan dari Bangi nombor 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK** : **DIALOG MAHASISWA MENGENAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

74. Usaha menghimpun mahasiswa untuk dialog dan memberi penerangan tentang Negeri Selangor diadakan sempena Raya Idul Fitri pada 22 Syawal 1431 = 01 Oktober 2010 di Annex, Dewan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

- a) Difahamkan mengenai kehadiran mengecewakan, Mengapa?
- b) Adakah sebarang sekatan oleh pentadbir-pentadbir pengajian tinggi?
- c) Adakah objektif pertemuan dicapai?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : *Bismillahi rahmani rahim*, assalamualaikum dan selamat sejahtera. Bangi bertanya mengenai usaha menghimpun mahasiswa untuk dialog dan memberi penerangan tentang Negeri Selangor pada 1 Oktober 2010. Mengapa kehadiran mengecewakan? Kehadiran mahasiswa di dalam program tersebut adalah seramai 84 orang di mana sasaran kehadiran adalah seramai 112 orang. Sasaran peserta adalah terdiri daripada

pemimpin-pemimpin pelajar dan pemimpin persatuan mahasiswa Selangor di IPTA dan IPTS yang berada di Negeri Selangor. Mahasiswa yang telah hadir dalam program ini adalah terdiri daripada mahasiswa dari Universiti Malaya, UNISEL, Universiti Multimedia, Madinah International Universiti (MEDIU), Kolej Master Skill dan Kolej INPENS. Bagi pihak penganjur kehadiran mahasiswa ke program ini adalah satu jumlah yang agak memberangsangkan memandangkan ini adalah kali pertama program dialog secara terbuka sebegini dianjurkan. Setelah diteliti di antara faktor kehadiran mahasiswa ini tidak menepati sasaran adalah disebabkan oleh perkara berikut pertama pertindihan tarikh dengan majlis konvokesyen IPT seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA), pelajar pada saat-saat akhir menarik diri kerana tekanan daripada IPT-IPT mereka, ketiga IPT yang sedang bercuti seperti KUIS. Secara keseluruhannya kerjasama yang diperoleh adalah baik daripada semua IPT namun begitu pihak penganjur mendapati ada beberapa IPT khususnya IPTA enggan bekerjasama dan menganggap bahawa program yang dianjurkan berbaur politik dan menyebabkan mereka enggan menghantar pelajar untuk menyertainya. Meski pun di dalam surat jemputan secara jelas di nyatakan objektif program iaitu untuk meningkat daya kepimpinan mahasiswa yang merupakan pelapis kepada pemimpin negara pada masa akan datang. Jemputan ini juga hanya terhad kepada pemimpin-pemimpin pelajar dan ahli persatuan mahasiswa Selangor memandangkan tajuk dialog yang dianjurkan ialah Pembangunan Negeri Selangor Perspektif Mahasiswa. Isu lain antaranya ialah pihak penganjur perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu sebelum membuat jemputan kata IPT-IPT berkenaan, IPTA ya...namun begitu ada juga IPTA yang dapat memberi kerjasama yang baik melalui persatuan mahasiswa Selangor IPT tersebut dengan menghantar wakil dengan diiringi oleh pegawai pengiring. Jadi pihak penganjur telah menetapkan objektif program seperti berikut:

- i) Memberi ruang dan peluang kepada golongan belia khususnya mahasiswa untuk memberi pendapat dan pandangan mereka kepada kepimpinan kerajaan negeri secara bersemuka khususnya tentang pembangunan Negeri Selangor.
- ii) Kedua mendidik mahasiswa untuk lebih yakin mempunyai jati diri yang kukuh serta memupuk sikap prihatin kepada golongan belia untuk turut sama-sama menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya.
- iii) Ketiga menonjolkan peranan mahasiswa untuk melakukan *check and balance* dengan izin kepada pentadbiran kerajaan negeri dan juga peranan mereka sebagai bakal modal insan dan pelapis kepada kepimpinan negara.

Secara umumnya pihak penganjur mendapati bahawa kerajaan Negeri Selangor telah mendapat pelbagai input yang baik daripada mahasiswa yang hadir. Di antara isu yang dibangkitkan adalah seperti isu kebajikan dan pendidikan masyarakat setempat yang berhampiran dengan kampus mereka. Penambah baikkan IPT kerajaan negeri, isu penyaluran maklumat berkenaan pencapaian kerajaan Negeri Selangor kepada masyarakat dan sebagainya yang mereka katakan masih tidak mencapai sasaran dan ramai masyarakat rakyat Selangor masih tidak mengetahui apakah dasar, apakah pencapaian negeri termasuk golongan mahasiswa sendiri. Oleh itu objektif yang digariskan secara umumnya telah tercapai berdasarkan input dan mutu perbincangan meskipun jumlah mahasiswa yang hadir tidak menepati sasaran. Sekian Tuan Speaker.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Bangi ....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker dari segi untuk memprojekkan imej Negeri Selangor, Bangi berpendapat skop seharusnya diperluaskan, tak pe lah kali pertama kita mahasiswa Selangor sepatutnya barangkali untuk masa depan kita meluaskan dari segi menerangkan tentang Selangor dengan kemajuannya kepada seluruh Universiti, Kolej Universiti dan pengajian tinggi yang lebih daripada 100 buah itu. Dengan ini kita dapat menerangkan tentang Negeri Selangor kepada terutama mahasiswa-mahasiswa yang datang daripada luar negeri. Kemudian barangkali kita akan mendapat kerjasama terutama dari kalangan tenaga pengajar, pelajarnya dan tenaga-tenaga yang berkhidmat di semua universiti dalam dialog ini. Kemudian barangkali kita boleh merapatkan hubungan dengan semua pengajian tinggi ini sama ada melalui cara-cara ilmiah seperti seminar, forum dan sebagainya sukan, kegiatan kebudayaan dan sebagainya. Adakah cadangan pihak pengajian tinggi serta tenaga modal insan untuk meluaskan skop ini pada masa akan datang. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada Bangi yang sangat prihatin tentang kemajuan mahasiswa dan jati diri mahasiswa. Memang kita telah banyak di dalam dengan izin *pipe line* yang akan melibatkan mahasiswa dan juga pensyarah-pensyarah, perlu saya ingatkan juga mereka ini sekarang ini dikakutkan kerana AUKU takutkan AUKU kerana penglibatan mereka akan menjadikan satu mungkin malapetaka daripada segi kerjaya kalau itu daripada segi pensyarah dan juga mahasiswa. Baru-baru ini pada tahun ini kerajaan Negeri Selangor telah membantu seorang mahasiswa yang didapati di dalam kenderaan di Hulu Selangor semasa kempen pilihan raya kecil Hulu Selangor dan tindakannya ialah PTPTN di berhentikan walau pun pelajar ini mahasiswa ini semester terakhir. Jadi kerajaan negeri telah membantu membiayai perbelanjaan yang hujung-hujung itu. Inilah tindakan-tindakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang menekan mahasiswa dan juga pensyarah-pensyarah. Jadi kita melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan ini, kita menggunakan cara yang kreatif dengan strategi yang mungkin tidak melibatkan secara terbuka seperti itu kerana kita takut periuk nasi pensyarah-pensyarah dan juga masa depan mahasiswa ini terjejas. Tapi insya-Allahlah memang kita akan libatkan melalui rangkaian-rangkaian yang telah, sedang kita bangunkan ini, insya-Allah jadi terima kasih sangat kepada Bangi.

**TUAN SPEAKER** : Sabak? Tidak hadir. Jeram? Tidak hadir. Permatang? Tidak hadir. Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

78. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci bagaimanakah prestasi dan kedudukan kewangan negeri Selangor bagi tempoh 9 bulan yang pertama tahun 2010?
- b) Sila huraikan bagaimana kesan kelembapan ekonomi global terhadap kedudukan kewangan negeri?
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan

Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negeri?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sekinchan membangkitkan mengenai kedudukan kewangan Negeri Selangor yang sudah banyak kita perbincangkan. Bagaimanapun, saya boleh memberikan kenyataan mengenai status kewangan negeri Selangor yang dibuat oleh Bendahari Negeri dalam Laporan Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 hari bulan Oktober 2010.

Untuk 31 hari bulan Oktober 2010, wang tunai dalam milikan Kerajaan Negeri adalah RM931 juta, pelaburan RM647 juta. Oleh itu, jumlah wang awam yang dijaga oleh Kerajaan Negeri pada 31 hari bulan Oktober 2010 ialah RM1,578 juta. Ia merupakan kumpulan wang yang disatukan.

Kedudukan wang tunai yang di dalam tangan pancar wang runcit maknanya *cash* hanya RM64,000.00 khas untuk Skim Mesra Usia Emas, RM2.9 juta yang lain deposit negeri sebanyak RM870 juta dan disimpan dalam hampir 15 buah institusi kewangan yang kadar faedahnya antara 2.8 ke 3.1 peratus.

Status kedudukan wang amanah yang disatukan oleh kerajaan kita juga menyimpan wang untuk kerajaan Kumpulan Wang Pembangunan kita ada RM123 juta, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan RM16 juta, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan RM183 juta, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan RM1.6 juta, Kumpulan Amanah Awam RM385 juta, Akaun Wang Deposit RM137 juta.

Dalam angka-angka ini yang penting adalah mengenai hasil yang disatukan yang menjadi perbincangan yang lepas dan kita ada menunjukkan, kita dalam keadaan yang positif, maknanya kita tidak mempunyai defisit dalam perbelanjaan. Wang kita melebihi RM100 juta.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Tuan Speaker, soalan 79 telah disatukan dengan soalan 51.

**TUAN SPEAKER :** Kg. Tunku tidak ada, Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK : PERINDUSTRIAN DI NEGERI SELANGOR**

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kejayaan yang dapat ditunjukkan oleh jawatankuasa pengurusan taman perindustrian / IPMC dalam membangunkan suasana perindustrian di negeri Selangor.
- b) Adakah syarikat-syarikat perindustrian di negeri Selangor dapat membantu merencanakan pembangunan negeri Selangor terutamanya dalam khidmat masyarakat atau csrnya.

- c) Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang diberikan dan sambutan rakyat Selangor terhadap peluang pekerjaan ini.

**YB PUAN TERESSA KOK SUH SIM :** Tuan Speaker, Sijangkang bertanya tentang kejayaan yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Taman Perindustrian ataupun IPMC dalam membangunkan suasana perindustrian di negeri Selangor. Jadi jawapannya ialah IPMC yang ditubuhkan telah berjaya membantu para pekilang di mana kebanyakan isu dan permasalahan yang dibangkitkan sewaktu Mesyuarat IPMC diadakan adalah berkaitan dengan isu dan permasalahan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan. Ahli-ahli IPMC yang ditubuhkan adalah terdiri daripada agensi-agensy perkhidmatan kerajaan, separuh kerajaan, persatuan pekilang-pekilang daerah dan pihak industri. Jadi IPMC dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan pengerusi persatuan pekilang-pekilang daerah berkenaan ataupun wakil ataupun ketua daripada FMM. Oleh itu sebarang isu ataupun permasalahan yang dibangkitkan akan mendapat maklum balas secara terus dan tindakan segera akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan. Melalui IPMC juga memudahkan pihak berkuasa tempatan membuat pemantauan tentang kawasan-kawasan perindustrian berkenaan. Jadi antara isu ataupun permasalahan yang sering kali dibangkitkan adalah seperti :

- i) kebersihan dan keindahan kawasan perindustrian;
- ii) kawalan kacau ganggu dan pencemaran persekitaran;
- iii) kemudahan infrastruktur seperti jalan, saluran longkang dan lampu jalan;
- iv) kemudahan pengangkutan awam;
- v) kemudahan utiliti ataupun perhubungan telekomunikasi, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan telefon;
- vi) masalah tempat letak kereta dan papan tanda jalan dan juga;
- vii) kemudahan asrama ataupun tempat tinggal bagi pekerja.

IPMC memainkan peranan yang penting untuk menyelesaikan masalah mereka. Sebanyak 75 peratus hingga 80 peratus daripada isu dan permasalahan yang dihadapi oleh para pekilang di Selangor telah pun diatasi dan dibereskan melalui IPMS.

Sebenarnya saya mungkin nak ambil satu contoh macam IPMC di bawah MPSJ, Majlis Perbandaran Subang Jaya. Saya difahamkan bahawa pada mulanya bila IPMC ditubuhkan agak ramai wakil daripada persatuan pekilang hadir dan membangkitkan masalah dan isu mereka tetapi setahun kemudian kerana banyak masalah telah pun selesai dan dibereskan jadi yang tempoh bermesyuarat juga dipendekkan dan tak banyak lagi masalah dibangkitkan dalam Mesyuarat IPMC jadi ini bermaksud sekiranya pihak PBT mengambil serius bersama dengan pihak FMM untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pekilang dan juga di kawasan perindustrian masing-masing, jadi ini pun kita boleh menjadi Kerajaan Negeri Selangor lebih mesra kepada pelabur dan juga pekilang dan ini juga menunjukkan kejayaan IPMC dalam mengatasi masalah pekilang.

Soalan kedua yang ditanya oleh Sijangkang adalah tentang syarikat-syarikat perindustrian di negeri Selangor yang dalam macam mana mereka dapat membantu merencanakan pembangunan negeri Selangor dalam khidmat masyarakat ataupun CSR. Jawapannya ialah syarikat-syarikat perindustrian yang berada di negeri Selangor secara tidak langsung telah pun membantu merencanakan pembangunan di negeri Selangor. Pelbagai program khidmat masyarakat telah dijalankan oleh warga industri hasil daripada inisiatif pihak-pihak syarikat yang turut serta bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi serta penduduk setempat di persekitaran kawasan kilang-kilang mereka. Saya nak ambil beberapa contoh pada, misalnya pada 20 April tahun ini, Syarikat FMN Feberagors Marketing Sdn. Bhd. dengan kerjasama daripada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga pihak Alam Flora telah menjalankan satu aktiviti Program Kitar Semula bagi kawasan Bandaraya Shah Alam. Program berbentuk pertandingan ini adalah bertujuan bagi memupuk kesedaran dan juga secara tidak langsung mempromosikan Program Kitar Semula kepada semua golongan. Selain itu pada bulan Januari yang lalu Syarikat FAMA Niaga Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dan juga pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membangunkan sebuah kawasan iaitu kawasan Taman Tasik Cempaka sebagai Taman Ilmu ataupun *Knowledge Park*. Ini adalah merupakan salah satu Projek CSR yang dijalankan oleh pihak syarikat ini. Projek ini turut menyediakan penggunaan *internet wireless* secara percuma di kawasan tersebut sebagai kemudahan kepada masyarakat di sekitar kawasan tersebut. Selain itu Syarikat Top Row M Sdn. Bhd. juga tidak terkecuali dalam memberikan khidmat kemasyarakatan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan kilang-kilang mereka. Pihak syarikat telah bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi membiayai kos membaik pulih jalan dan juga parit di persekitaran kilang-kilang mereka untuk kegunaan dan kemudahan semua pihak dan ianya sedang dibincangkan bersama pihak JKR untuk tindakan selanjutnya. Selain itu juga pihak kilang sering kali menjalankan aktiviti gotong royong bagi membersihkan kawasan persekitaran. Program yang dijalankan ini juga turut melibatkan penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini. Pihak syarikat ini juga turut memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim di kawasan ini pada sempena sambutan Perayaan Hari Raya yang lalu.

Yang Berhormat Sijangkang juga tanya berapa peluang pekerjaan yang diberikan oleh pihak syarikat perindustrian dan juga sambutan rakyat Selangor terhadap peluang pekerjaan ini. Mengikut maklumat yang saya dapat, terdapat 20,000 peluang pekerjaan di negeri Selangor mengikut statistik diberikan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (Cawangan Selangor) dalam mempromosikan Program Jom Kerja bermula pada November 2009. Sebanyak 5 siri Program Jom Kerja yang telah diadakan bermula dari bulan November 2009 hingga Oktober 2010. Sebanyak 5,562 orang calon yang telah datang mendaftar dan 2,441 orang pemohon telah berjaya ditemu duga. Program Jelajah Jom Kerja ini diadakan dari satu daerah ke satu daerah ianya telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada rakyat Selangor yang tiada pekerjaan dan juga di kalangan mereka mencari peluang pekerjaan baru. Jadi saya ingin juga ambil kesempatan untuk berterima kasih kepada Yang Berhormat Selat Klang yang mengetuai Program Jelajah Jom Kerja ini di banyak tempat di negeri Selangor. Daerah Klang telah mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu seramai 2,060 orang calon dan diikuti oleh Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Seramai 1,672 orang calon datang untuk sesi temu duga. Ramai di antara calon-calon yang datang untuk sesi temu duga ini mencari kerja yang berdekatan dengan daerah kediaman mereka. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**YB DATO' MARSUM BIN PAING** : Tuan Speaker, soalan No. 82.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MARSUM BIN PAING  
(DENGKIL)**

**TAJUK : BAYARAN PREMIUM TANAH KG BARU DENGKIL. KERAJAAN TELAH MENGENAKAN SEMULA KADAR BAYARAN PREMIUM KEPADA 40 LOT RUMAH DI KG BARU DENGKIL.**

82. Bertanya kepada YAB Menteri Besar:

- a) Apakah bantuan yang kerajaan negeri berikan kepada mereka yang tidak mampu untuk membayar premium yang tinggi.
- b) Bagi mereka yang telah membayar premium bilakah surat hak milik akan dikeluarkan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat dari Dengkil untuk mengetahui mengenai status bayaran premium tanah Kampung Baru Dengkil. Kita mengenakan semula kadar bayaran premium kepada 40 lot tanah di Kampung Baru Dengkil. Premium ini adalah kita asaskan dengan penilaian yang ditetapkan oleh Perbendaharaan dan mendapati sudah tentulah kawasan-kawasan di Kampung Baru Dengkil ini mempunyai nilai harga tanah yang tinggi. Bagaimanapun, kita sudah membuat beberapa perbincangan sebab keadaan ini adalah serupa dengan banyak kampung baru yang lain dan kita ada membuat perbincangan bagaimana kita dapat memberikan diskaun yang munasabah supaya tidak disalahgunakan kerana ada mereka yang mempunyai tanah-tanah tersebut adalah pembeli kedua ataupun pembeli ketiga. Oleh sebab itu kita perlu membuat beberapa peraturan untuk itu. Bagi mereka yang membayar premium saya maklum bahawa sesetengah daripada mereka menggunakan duit pinjaman bank untuk membayar premium dan kita hendak mempercepat proses memberikan sijil hak milik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker, soalan No. 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENYALAHGUNAAN KUASA (SURAT SOKONAN) AHLI MAJLIS PBT**

83. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa orang Ahli Majlis PBT yang terlibat dalam perkara salah guna kuasa dan melanggar kod etika kerja?
- b) Apakah tindakan tatatertib yang telah diambil?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, soalan ini telah dijawab semalam apabila dalam proses penggulungan, jadi perlukah saya jawab sekali lagi.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Tuan Speaker. Ada dua orang ahli majlis yang terlibat dalam perkara salah guna kuasa sejak 2008 hingga kini dan mereka adalah Encik Tee Pian Hock dan Puan Hamidah Maksom, kedua-duanya dari MPK dan kedua-dua ahli majlis yang ini telah dilucut ataupun dipecat sepertimana yang dilaporkan semalam jadi Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor telah menunjukkan ataupun sudah menyampaikan satu mesej yang jelas kepada semua ahli majlis dan juga penjawat awam sekiranya mereka berani menyalahgunakan kuasa mereka akan dilucut ataupun dipecat, jadi kalau perkara ini berlaku di bawah perintah parti yang di sebelah itu saya kurang pastilah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker, soalan No. 84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : BEKALAN AIR**

84. Kerajaan Negeri mendakwa bekalan air cukup kepada rakyat Selangor sehingga 2019 berbanding laporan awal pihak kementerian yang mengatakan krisis bekalan meruncing tahun 2014.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah asas dakwaan ini dan siapakah konsultan yang mengkaji unjuran tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedia bertanggungjawab jika krisis bekalan air berlaku lebih awal?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Batang Kali. Saya ada meneliti ucapan Batang Kali mengenai isu bekalan air dari Pahang yang saya tahu usaha untuk menunjukkan begitu keruncingan pembekalan air untuk negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Satu perkara yang jelas walaupun saya terima konsep *lobbing* dalam *business* itu penting tetapi kenyataannya kita juga mesti mengambil kira bahawa usaha untuk mempercepat proses pembinaan satu-satu program atau pun loji juga terikat dengan pembayaran atau kos *of contract*. Oleh sebab itu kita jangan tergopoh-gapah untuk menyatakan sesuatu itu dalam keadaan yang meruncing. Saya ada meneliti kertas kerja untuk menyatakan bahawa keperluan air untuk negeri Selangor ini menjadi begitu runcing pada 2008, dan sekarang kita berada dalam 2010. Sebagai contoh unjuran yang dibuat oleh mereka yang menjangka permintaan air adalah mengikut penggunaan air di Sydney, London dan di Singapura.

Mengikut penggunaan di Sydney, London dan di Singapura adalah untuk 500 ml dan kajian yang dibuat oleh SYABAS sendiri dan purata yang dibuat oleh SYABAS hanyalah bawah 250. Oleh sebab itu terdapat beberapa jarak daripada mengapa tidak berlaku pada 2008. Saya menerima hakikat itu dan kita mesti membuat persediaan bukan tidak. Tetapi saya sudah menerangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengapa saya mesti selesaikan masalah penyusunan air sebelum proses mengambil air dari Pahang diteruskan. Saya terangkan kepada YB Dato Idris Jala oleh sebab beliau pernah menjadi Ketua Eksekutif Malaysia Airlines --mana lebih penting untuk mendapat *landing wrights* atau pun membeli kapal

terbang. Kalau sudah dapat *landing wrights* sudah tentu kita perlukan berapa banyak kapal terbang yang kita perlukan. Jadi pada saya penstrukturan penyusunan air di negeri Selangor adalah *landing wrights*. Apabila kita sudah dapat *landing wrights* barulah tahu berapa jumbo yang kita nak beli. Kalau tidak kita beli kapal terbang tetapi penyusunan semula tidak dilakukan dan masyarakat negeri Selangor boleh terkena beban seperti tahun 2004 yang kita sudah tandatangani dan kita perlu akui silap menandatangani yang harga air boleh meningkat begitu banyak setiap tahun. Ini satu perkara yang saya ingin nyatakan. Oleh sebab itu, akhir tahun ini apabila kita setuju tentang penyusunan semula sudah tentulah program pembinaan air di Sungai Pahang juga perlu dilakukan.

Bagaimanapun, sebagai orang yang mengurus negeri Selangor kita jangan mengharapkan dari Pahang sahaja, kita mesti mencari punca-punca air yang lebih murah daripada sekarang. Di Pahang sangat mahal, kosnya sangat tinggi sebab kita kena buat dam, menggali terowong, kemudian membuat penyimpanan air di Kuala Langat dan loji pembersihan air. Mengapa tidak kita lihat sungai-sungai yang boleh dibersihkan dan kita dirikan loji untuk pembersihan air? Umpamanya, di Sungai Klang itu sebab saya menjalankan proses pembangunan sungai Klang oleh itu tidak perlu penggalian terowong di bawah banjaran Gunung Titiwangsa.

Untuk maklumat saudara dari Batang Kali, semasa saya di Parlimen, di Parlimen juga perbincangan mengenai air ini hebat dibincangkan. Semasa saya di Parlimen ramai rakan dari UMNO telah menyuarakan dan perkataan dia "rentikan, rentikan penyaluran air dari Pahang ke Selangor, rentikan" kerana kalau kita buat terowong bergegarlah banjaran Titiwangsa. Tetapi hari ini ada pulak kumpulan katakan cepatkan kita ada rekod dalam *hansard* yang menunjukkan beberapa Ahli Parlimen dari kumpulan UMNO yang mengatakan tak boleh. Oleh sebab itu saya membuat beberapa persediaan. Jadi saya sudah melakukan perbincangan bagaimana kita boleh cuba mencari *under grown water*. Cuba juga seperti yang dibuat oleh kerajaan sebelumnya menentukan tiap-tiap kolam yang bekas lombong jika airnya sesuai kita adakan tempat penempatan. Sudah kita dapati lebih daripada 10 tempat yang kita sudah jaga.

1. Kita cari air bawah tanah;
2. Kita buat program untuk kolam-kolam itu;
3. Kita juga mesti adakan usaha supaya mengurangkan penggunaan air;
4. Saya lihat mereka yang membuat kajian ini adalah daripada kumpulan yang boleh dapat kontrak. Lagi banyak dia lobi lagi runcing keadaan, bukan keadaan yang sebenar runcing. Oleh itu saya harap kita boleh adakan satu *public debate*; dan kumpulan *public debate* ada satu kumpulan yang kita kata *save the water* walaupun kumpulan itu yang tidak setuju tentang pembinaan dam di Pahang oleh sebab kata mereka ada racun. Yang itu saya kurang percaya tentang kenyataan mereka. Ada juga kumpulan yang mengatakan (kebanyakan daripada SYABAS) dan daripada SPAN yang mengatakan kita dalam keadaan runcing. Saya hendak adakan perjumpaan umum untuk menunjukkan dua kumpulan ini yang mereka kata yang sebenarnya kajian keperluan air di negeri Selangor.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya setuju apa yang Tan Sri cakap. Cuma soalan saya Tan Sri mendakwa air di Selangor akan berkurang 2019, saya nak tahu sama ada itu daripada andaian Tan Sri atau pun daripada pakar-pakar yang di kalangan konsultan daripada rakan-rakan Tan Sri yang memberi pandangan. Kita dah ada satu kes, andaian-andaian Tan Sri ni macam dulu pasir setahun 150 juta andaian tetapi dah 2 tahun tak sampai pun 10 juta, Jadi maksud saya adakah ini semata-mata pandangan Tan Sri atau macam mana. kalau konsultan siapa nama konsultan yang buat. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Hal ini saya hendak tunjukkan kepada saudara. Konsultan yang kita bawa ini ada hubungannya dengan World Bank. Oleh sebab itu konsultan yang membuat analisis air adalah syarikat yang menjadi konsultan untuk pembinaan loji. Jadi *two groups* yang saya terima data yang dibuat ini adalah kumpulan yang mendapat sokongan World Bank bukan daripada saya walau pun saya boleh *debate* dengan saudara fasal 150 juta tu saya boleh tetapi nanti saya tunjukkan. Kalau tak ada kecurian kita boleh dapat angka tersebut. Itu satu isu yang berlainan tetapi saya boleh bawa mereka sebab saya hendak gandingkan kumpulan dari World Bank yang buat analisa dengan kumpulan daripada yang membuat *projection* yang dibuat sekarang. Jadi ada dua kumpulan. Satunya kumpulan mempunyai unjuran-unjuran yang tertentu yang boleh kita semak. Saya juga ada mengadakan satu perjumpaan dengan SYABAS yang membuat beberapa penerangan dengan kumpulan-kumpulan yang menentang pembinaan dam di Pahang dan mereka juga adalah pakar tetapi saya tidak menerima sepenuhnya kenyataan-kenyataan mereka. Namun, mereka mempunyai data tertentu tentang perkara ini.

**TUAN SPEAKER** : Teratai, tidak hadir, Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker. Soalan 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : MASJID**

84. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Nyatakan jumlah masjid baru yang akan di bina oleh kerajaan negeri dan berapakah pula yang terbengkalai sejak tahun 2008, apakah penyebab utamanya?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALII** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Speaker, tentang masjid-masjid yang akan dibina pada tahun 2010 adalah seperti berikut, ada sembilan (9) semuanya:

- 1) Masjid Seksyen 7, di Shah Alam.
- 2) Masjid Zakaria di Gombak
- 3) Masjid Taman Seri Muda di Shah Alam
- 4) Masjid Kampung Jenjarom di Kuala Langat
- 5) Masjid Pekan Dengkel di Sepang
- 6) Masjid Pekan Jeram, Kuala Selangor
- 7) Masjid Simpang 3 Ijok di Kuala Selangor
- 8) Masjid Bukit Jelutong Shah Alam. Wakaf daripada Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan dan Sime Darby

9) Masjid Seksyen 13, Shah Alam, wakaf seorang individu.

Tidak ada projek masjid yang terbengkalai sejak dari 2008. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Alam Shah, tidak hadir. Lembah Jaya, tidak hadir,

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Eh, ada

**TUAN SPEAKER** : Oh ada. Saya ingat Batu Caves.

**YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker, soalan No. 88

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PELABURAN**

88. Tahniah rombongan ke luar negara yang di ketuai oleh EXCO bertanggungjawab yang baru-baru ini membawa pulang berbilion ringgit hasil pelaburan tersebut

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah prasangka mereka terhadap Kerajaan Negeri Selangor bila mana banyak Negara-negara asing menarik balik atau enggang meneruskan pelaburan juga perdagangan mereka dengan Kerajaan Malaysia, dan apakah rancangan kita di tahun-tahun yang akan datang untuk menambahkan lagi pelaburan kita?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, Lembah Jaya bertanya apakah prasangka para pelabur terhadap Kerajaan Negeri Selangor bila mana banyak negara-negara asing menarik balik atau enggan meneruskan pelaburan dan juga perdagangan mereka dengan Kerajaan Malaysia. Apakah rancangan kita pada tahun-tahun yang akan datang untuk menambahkan lagi pelaburan kita. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Jaya, hasil daripada pertemuan dan perbincangan yang telah diadakan di kebanyakan dengan kebanyakan para pelabur masih mereka berpandangan positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan aktiviti pelaburan di Malaysia khususnya di Negeri Selangor di mana kebanyakan syarikat-syarikat yang dilawati merancang dan telah membuat penambahan pelaburan mereka di negeri yang sedia ada iaitu di Negeri Selangor. Bagi menggalakkan lagi pelaburan di tahun-tahun yang akan datang Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan program-program seperti berikut:

- 1) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan Dasar Pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- 2) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri atau pelabur-pelabur di Negeri Selangor.
- 3) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti di Selangor *Science Park* Dua dan juga kawasan-kawasan perindustrian yang lain.

- 4) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri.
- 5) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak Menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh pihak industri dan pelabur menerusi *one stop centre* yang ditubuhkan di setiap PBT.
- 6) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan peringkat negeri dan daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- 7) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat khususnya di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- 8) Penambahbaikan fungsi Selangor *State Investment Centre* (SSIC) bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan; dan
- 9) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan; dan
- 10) *Hand Hold Programmed*; dan
- 11) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan keluar negara.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya nak bertanya dengan YB EXCO, di kawasan saya ada satu kawasan perindustrian Miel, M I E L Rasa. Dia satu kawasan yang cukup cantik, infra pun lengkap tetapi tak ada apa-apa pembangunan di kawasan pelaburan di kawasan itu. Apakah rancangan pihak Kerajaan terhadap kawasan tersebut. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Sebenarnya ini memanglah satu kawasan yang di kawasan perindustrian di Rasa yang dibangunkan oleh PKNS. Memang satu kawasan yang sentiasa dipromosikan oleh Negeri Selangor dan juga SSIC. Sebenarnya ruang, saya juga lihat dalam dua, tiga tahun yang lepas lebih ramai pelabur memang membina kilang di kawasan tersebut, ia tidak begitu terbiar berbanding dengan tiga, empat tahun yang lepas. Saya rasa salah satu sebab yang kawasan itu masih tidak, kita masih tidak melihat pembangunan yang rancak adalah kerana bila ia ditubuhkan ada sesetengah pihak memandangkan ia sebagai menganggap kawasan itu sebagai macam kawasan spekulasi. Jadi mereka membeli tanah, tanah lot perindustrian tetapi mereka tidak menubuhkan kilang dan kawasan perindustrian itu sepatutnya untuk industri *to semi scenery*. Tetapi ramai yang membeli tanah tetapi tidak membangunkan tempat itu. Walau bagaimanapun, pihak PKNS di setiap misi pelaburan yang kita pergi, kita juga mempromosikan kawasan perindustrian Rasa dan juga, kami juga akan berbincang dengan pemilik-pemilik tanah lot di kawasan perindustrian Rasa. Kami berpendapat sekiranya mereka tidak ingin mendirikan kilang di kawasan itu, jadi mereka haruslah bekerjasama dengan PKNS supaya kita membantu mereka untuk menjual lot-lot tanah tersebut supaya kita boleh lihat lebih kilang didirikan di kawasan itu.

Tetapi salah satu masalah bagi sesetengah pelabur ialah mereka menganggap kawasan perindustrian itu adalah agak jauh daripada Pelabuhan Klang. Jadi ini bagi pelabur yang produk mereka adalah bertujuan untuk eksport, mereka rasa adalah kos pengangkutan dari kawasan Rasa ke Pelabuhan Klang adalah agak jauh. Jadi itu sebabnya, salah satu sebab ada ramai pelabur mereka tidak pilih kawasan itu, tetapi ini, kami tidak, kami masih menganggap kawasan perindustrian di Rasa itu adalah penting kerana kita lihat yang pembangunan Negeri Selangor haruslah semakin kita pergi ke tempat yang lebih jauh lagi daripada pusat bandar. Jadi ini masih akan jadi salah satu tumpuan bagi SSIC dan juga Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Tua, tidak hadir. Seri Serdang, tidak hadir. Pelabuhan Klang, tidak hadir. Balakong, tidak hadir. Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI**: Tuan Speaker soalan nombor 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (GLC)**

93. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan anak-anak syarikat Negeri Selangor serta peratusan milikan saham oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam syarikat-syarikat tersebut.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memantau dan meningkatkan prestasi anak-anak Syarikat Negeri Selangor serta syarikat subsidiari di bawahnya?
- c) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan penglibatan anak-anak syarikat Negeri Selangor dalam pasaran ekonomi bagi memastikan persaingan bebas dan kompetitif dalam pembangunan di Negeri Selangor?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tentang anak-anak Syarikat. Tuan Speaker, soalan Yang Berhormat dari Rawang adalah mengenai Anak-anak Syarikat Negeri Selangor (GLC); Senaraikan Anak-anak Syarikat Negeri Selangor serta peratusan milikan saham oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kedua; apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memantau dan meningkatkan prestasi Anak-anak Syarikat itu? Ketiga; apakah langkah yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengurangkan penglibatan Anak-anak Syarikat Selangor dalam pasaran ekonomi bagi memastikan persaingan bebas dan kompetitif dan pembangunan di negeri Selangor?

Soalan yang pertama, saya hendak menyebut nama-nama syarikat yang dalam milikan Kerajaan Negeri. Kumpulan Darul Ehsan Berhad kita ada pemilikan saham sebanyak 262 juta iaitu syarikat induk dan milikan Kerajaan Negeri Selangor ialah 100%. Permodalan Negeri Selangor Berhad 24 juta pemilikan kita juga 100%. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang memiliki UNISEL, Universiti Industri Selangor yang sahamnya sekitar 643 ribu sahaja. *Bukit Beruntung Golf and Country Recourse* unit sahamnya 5 juta. Kumpulan SEMESTA 2.5 juta, 100%. *Tourism* Selangor 2 juta, pemilikan 100%. Rantian Mesra 2 juta, 100%. SSIC Selangor *State Industrial*, *Selangor Investment Conventional* iaitu 2 juta dan pemilikan kita 100%. Kita juga ada syarikat *communication corporation* yang modalnya 1 juta

dan pemilikan kita 100%. Majlis Sukan Negeri Selangor yang kita tubuhkan dan pemilikan modal sebanyak 1 juta. Yayasan Warisan Anak Selangor, Tabung Warisan Anak Selangor ia tidak ada saham tetapi *is a Yayasan limited by guarantee*. Yayasan Dar Alqard Alhassan Selangor iaitu Yayasan yang mengendalikan mikro kredit untuk masyarakat luar bandar.

Untuk ini semua, saya menubuhkan, menyusun semula sebelum 2008. MBI, iaitu syarikat MB Incorporated tidak digunakan langsung ataupun disimpan dalam kelolaan KDEB. Sebelum 2008, KDEB yang menguruskan MBI. Pada dasarnya, sepatutnya KDEB di bawah MBI tetapi pada 2008 sebelum 2008 KDEB diberi *status power of entry to manage* ataupun MBI selepas itu saya dapat menyusun semula. Saya mengambil masa lebih lapan (8) bulan untuk menyusun semula MBI sebab ada perjanjian di antara KDEB dengan MBI yang dalam perjanjian itu memberi kuasa penuh kepada KDEB menguruskan MBI. Untuk melupuskan perjanjian tersebut, kita perlu *register* perubahan itu di mahkamah. Maka, ia mengambil masa dan sekarang MBI yang hendak memantau dan menguruskan syarikat-syarikat ini dan satu langkah yang saya sebutkan semalam adalah menyediakan *group audit* supaya kita dapat memantau perkembangan syarikat-syarikat ini *quarter by quarter* seperti *standard* yang dibuat dalam syarikat-syarikat yang diurus niaga di pasaran saham Kuala Lumpur. Maksudnya, *standard of information system* kita lakukan.

Kedua, saya hendak menterjemahkan pengurusan syarikat ini melalui satu usaha supaya kita ada *transforming* pengurusan dalam bentuk ketelusan dan kebertanggungjawaban seperti yang kita mula lakukan untuk PKNS. Kita hendak mengenalkan *Integrity Pact* iaitu satu usaha yang tiap-tiap pengurusan itu berjanji mentadbirkan syarikat itu dengan telus dan bertanggungjawab dan tidak ada pecah amanah ataupun rasuah dalam kerja yang mereka lakukan. Hal ini kita boleh jadikan sebagai asas pengukuran pengendalian syarikat-syarikat ini.

Ketiga, langkah-langkah untuk mengurangkan penglibatan anak-anak Syarikat. *This is a..*, ini satu perkara yang *contradiction* iaitu *should government be in business*. Saya rasa ini kita perlu bincangkan, saya sekarang itu sebab PKNS, PKPN yang ditubuhkan untuk menolong memacu perniagaan dan perniagaan di Malaysia dan oleh sebab itu kita ada *balance* antara syarikat-syarikat swasta dengan syarikat-syarikat kerajaan. Ada orang berpendapat, kerajaan tidak sepatutnya terlibat dalam perniagaan dan perdagangan. Kenyataan ini ada kebenaran, ada juga, juga ada yang mengatakan kita perlu, kerana kita mempunyai tanggungjawab sosial yang menentukan tidak ada ketidakseimbangan daripada segi pemilikan harta dan perjalanan *business*. Buat masa ini polisi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, kalau kita dalam *business*, syarikat-syarikat kita dalam *business* mesti bersifat *very business like*. Maknanya tidak lagi bersifat macam kerajaan. Maknanya mereka tidak boleh beri tanah kepada orang dengan harga yang rendah. Sebab, mereka mesti bersifat *business like*. Sebab keuntungan dan kerugian mereka dapat diukur mengikut keupayaan mereka dalam syarikat-syarikat yang boleh dibandingkan dengan sektor swasta.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Mungkin minta penjelasan sedikit berkenaan dengan pembayaran dividen GLC kepada Kerajaan Negeri Selangor, boleh tak saya minta kalau boleh secara rumusan dari tahun 2007 sampai 2010 pembayaran dividen oleh setiap GLC ini kepada Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER** : Ini ada dalam soalan tidak ?



**YB PUAN GAN PEI NEI** : Ini berkenaan dengan GLC

**TUAN SPEAKER** : Ya, saya tahu, tetapi tidak ada di dalam soalan ?

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tetapi tidak ada dalam soalan.

**TUAN SPEAKER** : *You* kena perlukan notis, tapi takkan Menteri Besar boleh ingat semua.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Jadi I minta, mungkin tak secara keseluruhanlah, tetapi statistik boleh dibekalkan kemudian, terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya pun yang sebenarnya banyak daripada syarikat ini tidak untung sangat. Oleh sebab itu dividen tak boleh dibayar. Kedua, sebab itu sekarang kita mempunyai satu polisi yang kalau mereka menjalankan *business*, mereka mesti mendapat untung dan kedua boleh membayar dividen. Itu satu perkara dan boleh jadi sudah tentulah Kumpulan Darul Ehsan boleh membayar dividen sebab dia juga ada pelaburan-pelaburan yang mendatangkan keuntungan. Saya berpendapat Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) pun boleh membayar dividen tetapi Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. iaitu UNISEL tak boleh. Sebab mereka satu universiti walaupun mempunyai ramai tetapi daripada segi akaun, mereka paling baik. Untuk perhatian, dalam masa dua atau tiga tahun yang mendatang adalah *break-even*. Maknanya, itu memang tak boleh. Bukit Beruntung Golf Country Resort Sdn. Bhd. kita hendak jual *because* tak ada.. kita memang tak mempunyai kepakaran untuk mengendalikan syarikat golf. Maknanya, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. boleh dapat untung tetapi masih banyak yang perlu dilakukan dan kita sudah janjikan juga dividen untuk ketua-ketua kampung.

Tourism Selangor (*break-even*), banyak daripada kerja yang dilakukan adalah *promotions*. Jadi, kalau dia untung *I will be very surprise*. Itu maknanya. Rantaian Mesra adalah *monitoring* (mereka membuat sistem untuk tahu berapa banyak duit yang kita beri kepada warga emas dan yang berkaitan). SSIC Berhad tidak juga untung sebab *is a support* (maknanya dia untuk menggalakkan pelaburan datang ke negeri Selangor) tetapi kita ada KPI. Kalau mereka bawa RM2 juta, RM202 bilion kita beri 1 persen kepada mereka. Kalau dia dapat RM5 bilion lagi banyak mereka dapat duit. Oleh itu, kita ada pemantauan cara tersebut tapi bukan kita anggap syarikat ini boleh bawa untung.

Communcation Corporation Sdn. Bhd. pun adalah satu syarikat komunikasi yang saya tidak nampak mereka membuat untung yang banyak. Majlis Sukan Negeri Selangor Sdn. Bhd. lagi untuk bola sepak kita kena bayar RM4 juta setahun. Kalau tidak jadi bola sepak negeri Selangor. Tetapi, tak ada untung. Itu memang bukan *business* tetapi kita kena teruskan sebab FAS bukan untung langsung. Yayasan Warisan Anak Selangor ya boleh tetapi *in steps*. Yayasan Dar Alqard Alhassan Selangor kalau kita buat untung untuk *micro credit, something wrong with us*. Jadi kita perlu guna sistemnya dan tidak ada kerugian. Inilah beberapa contoh yang boleh saya berikan tetapi angka-angkanya saya tak berapa ingat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang. Ya, Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI** : Tuan Speaker, soalan 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : KELULUSAN PERMOHONAN TANAH**

94. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Huraikan rungutan rakyat berkenaan kelulusan permohonan hak milik tanah terlalu perlahan, apakah kerajaan tidak berhasrat merombak bahagian pentadbiran ini?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Kelulusan permohonan tanah. Tuan Speaker, terdapat rungutan berkenaan kelulusan permohonan hak milik tanah terlalu perlahan. Adakah kerajaan berhasrat merombak bahagian pentadbiran ini? Terima kasih Sri Muda. Walau bagaimanapun, cara yang kita buat sebelum 2008, individu terpaksa pergi ke Pejabat Daerah untuk membuat permohonan supaya mereka dapat pemilikan tanah. Maknanya, satu kawasan itu walaupun ada dua tiga ratus orang yang mempunyai tanah milikan sementara tetapi terpulang kepada individu-individu melalui wakil rakyatnya ataupun melalui agen-agensya untuk membuat permohonan supaya dapat hak milik tanah. Maknanya, kita dapati terlalu keadaan yang tidak bersistem. Ada sesetengah individu umpamanya di Ijok (Sri Setia di Ijok) walaupun ada 200 peneroka di sana ada 2, 10 atau 20 tiap-tiap tahun dapat. Yang lain itu tak tahu apa yang berlaku.

Pada 2008 kita tengok keadaan tersebut. Kita buat satu polisi yang secara menyeluruh kita hendak selesaikan permohonan pemilikan tanah jika kita dapati keadaan itu memang perlu dan kita dapati masyarakat di sana sudah duduk lebih daripada 15 tahun (ada sesetengahnya lebih 30 tahun). Maka, kita buat secara berkelompok, iaitu kawasan tersebut, misalnya banyak kelulusan yang dibawa di Sabak Bernam secara berkelompok. Dengan itu Pegawai Daerah turun padang untuk mendaftar mereka yang inginkan tanah. Untuk pengetahuan dewan, kita tidak kira mereka ini dari politik mana ataupun daripada kaum apa kita tidak kira. Sebab kita hendak selesaikan pemilikan tanah jadi kita hendak tahu kalau benar-benar dia hendak duduk di situ dan betul-betul sudah lebih 15 tahun. Maknanya, dia berhak untuk dapat tanah tersebut. Jadi kita tidak ada sistem diskriminasi. Jadi oleh sebab itu Pegawai Daerah (KPI Pegawai Daerah) dan pejabat tanah berkenaan mesti menyelesaikan perkara-perkara tersebut.

Ada juga baiknya sistem ini, ada juga buruknya sistem ini. Baiknya, kita dapat selesaikan satu kampung tetapi buruknya boleh ada dua, tiga kes yang melewati. Sebagai contoh di Klang di satu kawasan sudah terdapat 20 kawasan kita kenal pasti permohonan. Ini mengikut ramai tidak kira ramai orang. Sabak Bernam 58, Gombak 66. Ada 66 kampung kawasan sudah kita buat. Hulu Selangor 56, Petaling 29, Hulu Langat 64, Kuala Selangor 39, Kuala Langat 23, Sepang 33. Kesemuanya 388 penempatan kita buat. *Target* kita lebih 100,000 kelulusan. Namun, saya nampak ada juga nama bertindih, kedua ada yang tidak duduk di kampung itu pun hendak minta nama dimasukkan sebabnya dia pernah duduk di kampung itu 10 tahun dahulu. Jadi, itu masalah yang timbul. Kedua, ada juga yang adik-beradik sehingga 8 orang, dia hendak minta 8 tapak. Kita tidak boleh berikan. Masalah semacam ini pun ada. Berapa banyak. Oleh sebab itu saya minta ahli EXCO dan sesetengah ahli dewan negeri turun padang cuba menyelesaikan perkara tersebut. Memang ada baiknya, ada buruknya dan ia boleh diluluskan pada MTES ataupun mesyuarat EXCO tiap-tiap minggu untuk kelulusan.

Kerajaan kita mensasarkan yang 388 ini yang begitu banyak ini diselesaikan akhir tahun 2010. Sudah ada kita sasarkan tetapi bukan senang. Mula-mula saya ingat proses sahaja bukan

senang sebab ada juga yang mereka yang tak sepatutnya dapat, dapat dan yang sepatutnya dapat kita tinggalkan. Jadi banyak kesnya. Bagi saya cara membuat secara menyeluruh ini adalah lebih adil kerana mereka sudah tinggal di sana puluhan tahun. Jadi, tidak perlu kita asingkan. Kita beri kepada mereka supaya semua rakyat Selangor yang mempunyai hak untuk mendapatkan tanah kita beri. Maka, dengan cara itu kita boleh adakan pembangunan yang menyeluruh.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada YAB Tan Sri kerana dalam tempoh yang singkat telah banyak menyelesaikan masalah pemilikan tanah yang selama ini memang dirungut oleh rakyat khususnya di kawasan Sekinchan. Banyak telah diselesaikan. Ini beza daripada kerajaan yang lalu. Walau bagaimanapun, masih terdapat penempatan khususnya di Kampung Bagan yang status tanah itu memang sukar untuk diselesaikan sekiranya dengan hanya inisiatif Adun ataupun dengan inisiatif daripada pejabat tanah dan daerah sahaja. Ini perlu kekuatan dan keberanian daripada YAB untuk memberi bantuan. Saya beri contoh di Bagan Sekinchan (lorong 6 hingga 12) penempatan di situ orang dah duduk 50 tahun, 60 tahun tapi kawasan tersebut status tanah adalah rizab Melayu. Rizab Melayu tapi duduk cina. Duduk cina majoriti seratus peratus cina. Bagan Sekinchan (lorong 6 hingga lorong 12) dan sebahagian juga berlaku di Sungai Burong, Kampung Bagan Sungai Burong dan Bagan Nakhoda Omar. Dan saya minta YAB Tan Sri kalau boleh selesaikanlah masalah ini kerana orang dah duduk sana 50 tahun tetapi status rizab Melayu. Ini yang pening kepala sampai sekarang. Minta pertolongan daripada YAB

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : YAB ada empat minit untuk jawab.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Puan Speaker. Saya hadapi kesukaran tersebut. Pertama, ia bukan sahaja masalah tempat itu kemudian dia duduk atas rizab sungai atau laut. Susah betul. Namun, cara penyelesaiannya ada. Pertama, kalau dalam rizab Melayu kita kena ganti. Polisi kita ialah mengganti tanah. Kita perlu ganti bukanlah pula kena ganti dan letak tanah itu di hutan mana pula. Tak boleh. Kita perlu ganti di tempat yang sesuai. Untuk mencari tempat yang sesuai itu memang susah tetapi kita perlu selesaikan dengan cara begitu. Dan polisi mesti kita lakukan, iaitu kita kena ganti.

Kedua, kalau pula di kawasan rizab sungai itu pun masalah yang sangat besar. Kita ada beri dua *options*. Satu *option*, kita tidak boleh beri tanah kepada mereka dan mereka boleh tinggal, tetapi tidak boleh menapat geran sebab ia kawasan rizab dan mencarikan tanah alternatif untuk mereka. Sebab kalau kita beri geran maknanya kita sudah menerima polisi membenarkan orang duduk di rizab dan ia boleh menimbulkan masalah yang banyak esok. Oleh itu saya rasa saya ini memang masalah yang sangat rumit untuk diselesaikan tetapi kita mesti selesaikan secara kumpulan bukan secara individu. Sebab saya tahu tempat yang ada di bagan itu ada individu yang sudah dapat *title* walaupun yang lain tak dapat. Dia dapat dan *title* itu sepatutnya tidak boleh diberi tetapi diberi. Ini masalahnya walaupun tanah milikan kawasan tanah orang Melayu tetapi sudah diberi. Ini yang menjadikan masalahnya bertindih-tindih dan saya tidak menyalahkan sesiapa tetapi tanggungjawab kita adalah menyelesaikannya dengan betul.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER** : Ya, silakan Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Ini bab pengurusan tanah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Salah satu daripada isu penting, isu tanah iaitu untuk pemberian tanah ini adalah hal premium. Kadangkala dasar Kerajaan Negeri untuk memberikan premium pada kadar semasa agak membebankan kepada penerima-penerima yang kebanyakannya agak rendah. Jadi apakah dasar Kerajaan Negeri untuk berupaya mengurangkan ataupun memberikan pertimbangan lain terutama bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk membayar premium yang agak tinggi jika dibandingkan pada masa-masa lepas atas dasar premium pada kadar semasa.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat dari Batu Caves, dan Puan Speaker. Saya terima keadaan tersebut tetapi polisi kita adalah menilai tanah itu mengikut harga semasa. Kalau kita tidak buat itu kita tidak konsisten. Kedua, kita mesti ترجمahkan dalam bentuk diskaun tetapi kalau diskaun berubah-ubah nanti sukar untuk pegawai-pegawai kita menjalankan tugas mereka dengan tertib. Saya cuba buat polisi baharu yang belum kita bincangkan iaitu bantuan kepada mereka yang berpendapatan betul-betul rendah. Maknanya, kita ada satu polisi baharu boleh kita berikan premium yang sewajarnya tetapi mereka yang dapat sahaja tanah itu esok dijualnya, maka hal itu Puan Speaker, menyakitkan hati kita juga. Sebab itu tidak boleh tetapi itu yang mesti kita cari bagaimana satu polisi yang boleh pemilikan tanah itu bertahan katalah sampai 5 tahun. Tak bolehlah beratus tahun. Kedua, mereka dapat membayar premium yang mereka sanggup bayar. Ini yang saya hendak bincangkan. Tetapi kalau polisi yang dibuat secara rambang ataupun secara *case by case* sangat sukar untuk pegawai-pegawai kita menjalankan tugas dengan tertib.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah pun menunjuk pukul 11.00 pagi. Dengan saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan (2011) 2010.

**III. i) RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2011) 2010 (Sambungan)**  
(Jawatankuasa Perbekalan)

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.1 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM80,752,569.00.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadual B.1 - iaitu wang sejumlah RM80,752,569.00 untuk kepala B.1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya hendak bahas sikit.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, sebenarnya kalau ingin dibangkitkan sebelum saya bercakap tadi. Kita belum buka untuk ruang perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.2 - Pelbagai Perkhidmatan, RM33,449,397.00

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadual B.2 - iaitu wang sejumlah RM33,449,397.00 untuk Kepala B. 2 Pelbagai perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.3 - Dewan Negeri Selangor, RM15,900,199.00

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Pengerusi, saya ingin ambil bahagian tentang aktiviti 50500 muka surat 128 Kod 29000 muka surat 128 tentang hospitaliti sebahagian daripada peruntukan RM3,690,413.00 di mana aktiviti 50500 Dasar Baru muka surat 128 RM1,652,000.00. Kod 29000 muka surat 129 hospitaliti RM1,172,000.00 dan kod 20000 perkhidmatan dan bekalan muka surat 130 di mana peruntukan bagi tahun 2010, 2011 adalah RM6,858,745 dengan kod

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat Hulu Kelang, adakah Yang Berhormat ingin membahaskan?

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Ia, saya ingin membahaskan tentang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, perbahasan akan dibuat selepas ini. Jadi ruang ini hanya diberikan jika ada pembetulan ataupun daripada usul yang telah dinyatakan jadual tadi.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Puan Speaker, kalau boleh saya dapatkan panduan. Sekarang kita dalam peringkat Jawatankuasa dan inilah ruang untuk Ahli-ahli Dewan berbahas.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Betul Bukit Antarabangsa. Kita memang ada beri ruangan selepas ini untuk perbahasan.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Sebelum diluluskan kita kena bahas dulu. Ya. Sebaik sahaja Setiausaha Dewan bangun menyatakan kepala mana dan Puan Speaker kena buka untuk perbahasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik teruskan. Hulu Kelang tadi dah hilang? Mana Hulu Kelang? Baik, sila

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Tuan Timbalan Speaker, kalau, nampak ada kesilapan tadi. Sepatutnya ada perbahasan. Yang sebenarnya pun saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan apabila membincangkan Vot P.1 tadi. Tapi oleh kerana dah diluluskan, jadi sama ada oleh kerana kesilapan ini telah berlaku boleh tak bagi ruang untuk perbahasan sebelum di bawak diluluskan? Ini satu kesilapan sebenarnya kerana tidak bagi laluan untuk memberikan perbahasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya beri ruang kepada Hulu Kelang tadi tapi dia sudah keluar. Jadi untuk yang Jadual B.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Puan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya sebab daripada awal tadi kita sudah tersilap rasanya tak ada salahnya kalau kita balik kepada semula yang tadi untuk kita bagi ruang perbahasan dalam Jawatankuasa ini. Sebab ini penting.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, saya mengambil maklum kita akan buka untuk perbahasan. Sila merujuk kepada Jadual, Jadual berapa yang akan dibahaskan?

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Timbalan Speaker kalau boleh dibenarkan membuat perbahasan. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan kod projek P. 01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan PK 20 Merakyatkan Ekonomi Selangor, Kod Projek 10200/01 Pembangunan Sungai Klang. Sebagaimana kita sedia maklum, projek pembangunan Sungai Klang merupakan satu daripada 6 projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam pembentangan Bajet 2010 pada 10 November 2009. Pakej ini dijangka akan menjana pelaburan sebanyak RM50 bilion dan mewujudkan 150,000 peluang pekerjaan. Semasa melancarkan Karnival Sungai Klang pada 23 Mac 2010, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan projek pemulihan Sungai Klang ini akan menelan belanja sebanyak RM50 bilion yang akan disiapkan dalam tempoh 15 tahun. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga telah mengumumkan seperti apa yang telah dilaporkan di dalam akhbar The New Straits Times pada 15 Mac 2010 bahawa sebanyak RM2 bilion telah diperuntukkan iaitu RM1 bilion untuk membersihkan Sungai Klang dan sebanyak RM1 bilion lagi untuk pembangunan Sungai Klang dalam tempoh pelaksanaan selama 2 hingga 3 tahun. 3 syarikat telah dipilih daripada 7 syarikat yang telah membuat tawaran dan sebuah syarikat GPS Asia dipilih *post approve* dengan izin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mengikut laporan urus tadbir Selangor, dasar program dan fakta Kerajaan Negeri telah melaporkan apa yang telah dibuat, apa yang sedang dibuat dan apa yang akan dibuat. Di antara 3 perkara, apa yang telah dibuat ialah menyenarai pendekkan syarikat-syarikat untuk kerja pemulihan dan pembangunan. Di antara 4 syarikat yang sedang dibuat ialah mengenal pasti syarikat pelaksanaan projek dan pelan induk pembangunan projek pemulihan Sungai Klang. Mengikut laporan terperinci Bajet 2011 di bawah anggaran Perbekalan Pembangunan 2011 kod projek 10200/02 seperti yang dinyatakan dalam muka surat 116, Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan nominal vot dengan izin RM10.00 sahaja daripada jumlah kos RM10 juta bagi tahun 2011 iaitu sebanyak 0.000% sahaja. Berdasarkan kepada fakta ini ada beberapa rumusan persoalan yang saya ingin kemukakan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri. Pertama, adakah Kerajaan Negeri benar-benar serius dengan perancangan dan pelaksanaan projek sungai Klang walaupun sentiasa memaklumkan dan mempromosikan kepada rakyat mengenai projek

ini. Apa yang Kerajaan Negeri nampaknya boleh buat dengan memberikan peruntukan hanya nominal vot iaitu RM10.00 sedangkan apa yang sudah dibuat ialah:

1. Gazet simpanan sungai sepanjang 50 meter di kedua-dua sisi sungai
2. Inventori guna tanah Sungai Klang. Selesai untuk Klang, Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya dan akan dimulakan di Ampang Jaya.
3. Syarikat di senarai pendek untuk kerja pemulihan dan pembangunan.

Dan apa yang akan dibuat pertama ialah memulihkan dan membersihkan intensif sungai. Kedua, membentuk badan pemantau dan pemulihan dan pembersihan sungai. Ketiga, pembangunan infrastruktur awam. Empat, pembangunan modal insan dan kelima, merealisasikan visi pemulihan Sungai Klang sebagaimana yang telah diwar-warkan. Saya mendapat kalau peruntukan sepuluh ataupun token vot ini hendak beli kertas satu rim kertas AF pun tak cukup. Dan saya nampak mungkin apa yang dilakukan ialah menambah bajet pada 2011. sedangkan dalam pembentangan bajet Kerajaan Negeri menyatakan dasar bajet berimbang. Jadi sekiranya ada tambahan peruntukan, adakah Kerajaan Negeri dapat memastikan bahawa bajet 2011 akan menjadi bajet yang berimbang? Kalau tidak, ini mungkin satu lagi pembohongan kepada rakyat Negeri Selangor.

Kedua, apa sudah jadi dengan 4 syarikat yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac? Iaitu syarikat pertama syarikat Wessex Water One Berhad Corporation. Kedua, Syarikat TSS Micro Engineering Sdn. Bhd., ketiga syarikat GJA Engineering & Construction dan keempat Syarikat DB2 Asia. Bila, kita ingin bertanya bila hendak dimulakan kerja-kerja dan sila Yang Amat Berhormat Menteri Besar berikan laporan mengenai kemajuan kerja-kerja syarikat tersebut.

Yang ketiga, bagaimana kerja-kerja boleh dimulakan syarikat-syarikat tersebut sedangkan pelan induk pembangunan projek pemulihan Sungai Klang sedang dibuat dan belum disiapkan lagi. Projek sebesar itu sudah barang tentu menghadapi risiko besar kalau dilaksanakan tanpa pelan induk itu disiapkan.

Keempat, berapakah jumlah pemilikan dan keluasan tanah-tanah yang telah digazetkan termasuk tanah milik individu dan juga tanah milik kerajaan. Jika melibatkan *equazation* dengan izin ataupun pengambilan balik tanah berapakah jumlah pampasan yang telah dan akan dibayar oleh kerajaan.

Kelima demi ketelusan dan selaras prinsip tadbir urus baik yang sentiasa ditekankan oleh kerajaan YAB Tan Sri Menteri Besar, kita mahu kerajaan negeri mempamerkan pelan Induk Pembangunan Sungai Klang secara terperinci kerana rakyat sudah lama menunggu terutama mereka yang tinggal di sepanjang Sungai Klang. Ini penting kerana ini merupakan projek berskala besar demi kepentingan rakyat.

Keenam sejauh manakah projek ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri Selangor khususnya kesan kepada KDNK Negeri Selangor bagi Tahun 2011, 2012 dan 2013. Oleh kerana Kerajaan Selangor sentiasa mempromosi projek pemulihan dan pembangunan Sungai Klang termasuklah dalam pembentangan bajet kali ini dengan menekankan konsep "*Blue Dollar*" dengan izin ataupun penjanaan ekonomi berasaskan sumber air saya meminta YAB Menteri Besar memberikan penjelasan mengenai keenam-enam persoalan saya telah bangkitkan. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Pengerusi, terima kasih memberi saya peluang sekali lagi tentang Kod 10 Emolumen muka surat 95 yang terdapat peruntukan RM14,676.058.00 berkenaan dengan *value for money* di mana bilangan perjawatan di bawah Menteri Besar dan SUK adalah seramai 366 orang. Jadi kalau dibahagikan peruntukan emolumen dengan bilangan perjawatan ini bermakna peruntukan 43,679 setiap penjawat setiap tahun ataupun RM3,640.00 setiap penjawat setiap bulan purata bererti *value for money* yang dibayar kepada setiap penjawat di Pejabat Menteri Besar hampir-hampir menyamai 90% elaun tetap ADUN. Dan ADUN kerja macam-macam. ADUN Pakatan Rakyat, rajin mungkin ADUN Pembangkang juga begitu, dan kita buat macam-macam kerja daripada anak lahir sampai orang meninggal, tak kira masa tak kira zaman. Jadi itu *expectation* 88% *value for money* adalah purata bilangan penjawat di Pejabat MB begitu *expectation* rakyat itulah *delivery* yang perlu disampaikan oleh setiap penjawat di dalam Pejabat Menteri Besar dan SUK. So kita aspek *zero defect, zero aduan, zero complaint*. Kemudian dari segi butiran program 5001 Kod 11,000 Dasar Baru sebagai gaji dan upahan jumlah emolumen RM1.3 juta. Jadi Hulu Kelang ingin tahu apakah dasar baru tersebut dan kenapa diletakkan di bawah gaji dan upahan sedangkan perjawatan adalah kosong. Kemudian Hulu Kelang ingin menarik perhatian tentang Kod 29000, RM29,000.00 yang melibatkan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain dan yang dibeli dan hospitaliti di mana dalam penilaian perbagai aktiviti sebagai contoh aktiviti 50500 RM18juta aktiviti 551000 RM929,400.00 aktiviti 550000 RM1.1 juta. Jumlah keseluruhan daripada 11 aktiviti di bawah kod 29,000 terdapat peruntukan RM 24,214.579.00 Jadi merujuk kepada muka surat 95 kod 20,000 ataupun 20000 Perkhidmatan dan Bekalan keseluruhan peruntukan adalah RM51,491,319.00 yang merupakan 47% Kod 29 merupakan 47% daripada keseluruhan perkhidmatan dan bekalan yang bernilai RM 51.46 juta. Jadi Dewan perlu mendapat penghuraian yang lebih terperinci tentang penggunaan pembelian perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain termasuk hospitaliti. Kita jangkakan bahawa peruntukan hospitaliti adalah tentang jamuan makan di mana Kerajaan Negeri Selangor ini memang sangat bermurah hati. Ramai pelawat, pelanggan yang hadir di berikan jamuan makan dan semalam kita ada dua jamuan bertindih. Satu Jabatan Bekalan Air, Pengaliran Dan Saliran ada program ada makan dan sedangkan Dewan pun ada makan. Peruntukan-peruntukan itu bertindih, pembaziran itu berlaku. Jadi kita, Hulu Kelang ingin mendapat penjelasan dan huraian yang lebih tegas daripada pihak kerajaan adakah peruntukan yang menunjukkan 47% daripada RM51.4 juta adalah untuk makan minum sepanjang 2011 di jabatan-jabatan dan agensi. Dan Hulu Kelang juga ingin tahu apakah kriteria keputusan yang dibuat tentang jamuan makan jabatan dan agensi-agensinya di bawah Kerajaan Negeri Selangor kerana sebagai contoh di peringkat Dewan Negeri kita ada Jawatankuasa Khas, ada mesyuarat 7 orang tapi disediakan untuk seluruh jabatan. Saya tidak menghalang perkara ini kalau dia ada rasional ada justifikasi tetapi kenapa mesyuarat yang diadakan untuk 7 orang persediaan makan untuk seluruh jabatan melibatkan 30, 40 orang. Kalau ada justifikasi boleh diterima. Kalau tidak, boleh kita tamatkan bahawa kena ada kriteria bahawa sesuatu mesyuarat itu tegas peraturannya untuk diberikan makan minum dan hidangan tengah hari. Jadi itu ingin saya tegaskan dalam peruntukan B.01 terima kasih, Pengerusi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Puan Pengerusi, Sijangkang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang saya kira agak penting ini berkaitan dengan B.01 Menteri Besar dan SUK Butiran Program 552000 Kod 2141000 Biasiswa dan Dermasiswa Bantuan Pelajaran. Terlebih dahulu Sijangkang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan



pada hari ini kerana kalau kita lihat daripada Audit Negara menunjukkan peningkatan caruman kerajaan negeri sejumlah RM 8,155,112.00 pada tahun 2009 yang mana sebelum ini RM5,155,112.00 kemudian dikekalkan dengan jumlah yang sama 2010 dan insya Allah pada anggaran 2011 masih lagi dikekalkan. Sekali lagi Sijangkang ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang saya dengan inisiatif pelaburan simpanan tetap sejumlah RM10,000.00 itu telah menghasilkan keuntungan akaun pelaburan RM 180,492.00 Tetapi saya juga ingin melihat di sini bahawa jumlah penghutang yang masih lagi agak tinggi iaitu RM 72,560.011.00 saya kira masih lagi terkumpul di situ dengan saya melihat jumlah pembiayaan kita daripada segi mungkin proses untuk pengutipan hutang balik yang melibatkan khidmat guaman sejumlah RM193,208.00 khidmat penswastaaan RM 114,444.00 yang ini adalah jumlah yang masih kira besar dan saya melihat apakah inisiatif-inisiatif yang lain yang saya kira kutipan tahunan kita masih menunjukkan satu kutipan yang menunjukkan tidak peningkatan yang memberangsangkan kalau tak silap saya pada tahun 2009 hanya RM 4,994,162.00 berbanding pada 2008 RM 4,414,371.00 sudah tentu ada satu-satu inisiatif yang mungkin lebih baik daripada selepas ini dalam proses mengutip hutang daripada penghutang-penghutang yang saya kira cukup besar jumlahnya dan Sijangkang juga ingin mengambil perhatian supaya bantuan biasiswa ataupun dermasiswa ataupun pinjaman Kerajaan Negeri Selangor ini bukan sahaja diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang melanjutkan pelajaran pembiayaannya di dalam negara tetapi Sijangkang melihat bahawa perlunya kerajaan pada hari ini memikirkan sejumlah yang boleh diperuntukkan untuk pembiayaan pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara. Walaupun pada suatu ketika dahulu mungkin termasuklah program-program pelajar kita yang di Yukrine, Rusia kita biayai tetapi pada hari ini mungkin kos-kos yang agak kritikal contohnya kos perubatan, pelajar-pelajar kita di Timur Tengah yang saya kira kosnya tidak begitu tinggi kalau kita bandingkan dengan kos-kos di negara-negara yang lain itu juga diberi perhatian kerana saya mendapat maklumat juga daripada pelajar-pelajar kita terutamanya di Timur Tengah ini yang mereka begitu konstren dengan keadaan kewangannya yang memerlukan bantuan-bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor terutamanya kepada mereka-mereka yang memang rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan usul berkaitan dengan anggaran peruntukan pembangunan bagi 2011 berkenaan P.01. Iaitu merujuk kepada muka surat 101 iaitu PK 6 Pembangunan Usahawan. Bawah kod 1060 butiran 01 hingga 06 Jumlah peruntukan untuk semua butiran adalah RM 2 juta dan Kajang berpendapat bahawa jumlah RM2 juta ini adalah terlalu kecil sekiranya kita hendak membangunkannya usahawan-usahawan dalam industri perkampungan.

Akan tetapi Kajang berpendapat juga kita seharusnya meneliti apakah hala tuju industri kampung kita. Adakah kita mempunyai rancangan atau pun **blue print** untuk membangunkan industri kampung kita. Adakah peruntukan yang diberi ini amalan biasa. Kalau dulunya ada sekarang kita ikut sahaja. Memang Kajang khuatir bahawa kita tidak seperti dengan izin **think out of the box** ataupun **think ahead**. Atau pun kita mempunyai rancangan struktur untuk pembangunan industri desa untuk membantu usahawan-usahawan di luar Bandar. Apakah jenis atau bidang tumpuan industri yang hendak kita tumpukan. Apakah jenis usahawan yang diperlukan dari segi kuantitinya dan juga kualitinya. Sekiranya kita melihat pembangunan di negeri kita, luar bandar merupakan tumpuan kita. Dan kita harus betul-betul menaiktarafkan kualiti hidup di luar bandar. Dengan ini industri usahawan memang tepat sekali tapi apakah jenis industri yang hendak kita lakukan itu memang satu persoalan. Jadi Kajang memang mencadangkan kita buat kaji semula dan bagi tumpuan khas.

Muka surat 102 PK 7 berkaitan dengan sosial. Kod 1070 pembangunan insan butiran 02 program menangani gejala sosial peruntukannya sebanyak satu juta. Kajang berpendapat dan juga mempunyai soalan bahawa apakah perbezaan antara program SPIES, GEM dengan program menangani gejala sosial ini. Apakah kemungkinan program butiran 02 iaitu program menangani gejala sosial ini disatukan ataupun di serapkan kepada butiran 01 iaitu program SPIES. Butiran 07 pula berkaitan dengan pembangunan orang asli. Jumlah peruntukan untuk lima tahun ialah satu juta dan jumlah untuk 2011 ialah tiga ratus ribu. Kajang berpendapat mendapati peruntukan untuk 2011 iaitu tahun depan memang terlalu kecil iaitu tiga ratus ribu sahaja. Memandangkan masyarakat orang asal menghadapi masalah amat runcing seperti yang disebutkan oleh EXCO semalam iaitu *the poor of the poor* dengan izin *of the poorest* ya. Memang terlalu dan dalam keadaan terlalu tenat dan perluan bantuan. Jadi Kajang berpendapat peruntukan untuk tahun 2011 ini terlalu sedikit. Kerajaan negeri harus diwujudkan seperti yang disebut semalam harus wujudkan satu badan khas atau jawatan kuasa stanco khas untuk kemajuan dan pembangunan masyarakat orang asli secara menyeluruh.

Bagi muka surat 111 PK 15 Projek Khas Negeri. Kod Projek 10150 butiran 01 Taska SUK. Kajang mendapati kos projek untuk Taska SUK dalam lima tahun adalah sebanyak 1.45 juta. 1.45 juta dan diperuntukkan untuk lima tahun 1.15 juta. Dan untuk tahun 2011 peruntukan adalah sebanyak 1 juta. Untuk Taska SUK. Jadi Kajang ingin bertanya apakah projek Taska SUK yang melibatkan kos begitu tinggi. Berapakah bilangan anak-anak dan juga kapasiti dalam bangunan yang akan di bina ini untuk dijadikan Taska SUK.

Muka surat 117 PK 21 Am Kod 10210 Butiran 02. Perindustrian dan pelaburan. Jumlah peruntukan bagi 2011 ialah 1.6 juta. Memandangkan pembangunan ekonomi amat bergantung pada sektor perindustrian dan pelaburan, yang menyumbang lebih daripada 32.4 % daripada KDNK, jumlah peruntukan 1.6 juta amatlah rendah kerana negeri harus mengambil inisiatif.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Puan Pengerusi perkara peraturan 36.1. Minta petua. Kita di peringkat Rang Undang-undang Perbekalan bukan usul Pembangunan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya betul. Ini sudah masuk kepada P Belanjawan Pembangunan. Kita masih dalam urus tadbir Perbekalan. Baik pihak kerajaan ada ingin membuat penjelasan perkara yang di bangkitkan. Atau pun masih ada lagi Yang Berhormat ingin membangkitkan daripada Jadual B.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** *Assalamualaikum*. Saya Puan Timbalan Speaker, saya nak jawab yang disebutkan oleh Kajang tadi apakah bezanya program menangani gejala.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ada lagi. Sila kan.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Puan Timbalan Pengerusi, Kajang belum habis.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kajang belum habis.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Boleh di sambung.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Nanti-nanti. Duduk. Speaker, Puan Pengerusi kena jelaskan apakah sekarang perbahasan di gabungkan bekalan dengan pembangunan. Saya

kalau mengikut pengalaman saya, sekarang memang kita boleh gabungkan bekalan dengan pembangunan untuk dibahaskan. Jadi Puan Pengerusi kena buat **roaling** itu dahulu sebab sekarang ada **confusion** dalam dewan ini. Sebelum kerajaan jawab.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sebab yang fasal-fasal yang di. Ok jadual-jadual yang di akan diluluskan atau pun yang di bentangkan untuk diluluskan adalah Jadual B berkaitan dengan pengurusan. Jadi saya bukalah kepada Yang Berhormat untuk bangkitkanlah berkaitan dengan jadual B.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Jadi Kajang boleh teruskan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Muka surat 117 iaitu PK 21 Am berkaitan dengan perindustrian dan pelaburan itu yang disebutkan tadi memang terlalu kecil dari segi peruntukannya untuk ya, untuk menggubal khasnya negeri kita untuk menggubal rancangan struktur.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Perkara 36.1 Pengerusi masih lagi di dalam pembangunan. Pembangunan adalah belum kita masuk lagi. Kita masih peringkat perbekalan pengurusan B.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya Jadual B adalah bab berkaitan mengurus.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Pengerusi saya mencadangkan untuk kita merujuk tiap-tiap jadual. Kita baru habis perbahasan jadual B1 kemudian B2 dan B3 saya mencadangkan untuk supaya perbahasan mengikut tiap-tiap jadual supaya tidak lebih teratur.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tak mengapa kita mengambil Jadual B tapi mesti menyatakan Jadual B berapa supaya kita boleh ikuti apa yang dibangkitkan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Pengerusi boleh saya bagi pandangan. Kita akan bahaskan sebagai Jawatankuasa B 1, Ahli Dewan bagi pandangan. Kemudian diberi jawapan oleh pihak Kerajaan kemudian baru kita luluskan setiap satu baru pergi pada B 2 dan seterusnya, begitu, adakah itu yang akan dilakukan oleh Pengerusi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kita boleh, begitu pun boleh juga. Ya supaya kita tidak menghadkan kepada perbahasan yang terhad kepada Jadual B 1 sebab kita ada dua puluh, kita ada banyak ya, Jadi kita kena pastikan ia tidak bertindih dan perbahasan adalah kalau mengikut fasal 66 (2) saya bacakan. Setelah usul hendak dibacakan undang-undang perbekalan bagi kali yang kedua dicadangkan dan disokong maka perbahasan ke atasnya hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu jam. Apabila disambung semula perbahasan maka hendaklah dihadkan kepada asas-asas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan. Jadi mesti berkaitan dengan perkara-perkara yang di dalam perbekalan tersebut. Jadi saya minta Yang Berhormat semua jika membangkitkan perkara itu adalah perkara berkaitan perbekalan itu sahaja supaya kita tidak membuang masa, bertindih atau pun mengulangi perkara yang sama ya. Jadi saya, sebelum saya teruskan saya tangguhkan lima minit dahulu ya.

**YB DATO WARNO BIN DOGOL** : Yang Berhormat Timbalan Speaker, mohon penjelasan ditangguhkan berapa lama.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kita tangguhkan lima minit dahulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan disambung semula di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menjelaskan. Jadi perbahasan akan dibuka untuk setiap jadual. Dan jadual yang akan kita bahaskan adalah jadual berkaitan pengurusan. Dan Yang Berhormat akan diberi peluang untuk membahaskannya sebelum ia diluluskan, satu demi satu. Jadi kalau kita sedang membincangkan berkaitan Jadual b(1) maka mestilah perbahasan berkaitan dengan b(1). Jadual b(1). Kemudian selepas dibahaskan, kita akan meminta pihak Kerajaan memberi jawapan, dan seterusnya pada Jadual yang seterusnya. Jadi amalan yang dibuat di Parlimen tu, tidak *aplicable*, dengan izin, di Dewan ini, yang mengatakan perbincangan, perbahasan berkaitan dengan pembangunan. Kita hanya perbahasan berkaitan dengan Jadual Pengurusan dahulu. Ya, Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Puan Pengerusi, ini bukan soal apa yang diamalkan Parlimen *aplicable*, atau tidak. Yang kita nak dapat panduan daripada Puan Pengerusi ialah apakah peraturan yang dibenarkan dalam Dewan ini. Yang dijelaskan oleh Puan Pengerusi tadi tidak timbul masalah, kita akan bincang butiran demi butiran. Sebaik sahaja butiran itu disebut, Dewan akan dibuka untuk perbahasan dan kemudian akan dijawab oleh Kerajaan. Apa yang menimbulkan perbezaan pandangan di sini ialah ketika butiran itu dibacakan dan dibuka untuk perbahasan, apakah dalam perbahasan itu, ianya hanya tertumpu pada bekalan dan tidak boleh menyentuh pembangunan atau dalam perbahasan bagi butiran yang berkenaan, Ahli Dewan boleh membincangkan dan membahaskan soal bekalan dan pembangunan. Apa yang saya dimaklumkan dan difahamkan peruntukan yang sedia ada di dalam Dewan ini ialah dalam membahaskan butiran yang berkenaan, Ahli-ahli Dewan boleh membahaskan dalam kedua-dua aspek iaitu bekalan dan pembangunan. Yang ini yang kita perlukan petunjuk dan fatwa dari Puan Pengerusi. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, terima kasih, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Saya sudah pun mendapat fatwa. Fatwanya adalah perbahasan berkaitan dengan Perbekalan sahaja. Pembangunan bukan di sini. Jadi saya menjemput Yang Berhormat jika ada lagi yang ingin membahaskan Jadual b(1), berkaitan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Jika tiada, saya minta pihak Kerajaan memberi jawapan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya nak menjawab tentang perkara yang dibangkitkan oleh Sungai Burong dan Hulu Kelang, Sijangking dan Kajang, tapi nampaknya Sungai Burong tak ada di sini. Dia keluar. Kita telah untuk... ( gelak ) , (Sungai Burong masuk Dewan) ada, ok, terima kasih banyak. Terima kasih Sungai Burong kerana hadir. Saya, kita akan serahkan kepada Sungai Burong sebab projek pembangunan Sungai Kelang yang kita telah sediakan untuk perhatian. Jadi saya berterima kerana perhatian beliau tentang perkara ini.

Mengapa kita tidak teruskan program ini sebab kita menunggu program yang kita akan satukan dengan Bandar raya Kuala Lumpur. Sebab satu pertiga daripada sungai kita ini adalah di Bandar raya Kuala Lumpur. Kalau kita bersihkan hulu, di tengah tidak bersih, kemudian di..., jadi oleh sebab itu perbincangan kita dengan Kerajaan Persekutuan, dia mengatakan Sungai Kelang ini dalam perancangan mereka sebagai *river of live*, maknanya untuk membawa pembangunan keseluruhan. Jadi pada saya, pandangan saya, lebih kita bekerjasama daripada buat berasing. Jadi itu sebab saya kata, ok, kita bagi masa untuk mereka, supaya kita ada satu perbincangan yang menyeluruh untuk ketiga-tiga. Itu sekarang. Tapi, untuk Selangor kita dah sedia, kita dah bagikan kepada mereka dan kita setuju tentang konsep menggazet ke semua. Itu sebab kita buat. Kedua..

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Timbalan Speaker, boleh penjelasan sikit. Terima kasih. Terima kasih di atas penjelasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kita pun faham bahawa ini, oleh sebab projek ini besar dan ingin diselaraskan dengan konsep yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebelum ini pun menunggu daripada pelan *grater*, dari Kuala Lumpur. Cuma saya membangkitkan isu ini kerana dalam Bajet 2011 ini, bagi RM10.00 saja. Itu satu, kedua, kalau boleh nak minta jelaskan....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya hendak jelaskan sekarang. Pertama, kita sudah buat program itu, kemudian kita tunggu. Sebab kita tahu bajet RM10.00 ataupun angka yang kecil, bagi Sungai Kelang tidak mengambil Belanjawan untuk Negeri, hanya pemantauan oleh negeri, sebab kita gunakan konsep *private funding initiative*. Maksudnya, kita gunakan punca kewangan daripada swasta untuk menjalankan projek ini. Bukan Negeri. Sebab itu kita rentikan perbincangan tapi nampaknya Kerajaan Persekutuan mempunyai dua konsep. Satu, dipanggil *private initiative*, dan ingin mencari kumpulan wang untuk *public funding initiative*. Oleh sebab itu kita nak bincangkan. Kerajaan Negeri Selangor hanya berpandangan dalam konsep *private funding initiative*. Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai kumpulan wang yang banyak untuk perkara ini sebab kita pun tidak boleh. Tetapi Kerajaan Persekutuan juga mempunyai idea untuk *public funding initiative* melalui konsep penswastaan yang mereka hendak lakukan. Oleh sebab itu kita terenti sekejap supaya dapat kesamaan pandangan.

Bermakna, untuk negeri, kita tidak menggunakan wang negeri untuk ini. Sebab peruntukan negeri tak cukup. Kita bukan bercakap tentang RM100 juta, kita bercakap melebihi seribu juta. Bajet kita adalah RM1.4 ribu juta. Oleh sebab itu kita tunggu dan kita selaraskan. Kalau Kerajaan Persekutuan buat, dia boleh kerana Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan bon untuk *grater* Kuala Lumpur bon. Maksudnya, mereka boleh mengeluarkan bon untuk *grater* Kuala Lumpur dan kita boleh kepada jumlah punca wang tersebut untuk projek ini. Sebab itu saya tunggu. Kalau tidak, kita gunakan *private funding initiative*. Ia bermakna, orang yang membuat projek itu juga mencari wang untuk projek tersebut. Sebab itu ia disebut *private funding initiative*. Saya tunda sikit untuk mendengar penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Timbalan Speaker, saya jelas yang itu, cuma sekarang ni bila kerja-kerja ini akan melibatkan kos dan perbelanjaan, saya lihat banyak aktiviti-aktiviti bagi melaksanakan di peringkat *on the ground* termasuk macam pembelian tanah, *land position*, kerja-kerja kajian yang telah dijalankan ini. Saya nampak, kalau ini, soalnya saya nak tanya adakah ini besok akan dilaksanakan melalui *private inisiatif* dan tidak melibatkan langsung duit Kerajaan Negeri. Jadi ini yang saya jaminan, sebab dia nampak biasanya peruntukan RM10.00, *token vote* diberikan akan ada tanda-tanda untuk meminta peruntukan pertambahan bagi di akhir tahun belanjawan. Jadi saya jaminan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Kalau begitu pastikan dalam bajet 2011 tidak ada peruntukan tambahan untuk projek pembersihan Sungai Kelang ini.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Puan Speaker, minta laluan, semalam, berkaitan perkara yang sama Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah memberi penerangan yang cukup jelas pada semalam waktu bersidang dan ketika itu memang Sungai Burong tak ada dalam Dewan dan sekarang ditanya pula, dan kita berulang balik, agak membuang masa di Dewan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Saya ada di luar Dewan, saya tak ada ke mana-mana. Sebab saya Setiausaha Dewan Pembangkang, jadi saya kena duduk sini, orang balik baru saya balik. Dan saya kena *co-ordinate*,

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat,

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : ...*co-ordinate* benda ni, tapi saya dengar, saya nak beri penjelasan itulah. Dan saya, itu sebab hari ini disebut saya ...*co-ordinate* benda ni, tapi saya dengar, saya nak beri penjelasan itulah. Dan saya, itu sebab hari ini disebut saya berkaitan dengan saya, itu saya datang balik masuk, saya nak dengar apa penjelasan Menteri Besar.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya ingin mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian, tugas Yang Berhormat adalah berada di dalam Dewan, bukan perbahasan dari luar, ya. Jadi itu peringatan pada semua.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Pengerusi, saya hendak terangkan sedikit tentang konsep bajet ini. Ia ada dua; satu, dipanggil *operating*, maknanya bekalan tu disebut *operating*. Satu lagi pembangunan. Untuk projek-projek besar semacam ini, ia dimasukkan dalam pembangunan, ia tidak boleh dimasukkan dalam *operating*. Yang kita bincangkan *operating*. Yang saya masukkan RM10.00 semua tu, untuk pemantauan, maknanya kita perlu gunakan konsultan untuk meninjau, tetapi tidaklah melebihi RM200,000.00, RM300,000.00, tetapi kita kena *justification*. Sebab itu kita ada bajet. Kalaupun ada bajet itu, tetapi untuk pembangunan kita tidak boleh, sebab saya beri kenyataan kita tidak meletakkan bajet untuk pembangunan, dan kita setuju. Tetapi, katalah kita nak adakan peruntukan untuk penerangan mengenai Sungai Kelang, kita perlukan RM50,000.00, maka bolehlah kita masukkan ke dalam program ini. Sebab, ia bukan sahaja di Dewan Negeri Selangor boleh buat tetapi untuk Kerajaan Persekutuan pun, mereka buat macam itu. Sebab, ada masa yang kita gunakan. tetapi yang saya jelaskan mengapa terlewat, sebab kita hendak cantumkan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor kerana ada baiknya. Jangan terlalu gopoh untuk membuat pelaburan besar-besar, oleh itu kita kena cantumkan.

Bagi Kerajaan Persekutuan pula, untuk *greater* Kuala Lumpur, mereka punya jumlah peruntukan yang bajetnya satu trilion. Maknanya, satu ribu seribu juta. Bagi saya lebih baik saya bersama mereka. Maknanya, dahulu saudara bangkitkan untuk Lembah Kelang hanya dua bilion tetapi di Kuala Lumpur mereka bercakap satu trilion. Maka, saya hendak tanya satu trilion tu, jumlahnya, lepas itu... Kalau mereka masuk dalam Sungai Kelang dan saya samakan supaya pembangunan kita secara menyeluruh dan hendak kemukakan, esok Dewan boleh memantau penggunaan wang tersebut. Oleh itu sekarang diadakan satu Jawatankuasa Bersama antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Dan saya menunggu, Isnin minggu hadapan ada Jawatankuasa Bersama tentang perkara tersebut. Jadi, saya tunggu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan, hari ini adalah hari Jumaat, jadi Sidang hanya akan berhenti pada pukul 12.00, jadi Dewan bersidang semula.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jadi jam sudah menunjukkan pukul 12.03 minit, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini, jadi Dewan ditangguhkan. KETUK.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.03 tengah hari )**

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula dan Dewan bersidang dalam Jawatankuasa. Yang Amat Berhormat telah habis penggulungan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ada, untuk rekod sahaja supaya Sungai Burong dapat rekod. Tuan Speaker, beliau ingin membangkitkan supaya tidak ada peruntukan tambahan ataupun peruntukan untuk pembangunan Sungai Klang. Jawapan saya adalah untuk operasi kita buat tetapi tidak ada pembangunan. Untuk operasi mungkin ada kemungkinan kalau Kementerian Persekutuan mahu membuat apa yang disebut *Sungai Klang Development Authority*. Kalau itu berlaku, kita boleh masukkan dalam Bajet Belanjawan Untuk Bekalan. Kalau tidak, ia tidak berlaku. Untuk rekod sahaja.

Kedua, Hulu Klang membangkitkan tentang ringkasan perbelanjaan bekalan penambahan gaji. Yang ini kebanyakannya ada 2. Pengambilan pegawai baharu untuk pihak SUK untuk jadi kumpulan menjaga bangunan, *is the to take charge of building*. Dahulu bangunan, kedua dimasukkan dalam kalau ada bonus yang hendak diberi. Perkara yang penting di sini, yang dilihat Pejabat Menteri Besar tidak ada kenaikan daripada segi pekerja.

Perkara yang ketiga yang dibangkitkan oleh Sijangkang tentang pengutipan. Saya rasa itu perkara yang perlu kita lihat supaya lebih banyak lagi pendapatan dan ini kita dalam belanjawan pun kita bangkitkan dan kita hendak menjalankan usaha untuk mempertingkatkan pengutipan dan pendapatan premium kerana di kawasan-kawasan di Petaling Jaya, terdapat ramai mereka mempunyai pemilikan tanah mereka *lease holdnya* sudah hampir 30 tahun hendak luput. Oleh sebab itu kita adakan satu gerakan besar-besaran meminta mereka untuk memanjangkan lagi pemilikan sewa, sewa tanah *lease hold* kepada 99 tahun. Perkara yang penting untuk dibincangkan di situ adalah berapa banyak diskaun yang boleh diberi untuk premium yang hendak dikenakan.

Kajang bercakap tentang usahawan, saya faham. Jumlah peruntukan agak rendah tetapi itulah yang cukup untuk membelanjakannya. Saya berpendapat tujuan kita adalah menggalakkan usahawan, mengadakan satu persekitaran yang usahawan dapat bergerak. Kemudian sumbangan kita adalah memberikan tempat-tempat yang mereka boleh menghantar barangan untuk dijual dan seterusnya. Sekian, itu jawapan saya.

**YB DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Yang Berhormat Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER** : Ya?

**YB DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Saya hendak bertanya sikit boleh?

**TUAN SPEAKER** : Dah habis dah. Patut sebelum itu. Jadual B.1

**YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Pengerusi, Pengerusi tadi ada Kajang.

**TUAN SPEAKER** : Ada hendak jawab? Oh ya.

**YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Kajang ada bertanya perbezaan Program SPIES dengan Program Menangani Gejala Sosial dan GEMS. Jadi untuk maklumat Yang Berhormat Kajang dan semua, kita di Negeri Selangor ini bukan sahaja kita mahu membangunkan insan supaya menjadi insan yang kamil, insan yang terbaik, insan yang cemerlang supaya kita boleh melahirkan masyarakat cemerlang tapi dalam masa yang sama juga kita mahu litigasi insan liabiliti, insan yang merugikan diri sendiri, masyarakat, keluarga, negeri dan negara. Jadi program menangani gejala sosial yang dikatakan berjumlah RM1 juta ini berbeza dengan program SPIES. Program untuk menangani gejala sosial atau kita jenamakan dengan GEMS itu ialah tertumpu kepada remaja belia yang berisiko tinggi bagi, seperti, seperti ya, kumpulan pelajar yang ponteng sekolah, yang lari daripada rumah, rempit, mangsa rogol, mencuri, kes zina, dadah dan sebagainya. Jadi peruntukan yang kita beri itu adalah untuk bertujuan mencegah, mencelah dengan izin *intevention*, membangun atau merawat. Katakan remaja, pelajar yang hamil, apa yang kita harus lakukan. Jadi kita perlu merawat, membantu beliau supaya anak dalam kandungan boleh dijaga, dipelihara dan boleh bersalin dengan cara yang terbaik dan juga anak itu tidak menjadi mangsa kesilapan beliau sampai dibuang dan dijual. Dan juga proses memulihkan dan mengintegrasikan remaja belia yang telah pun terjebak di dalam gejala sosial atau mereka yang berisiko tinggi untuk terjebak di dalam gejala sosial. Jadi kita memilih untuk mencegah lebih baik daripada merawat tetapi yang sudah pun terjebak itu kita perlu memberikan perhatian melaburkan sedikit peruntukan kita kerana ianya adalah masalah gejala sosial adalah masalah yang utama di mana-mana DUN di kawasan Dewan Undangan Negeri termasuk yang baru-baru ini di Hulu Selangor pun serataratanya penduduk mengetengahkan masalah gejala sosial di antara perkara yang pertama. Kajian Merdeka Centre dan sebagainya pun mengatakan masalah gejala sosial adalah perkara utama yang dirisaukan oleh penduduk. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.1 - iaitu wang sejumlah RM80,752,569.00 untuk Kepala B.1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK.

Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.2 - Pelbagai perkhidmatan RM33,449,397.00

**TUAN SPEAKER** : Ia Sijangkang, Hulu Klang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian B.02 Kod 42000. Kod 03 LUAS peruntukan RM3,600,000.00 peruntukan yang besar

**TUAN SPEAKER** : Muka surat berapa itu? Muka surat

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Muka surat 121.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Kod 42000. 03 Lembaga Urus Air

**TUAN SPEAKER** : 121?



**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** 121.

**TUAN SPEAKER :** Ia, betul, ia. Sila

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** 03 LUAS, RM3,600,000.00 peruntukan yang baik memandangkan LUAS adalah satu organisasi dan agensi yang antara yang diurus dengan baik oleh Kerajaan Negeri, mempunyai enakmen LUAS pada 1999. Berpandukan itu mereka berjaya mengendalikan program-program yang bagus. Saya menyokong peruntukan ini. Cuma kejayaan kerajaan baru, Pakatan Rakyat hendaklah dirakamkan apabila 2 empangan, Empangan Klang Gate dan Empangan Batu telah berjaya digazetkan dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM172,084.00 pada bulan Oktober 2008 oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Dan itu menghalang pencerobohan kawasan empangan dan kawasan-kawasan hutan. Walau bagaimanapun terdapat lagi 5 buah empangan yang tidak diwartakan di bawah peruntukan Enakmen LUAS kerana sudah dimasukkan sebagai gazet empangan di dalam kawasan simpan, hutan simpan kekal. Hulu Klang berpandangan sekiranya dengan izin *protection* perlindungan yang lebih kuat untuk menjaga empangan kita dilakukan maka peruntukan itu hendaklah dilihat dalam konteks menggazetkan, memperuntukkan gazet Empangan Sungai Selangor, Sungai Tinggi, Sungai Langat, Semenyih dan Tasik Subang.

Kod yang sama 42000, 04 – Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Peruntukan sebanyak RM4 juta. Apa yang ingin ditimbulkan oleh Hulu Klang adalah baru-baru ini Kerajaan telah melantik Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan yang baru tetapi mewujudkan satu jawatan baru iaitu Ketua Pengarah Eksekutif. Sudah pasti itu memerlukan satu peruntukan tertentu dan Hulu Klang minta penjelasan apakah kewajaran diwujudkan satu jawatan Ketua Pengarah Eksekutif sedangkan sudah wujud jawatan Pengarah Eksekutif yang sebagaimana yang telah dilaksanakan sebelum ini. Dan pada pandangan Hulu Klang juga dengan peruntukan ini sewajarnya Lembaga Perumahan yang mewujudkan dasar-dasar memantau dasar perumahan di Negeri Selangor membantu EXCO Perumahan dalam mencapai sasaran dan *target* KPInya. Antara yang terpenting adalah pemulihan projek-projek terbengkalai dan memantau pembaikpulihan rumah-rumah kos rendah. Memandangkan peruntukan ini bertujuan antara lain menambahkan tenaga kerja, emolumen dan sebagainya sudah pasti dia akan mewujudkan *synergy* yang sewajarnya dengan EXCO Perumahan dan tugas-tugas yang berat dalam menangani isu perumahan, setinggalan dan terutamanya pemulihan projek-projek terbengkalai di Negeri Selangor.

Di bawah kod yang sama 42000, 09 - Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Sebelum ini kita difahamkan bahawa pada tahun 2010 tidak ada sebarang peruntukan. Pada peruntukan 2011, ditetapkan satu anggaran peruntukan sebanyak RM150,000.00. Hulu Klang ingin tahu kita dimaklumkan bahawa Penasihat Ekonomi Negeri Selangor mendapat ganjaran RM1.00 sebulan dan apakah prestasi pembayaran itu pada tahun yang lalu? Tidak dinyatakan. Dan sekiranya ada pertambahan yang tinggi pada RM150,000.00 bagi tahun 2011, apakah pecahan-pecahannya? Berapakah staf yang digunakan? Apakah *overhead* yang terlibat dan kepada siapakah aktiviti-aktiviti Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dilaporkan? Terima kasih Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Pihak Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** LUAS adalah satu badan yang melalui enakmen dan sebenarnya LUAS bukan sahaja ada peruntukan, mereka juga ada pendapatan. LUAS diberi kuasa untuk mengutip tarif air mentah. Peranan LUAS menjadi lebih besar apabila kita membesarkan lagi tempat-tempat untuk mengambil air untuk dirawat. Oleh sebab itu

perannya sangat besar. Kedua, peranan untuk menjaga kebersihan air Sungai Klang dan saya harap kita tidak meningkatkan peruntukan untuk LUAS. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan ia tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan pendapatan LUAS yang mendatang.

Kedua, Lembaga Perumahan Hartanah. Perbadanan ni sangat baharu. Saya ada membuat keputusan. Sebenarnya, untuk Perbadanan, kita menghantar Ketua Eksekutif, Pengarah Eksekutif yang lama boleh bekerja bersama-sama dengan pengarah yang ada sekarang dan jawatan beliau tamat pada hujung tahun ini. Oleh sebab itu kita beri *the period* 6 bulan untuk itu. Sebab terdapat satu keadaan dua ketua. Bagaimanapun, Pejabat Menteri Besar menggunakan Pengarah Eksekutif yang lama untuk membuat beberapa kerja untuk menyemak tentang pemberian-pemberian tanah ataupun untuk menentukan bahawa tanah-tanah yang diberi hak milik itu dilakukan dengan betul.

Mengenai *office economic adviser*, sebenarnya pembayaran untuk *adviser* adalah RM1.00 tetapi kita ada 3 pekerja di sana. Satu adalah *secretary*, yang kedua adalah pegawai-pegawai. Duit ini pembayaran gaji untuk 3 pegawai. Kalau 3 pegawai, jika seorang pull RM5,000.00 jumlahnya RM15,000.00. RM15,000.00 kali dengan 12 melebihi RM150 ribu. Tetapi dia pegawai dan kita mula-mula fikir kalaulah kita minta *economic adviser* untuk membayar gaji pegawai dan itu satu perkara yang tak adil sebab kita pun bayar dia RM1.00. Oleh sebab itu kita pada awalnya ingin meletakkan gajinya di bawah KDEB tetapi kira rasa itu satu perkara yang tak *transparent* maka oleh sebab itu kita letakkan dalam Belanjawan kita. Kedua, kita juga ingin melihat tugas *economic adviser* untuk membuka peluang-peluang membawa pelaburan ke Selangor terutama daripada segi peningkatan untuk *tourist fund for the State of Selangor* untuk *private funding initiative*. Oleh itu, kita gunakan duit ini esok kalau ada untuk membawa pegawai-pegawai ke Timur Tengah untuk membuat beberapa perbincangan tentang perkara ini. Justeru itu, saya anggap jumlah ini juga agak kecil jika dibandingkan dengan *economic adviser* di Jabatan Perdana Menteri. Kalau saudara tengok Belanjawan di Jabatan Perdana Menteri, ia menghampiri RM1 ribu juta.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B2, iaitu Wang Sejumlah RM33 juta 449 ribu 397 untuk Kepala B2 – Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B3, Dewan Negeri Selangor RM15 juta 900 ribu 199.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk membicarakan tentang Rang Undang-undang yang berhubung dengan B3, Dewan Negeri Selangor. Dewan Negeri Selangor ini adalah merupakan puncak tertinggi bagi apa dia ni, pemerintahan dan menggubal Undang-undang di Negeri Selangor. Jadi seharusnya Dewan ini sesuatu yang unggul, dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Memang ertinya Dewan Negeri Selangor sekarang dari segi fizikalnya kita nampak satu yang hebatlah tetapi kalau dilihat dari segi *facilities*, keperluan kita masih mengalami banyak kekurangan. Umpamanya dari segi pentadbiran di Dewan kita ni, pegawai tadbirnya tidak ada. Kita memerlukan kepada *researcher*, penyelidik dan pembantu penyelidik tidak ada dan Ahli-ahli Dewan sepatutnya Dewan kita ni menjadi rumah ketiga bagi setiap Ahli Dewan. Maksud saya, rumah pertama

rumah kitalah dengan keluarga, rumah kedua, di pejabat kitalah di kawasan, rumah ketiganya makna di sini. Kita banyak menghabiskan masa tugas-tugas kita. Kita terima elaun pun kerana tugas di sini.

**TUAN SPEAKER** : Rumah keempat ada? Rumah keempat ada?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Rumah keempat tu tambahan lah masing-masing (ketawa) masing-masing. Jadi kalau kita lihat Ahli-ahli Dewan dia datang, dia berterabur merata sebelum satu-satu fungsi dapat dia hadir. Kalau nak datang katakan jemputan seminar dan sebagainya sebelum waktu datang tu kita tak ada tempat nak duduk. Nak sebenarnya rugi masa kalau kita ada tempat kita boleh membaca, merujuk dan sebagainya so sepatutnya Ahli-ahli Dewan lah mempunyai bilik-bilik masing-masing walaupun kecil hah kita tidak minta bilik besar sangat. Bilik kecil kita boleh apa dia ni bila datang sebelum *function* dan sebagainya kita boleh duduk di bilik tu *study*, membaca atau buka komputer kita, kita makna nak menggunakan masa kita semaksimum yang dapat. So kalau kita gelas komputer pun tak ada tempat tak ada guna juga. Hah! Jadi bila ada bilik, ada tempat kita berlabuh bahkan kita boleh meninggalkan sebahagian barang-barang yang kita anggap penting dan tidak perlu dibawa balik pergi mari-pergi mari boleh kita tinggalkan di pejabat itu. Sebab itu, ertinya bilik-bilik bagi Ahli terutama ADUN-ADUN lah yang biasa ni perlu diwujudkan. Bahkan kita melihat ruangan-ruangan rehat, ruangan untuk perbincangan secara masa waktu-waktu senggang, tempat seminar, tempat diskusi dan sebagainya perlu bagi apa dia ni, ADUN. Bahkan saya ingat walaupun kita dah ada perpustakaan rasmi kita perlu ada satu bilik di mana kita letakkan semua *journal-journal* antarabangsa yang terkenal dan juga akhbar antarabangsa. Kita letak di situ untuk dibaca oleh Ahli-ahli Dewan. Jangan dia hanya baca Utusan Melayu sahaja. Baca yang antarabangsa sedikit (ketawa) *journal-journal* antarabangsa Selangor Kini mestilah ada di situ. Ini menunjukkan ertinya taraf Ahli Dewan itu tinggi dia mengikuti semua maklumat pada peringkat antarabangsa. Memanglah kalau hendak beli memang tak mampu kesemua jenis *journal* terbitan-terbitan terutamanya yang berhubung dengan Undang-undang dan perjalanan Dewan peringkat antarabangsa bahkan segala maklumat antara Dewan pun di negeri ini pun boleh diisi di situ untuk kita ikuti dan pelajari. Sebab itu barang kali keperluan Dewan seumpama ini barangkali boleh juga ruang atau bilik untuk senaman yang kecil bukan ertinya badminton, tak cukup lah ruang tapi macam karom, karom ataupun yang campak-campak tu, dart dan sebagainya untuk masa sengganglah maknanya untuk *exercise* kecil ataupun basikal yang kita apa ni boleh apa ni-ni, itu jam tak ah-ah, basikal tak berjalan tu. Basikal kita kayuh tak berjalan, jadi untuk *exercise* semasa kosong, ertinya itu memberi apa ni-ni saham yang bagus untuk kesihatan Ahli-ahli Dewan. Pada dia duduk saja tidak bergerak boleh meningkatkan kesihatan. (Ketawa). Barangkali keperluan-keperluan seumpama ini perlu satu bangunan tambahan lah. Bukan nak letak di sini (tepek meja) tak ada ruang lagi. Sini dah tak ada ruang kita mesti tambah satu anjung lagi. Sebenarnya saya tak suka sangat nama bangunan Annex ya jadi macam tak ada istilah lain dah ya. (Ketawa). Mengapa dia nama Annex? Tak ada istilah ke dalam Bahasa Kebangsaan kita. Cantik umpamanya anjung Dewan Negeri cantik ya. Tak lama lagi anjung ADUN umpamanya, anjung ADUN tambahan ya. Jadi dalam tu semua bilik-bilik ADUN ada di situ. Jadi terkenal dengan anjung ADUN, jadi apa dia ni dengan adanya di situ apa dia ni kita boleh mengadakan berbagai-bagai kegiatanlah ya. Saya melihat bukan di sini sahaja keseluruhan dalam kawasan apa dia ni, pentadbiran kita termasuk Dewan ni kita miskin daripada kreatif dan sentuhan seni ya. Memang lah cantik kita tengok bangunan ni tetapi tidak ada ertinya sentuhan seni yang boleh ertinya memberi semacam *freshness* bagi kita bagi kita tiap-tiap kali datang, kita tukar seminggu sekali ke umpamanya dengan bahan-bahan budaya Negeri Selangor.

Kita nak tekan tentang budaya Selangor tapi kita tak pameran tempat kita, letak di tepi-tepi, sudut-sudut di atas ke hiasan di ubah dari semasa ke semasa yang boleh memberi semacam kesegaran bagi kita. Ini kita tengok tengkolok umpamanya, di sini kita tengok pedang, di sini kita tengok ertinya ciptaan orang kampung umpamanya dari apa dia ni. Bahkan kalau sekurang-kurangnya sawah padi gambar dari Sekinchan umpamanya letak jadi kita boleh nampak ya, jadi kita tengok ya dari Bangi baik dari Universiti-universiti yang banyak ada gambar umpamanya dan dari tempat-tempat lain yang kita ubah. Bahkan saya ingat kita perlu ada satu skrin besar, saya nak contoh, UKM lah depan tempat masuk UKM tu dia ada skrin yang dipancarkan 24 jam, segala kegiatan universiti tu dia tak habis dipancar tiap-tiap masa bertukar, 2 minit, 2 minit. Dulu ada yang kita masuk di situ tapi dah nampak tak ada rosak ke apa ya. Tapi itu tak sampai maksud dia, letak nama YB, MB dengan beberapa orang saja tetapi kita mesti letak skrin depan itu yang boleh menunjukkan segala kegiatan yang berlaku di sini.

Terutama dalam masa Dewan ini, kalau umpamanya YAB kata, ungkapan dia yang saya teringat lah, tersentuh kerana cantik sebutan, apa dia ni, kita dapat, jika kita tidak ada sesuatu kita tidak dapat memberi sesuatu. Cantik tu, walaupun kata-kata mudah, ringan dan bersahaja tapi maknanya dalam so kita akan keluar di situ dengan gambar YAB diungkap di situ jadi orang dapat menghayati tengok sahaja ertinya kata-kata yang indah. So, sebab itu segala kegiatan yang berlangsung di Dewan kita ni dari semasa ke semasa kita paparkan melalui skrin depan Dewan kita terutama masa Dewan sedang berjalan dan juga masa-masa orang ramai datang ataupun masyarakat bahkan kalau boleh 24 jam semacam UKM buat tu. Jadi ini memprojeikan imej Dewan kita bahkan ertinya saya ingat perlu ada seorang apa dia ni bahagian artis, seniman yang dia memikirkan berterusan persoalan yang berhubung dengan, minta maaf ya (minum air) berhubung dengan hiasan di tempat kita ni supaya menarik, orang datang pun menarik dan mesti yang ada kreativiti dan menyusun bahan-bahan yang boleh menjadi tarikan. EXCO-EXCO kita kegiatan dia boleh apa di ni dipancarkan berterusan dan saya ingat pancaran ini bukan setakat ini mesti di"link" dengan Pejabat Daerah. Ertinya Pejabat Daerah di sana dia akan tengok apa kegiatan yang kita dan barangkali melalui Internet dan sebagainya tetapi selama ni kita merungut bahawa maklumat tidak begitu sampai kepada masyarakat, jadi salurannya ada tetapi kita tidak menggunakan saluran itu sebaik mungkin, boleh lah ertinya dengan akhbar tapi itu dah ertinya tradisional yang perlu dihantar daripada tangan ke tangan memakan masa jadi barangkali itu perlu difikirkan juga kemudian selain daripada itu, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Pengerusi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Pengerusi, saya melihat ertinya kita ertinya masing-masing apa dia ni ADUN-ADUN di apa dia ni, bahan-bahan daripada tempat dia daripada kawasan dia yang apa dia ni dihasilkan barangkali boleh dihantar dan dipilih oleh pihak Dewan di sini mana yang terbaik untuk dipamerkan. Macam saya ada blok saya. Saya dah blok saya daripada tahun 2007 lengkap dah beribu-ribu maklumat boleh dipilih untuk dimasukkan mana yang terbaik, ini imej Bangi, ini imej Sekinchan umpamanya dan sebagainya. Jadi ni barangkali ertinya kita boleh memprojeikan imej Dewan kita dengan baik ertinya semua kita fokuskan daripada apa dia ni, Tuan Speakernya dan sebagainya ertinya masuk semua sebagai bahan maklumat tetapi yang paling penting saya ingat kena tambah satu bangunan lagi tulah yang lain tu boleh kita isi sahaja kalau tidak kita cakap sahaja. Jadi kita perlu tambah satu lagi bangunan yang apa kita namakan anjung ADUN dan saya kalau boleh lah, cita rasa saya lah dan ini akan bercanggahlah. Kadang-kadang dalam hati saya tertanya juga mengapa kita hanya mengambil roman, apa dia ni seni bina roman, kita tengok yang atas tu roman seni bina mengapa tidak dipilih seni bina Malaysia atau kalau boleh seni bina Selangor, inilah kita nak memprojeikan imej Selangor yang kita terca-cari tetapi kita masih tidak mampu lagi memilih

dan mencetuskan imej-imej Selangor yang boleh memperkukuhkan identiti Selangor tu dan memang tempat Dewan inilah paling puncak dan pusat pentadbiran di sinilah paling puncak bagi kita memprojek dan memancarkan imej Negeri Selangor jadi saya mencadangkan ertinya dengan tujuan ini barangkali akan datang peruntukan bagi Dewan Negeri Selangor ini perlu ditambah. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Pengerusi, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya ingin menyentuh dalam Perkara B3, B03 berkenaan dengan 505001100 Gaji dan Upahan. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mesyuarat ini kita membahaskan keperluan dan Belanjawan yang diperlukan oleh Dewan Undangan Negeri. Saya lihat daripada struktur dan juga fungsi dan aktiviti Dewan Negeri bolehlah dikatakan bahawa Dewan Negeri ini terbahagi kepada dua fungsi. Fungsi pertamanya kebanyakannya untuk membantu urusan-urusan MMKN ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan menyusun, mengatur menjadi setiausaha seterusnya MTES dan beberapa urusan-urusan yang berkaitan dengan eksekutif dan Kerajaan. Manakala ada unit kedua yang dipanggil sebagai aktiviti dua iaitu unit Dewan Negeri di mana sebahagian daripada Usul dan kerja mereka ialah untuk menguruskan Persidangan Dewan Negeri yang kita lalui hari ini. Menguruskan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pilihan dan Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan dan berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan dengan Persidangan Speaker-speaker Malaysia, Persidangan, Seminar, Persatuan Parlimen Komanwel dan sebagainya. Ahli-ahli Berhormat yang saya kasihi sekalian mematuhi kepada disiplin dan etika pemisahan kuasa saya kira unit Dewan Negeri harus diperkukuhkan saya mengambil setuju cadangan Bangi tadi terhadap beberapa cadangan-cadangan cantik, spesifik ataupun terperinci yang dicadangkan oleh beliau dan saya berharap perkara-perkara ini agar diambilkah perhatian. Paling tidak sebelum kita membuat bangunan ataupun kita menambah beberapa nilai yang dicadangkan oleh Bangi saya mengambil kira beberapa pengalaman yang kami lalui dalam Jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang telah sedia maklum kita ada jawatankuasa-jawatankuasa seperti Jawatankuasa ABBAS, Jawatankuasa PBT, PADAT, Jawatankuasa Pejabat Tanah dan Daerah, PADAT, Jawatankuasa PBT dan sebagainya yang memerlukan satu kajian dan juga penelitian kepada beberapa perkara-perkara dan laporan-laporan yang diadukan selain daripada SELCAT dan juga PAC yang kita lalui. Usaha yang telah dijalankan ini yang saya anggap sebagai salah satu daripada *reform* yang sangat besar yang dapat dilakukan di bawah Pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan khususnya daripada Speaker Dewan Negeri saya kira kurang diberikan sokongan. Bukan saya bermaksud, pegawai-pegawai tidak memberikan sokongan tetapi pegawai-pegawai yang ada itu sangat terhad hinggakan kepada beberapa laporan yang perlu dibuat oleh Jawatankuasa PBT, Jawatankuasa ABBAS, JLC, Jawatankuasa PADAT itu yang sepatutnya dibuat oleh ataupun yang sepatutnya boleh diselesaikan oleh pegawai-pegawai ataupun pegawai eksekutif bagi Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut yang mungkin kita lantik daripada setiausaha dan juga pegawai-pegawai tidak mampu ditampung dan ditanggung oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Bukan sahaja kerana ketidakmampuan mereka ataupun fokus mereka tetapi daripada segi jumlah pengajian, daripada segi jumlah kewangan yang disalurkan ke atas usaha-usaha *reform* dengan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang sebagaimana yang ada dalam pengamalan Parlimen Komanwel ini tidak berjaya dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Jadi saya kira, di peringkat awal kalau tidak pun kita mampu merealisasikan untuk menjadikan selesa sebagai salah satu daripada *target* kita pada hujung tahun ini ataupun tahun depan membuat bangunan dan sebagainya paling tidak di peringkat awal ini, saya kira pejabat ataupun bajet ini juga harus melihat bagaimana untuk mengukuhkan fungsi-fungsi yang telah dibuat. Sampai ke satu tahap ADUN-ADUN terpaksa membuat laporannya sendiri sedangkan sepatutnya mesyuarat itu

diadakan di kalangan ADUN-ADUN yang menjadi Ahli Jawatankuasa di kalangan BBC dan juga OPBC, ia haruslah dibantu oleh sokongan pegawai yang saya lihat bukan kerana mereka tak nak bantu tapi kerana mereka tidak ada keupayaan membantu. Jadi untuk menyelesaikan persoalan ini saya kira Jawatankuasa-jawatankuasa ini paling tidak dilantik seorang pegawai yang meneliti khas hanya jawatankuasa-jawatankuasa seperti SELCAT, seperti PAC, Jawatankuasa ABBAS dan lain-lainnya kalau tak cukup satu, dua ataupun tiga yang mungkin boleh bantu bukan hanya bantu daripada struktur menganjurkan mesyuarat pendengaran awam, pendengaran tertutup sahaja tetapi juga menyediakan laporan, menyediakan program-program yang tertentu sebagai contoh saya sendiri terlibat dalam Jawatankuasa Khas ataupun jawatankuasa pilihan dalam FOI, *Freedom Of Information Act* ataupun *Open Enactment* yang kita luluskan ataupun yang perlu kita buat kajian. Ia memerlukan satu program yang sangat *messess* dengan izin ataupun sama rata. Pergi ke bawah bertemu dengan rakyat hampir satu hari ada dua atau pun satu kumpulan yang kita temui dan bila program-program itu memerlukan pula selepas itu program susulannya iaitu laporan dan sebagainya yang sebenarnya Dewan gagal *supply* ataupun gagal untuk membantu akhirnya Jawatankuasa tersebut saya rasa dengan izin ataupun saya rasa minta maaf kurang berfungsi ataupun gagal berfungsi kepada semangat dan juga usaha kita untuk *check and balance* sebagaimana yang kita cita-citakan sebagai sebuah negeri yang maju, benar-benar maju dari sudut Dewan Parlimen dan sebagainya. Justeru, saya mengusulkan agar gaji dan upahan ini agar boleh dinilai balik khususnya dalam bilangan perjawatan di sini ditulis 82, saya rasa kalau kita boleh tambah lagi 3 yang usahanya hanyalah spesifik kepada unit Dewan ini yang membantu kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat saya kira usaha kita untuk memajukan negeri kita daripada sudut menggunakan Dewan, fungsi Dewan yang lebih aktif bukan hanya 3 kali bersidang sebaliknya ada usaha yang bersepadu usaha untuk membuat enakmen, meneliti enakmen, meneliti program negeri dan sebagainya itu dijalankan dengan lebih cepat dan dengan lebih teratur dan inilah yang saya kira ada dalam semangat Komanwel Parlimen yang kita amalkan sebagai satu tradisi yang penting. Terima kasih Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi, Pengerusi saya ingin juga mengambil bahagian dalam membahaskan B03 Dewan Negeri Selangor berkenaan dengan Dewan Negeri Selangor ini, saya berpendapat bahawa terdapat juga sistem pentadbiran Dewan kita sekarang semakin hari semakin baik tetapi masih saya setuju dengan Batu Caves pegawai-pegawai kita untuk membantu menguruskan pentadbiran khususnya pengendalian pendengaran awam dan sebagainya untuk Jawatankuasa PADAT, ABAS, PBT masih berkurangan dan perlu ditambah dan seterusnya saya juga ingin mencadangkan agar pegawai-pegawai Dewan yang ada di Dewan Negeri yang ada di Pejabat Dewan ini sewajarnya diberi didikan dan dikekalkan di situ sekiranya dia mempunyai kebolehan, mempunyai pengalaman di situ buat satu masa yang panjang tidak wajar ditukar-tukar ke tempat-tempat yang lain kerana ini adalah satu kerja yang cukup spesifik untuk Dewan kalau tidak setiap pegawai yang baru datang ke sini dia akan terpaksa belajar semula ini akan juga menjejaskan pentadbiran Dewan Negeri dan Pejabat Dewan juga dan seterusnya saya juga ingin membangkitkan sedikit tentang apa tentang pegawai-pegawai kontrak yang ada di dalam Dewan Negeri Selangor, Pejabat Dewan ni sewajarnya juga dipertimbangkanlah dengan dilantik sebagai diambil sebagai Pegawai Tetap kerana kontrak ini tidak menjamin kebajikan dan untuk mereka dan seterusnya saya juga ingin, Sekinchan juga ingin membangkitkan perkara tentang ADUN-ADUN ini. ADUN-ADUN ini dari soal kebajikan juga, saya ingin bicarakan sedikit sekarang ni mesyuarat, mesyuarat menghadiri Dewan ini kalau tak silap saya RM75.00 satu hari, elaun untuk menghadiri Dewan mesyuarat dan elaun harian RM50.00 kalau di campur semua RM125.00. Memandangkan kos saraan hidup ya semakin hari semakin meningkat, minyak pun dah cukup mahal semakin meningkat

juga saya kira wajarlah sudah lama menghadiri Dewan elaun tu patut dinaikkan bukan RM75.00 lagi lah sepatutnya RM200.00 dan boleh dipertimbangkan. Saya kira ini sudah cukup masa dan keduanya ada ADUN-ADUN daripada jauh saya nampak ada rintihan daripada mereka daripada Hulu Selangor, dari Kuala Kubu misal kata, Sg. Pelek dan sebagainya mereka datang jauh kalau mesyuarat kita sekarang mesyuarat Dewan Sidang Dewan Negeri lain dari dulu. Dulu setahun 5/6 hari. 6 hari bersidang dan ada yang pukul 1.30 pun dah, kita dah tangguh Dewan. Sekarang kita banyak urusan perlu kita bincangkan sehingga pukul 7.00 ada yang pukul 9.00 maka ADUN yang jauh mereka untuk bertolak balik agak jauh dan terpaksa duduk menginap di Shah Alam dengan hotelnya tetapi saya nampak dalam peruntukan yang disediakan, kemudahan yang disediakan untuk elaun hotel itu bermalam hanya RM100.00 sahaja. RM100.00 saya *check* di hotel-hotel di Blue Wave, Shah Alam ini kalau dengan *government rate*, kalau tak ada dengan *government rate* RM200.00 lebih. Kalau *government rate* ya, *government* tapi untuk kakitangan kerajaan RM180.00 lebih maknanya ADUN yang nak duduk sini pun dia kena tokok, dia kena tokok daripada RM100.00 tambah sendiri. Makna ini tidak menjamin keselesaan untuk ADUN-ADUN, kebijakan ADUN-ADUN untuk menjalankan tugas mereka. Mereka mengalami tekanan hidup sekiranya dengan cara begitu dan seterusnya perkara yang paling penting yang saya nak utarakan ialah sudah sampai masa, kebijakan dan elaun ADUN-ADUN ini dinaikkan. Memandangkan Negeri Selangor ini kita adalah satu Dewan untuk menerajui semua Dewan di seluruh Malaysia kita adalah peneraju. Peneraju adalah model, ialah model untuk semua jadi kita lebih *advance* ke depan dan wajarlah kerja-kerja kita dalam masa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempraktikkan konsep ketelusan, integriti dan sebagainya ya menghindari daripada elemen-elemen rasuah seperti zaman kegelapan, kejahilan Barisan Nasional dahulu maka ADUN-ADUN diminta jangan ada sebarang elemen seperti ini tetapi kalau gaji, elaun yang ada sekarang hanya RM4,112.79 ini saya rasa tidak munasabah, tidak munasabah sebab kawan-kawan saya ada yang goreng mi di restoran-restoran, warung-warung kalau mereka rajin *overtime* sampai malam mereka dapat RM7 – 8 ribu. Itu goreng mi, goreng mi sahaja. Kalau Sekinchan goreng mi mungkin boleh dapat juga ah ini tidak menggalakkan intelektual profesional untuk memasuki bidang pentadbiran politik. Ini penting, jadi sudah sampai masa kerana apa jangan kerana ada tekanan dan apa macam-macam masalah kita tidak berani sebab apa kita mementingkan integriti dan ketelusan, kebertanggungjawaban tak mungkinlah kita nak bagi suruh ADUN kerja kuat, bersih dari semua segala-galanya tetapi tidak diberi makanan yang secukupnya. Bahkan anak kita, susu tahu diberikan secukupnya mana mereka tak kelaparan, hah ini masalahnya, saya setuju dengan konsep di ketelusan, hindari daripada itu elemen rasuah, ini saya setuju dan saya di sini hairan Tuan Pengerusi, saya hairan bagaimana daripada pembangkang daripada kawan-kawan pembangkang ini waktu mereka sekarang pun mereka mampu hidup mewah. Saya tak tahulah kalau mereka bisnes saya setuju lah, kalau yang tiada bisnes macam mana mampu hidup mewah sebagai ADUN, bagaimana boleh hidup mewah. Dulu mereka kereta Mercedes, kereta besar rumah besar

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tuan Speaker , boleh celah

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan benarkan

**YB TUAN YAP EE WAH** : Boleh, Terima kasih Pengerusi. Terima kasih Sekinchan. Macam mana cakap pembangkang ini hidup dengan mewah

**TUAN SPEAKER** : Dia kata dulu

**YB TUAN YAP EE WAH** : Dia tunjuk di sini

**TUAN SPEAKER** : Dia kata dulu, dulu

**YB TUAN YAP EE WAH** : dulu, ok terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jangan simpan sangat

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi. Terima kasih Sg. Pelek saya tidak mengatakan Sg. Pelek hidup mewah, itu dulu, dulu yang Sg. Pelek lebih kurang dengan Sekinchanlah, lebih kurang Sekinchan kais pagi makan pagi, kais petang makan jugalah itu juga keadaan, memang susah, tertekan, tertekan. Memandangkan sekarang lagi teruk itu sahaja masalah ekonomi kita tertekan satu hari nanti saya percaya kalau dengan gaji dan elaun yang ada sekarang ini anak kita hendak universiti kita pinjaman dengan along tak ada bisnis lain. Kalau u tidak ada bisnis Sekinchan ada restoran sedikit, Sekinchan ada *mini market* sikit boleh hidup tapi yang *full time* terus langsung mengharapkan elaun ini untuk hidup saya yakin dan percaya anak mereka masuk universiti PPTN tak dapat

**TUAN SPEAKER** : Ada Skim Sel

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ha

**TUAN SPEAKER** : Skim Sel

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Skim Sel takut tak layak, kriteria tak betul tak layak Skim Sel , *Member* pun tak layak. Tak layak maka anak hendak pergi masuk universiti, hendak masuk universiti RM1,000 tak cukup Tan Sri. Tak layak juga. Tak layak memang tak layak macam mana anak hendak masuk universiti, tak akan suruh mereka berhenti, nanti kerajaan marah anak pandai suruh berhenti, tapi hendak sekolah *shiff* tak cukup. Layak bagaimana tergantung dengan Yayasan Selangor nanti kata guna kronilah sebagainya susah pula. Ini macam-macam tertekan terakhirnya terpaksa pinjam dengan ahlong. Ini..akan berlaku saya minta Y.A.B seorang tokoh korporat yang berjaya yang pernah menguruskan beribu-ribu hektar, hentar tanah di Bumi Malaysia Sabah dan Indonesia. Tentu tahu bagaimana hendak memberi seorang hidup kerja dengan baik sikit dan boleh kosong dengan baik tentu Y.A.M lebih baik dari saya, setuju.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih. YB Sekinchan bersemangat nampaknya.

**TUAN SPEAKER** : Dia naik gaji semangatnya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Sebab itu saya pun semangat juga, tapi dalam semangat-semangat itu tidak dinyatakan berapa agaknya jumlah yang bersesuaian kena sebutlah ramai yang hendak tahu, ramai yang dok menunggu

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ya ramai yang tunggu ya

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Ya ini kena jelaskan ya

**YB TUAN NG SUEE LIM** : So ini bajet kita kena belanjawan untuk diluluskan Dewan saya kena pergi lebih detail lah, terima kasih Sri Muda. Maknanya saya kena minta tadi saya huraikan bagaimana bebanan dan keadaan yang dihadapi oleh ADUN-ADUN dan yang pentingnya sebelum saya hendak perincikan berapa kita minta sebelum saya sampai itu saya



hendak tahu, saya hendak bagi tahu Dewan Yang Mulia ini, bukan bebanan tersebut sekarang elaun ADUN tambah satu ancaman, ancaman baru, ancaman ini tidak lain tidak bukan serangan daripada gengster UMNO ooo tak selamat. Ini...terpaksa saya cakap sedikitlah dulu kalau dulu saya tidak ada orang serangkan sekarang ada kes, kes satu diserang Setiausaha Khir Toyo, Menteri Pertanian Noh Omar saya diserang masuk hospital, ini hospital kena bayar juga ini masalah juga mohon, itu kena mohon, mohon lain cerita. Itu pun dia tidak setuju dengan pandangan kita bahawa kena mohon ya...dia lebih baik daripada Kuang, Kuang mempertikaikan itu, dia kurang arif perkara ini. Dan ancaman ini tambah lagi

**TUAN SPEAKER** : Balik, balik, balik pokok

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Balik pada rumi, pada yang penting sekarang saya detailkan, saya panjangkan tadi saya detailkan apa yang kita minta ya. Saya rasa pembangkang turut-turut sokonglah sebab naik elaun pun pembangkang pun ada terima betul. Kalau pembangkang tidak tolong menyatakan kita boleh dikeluarkan daripada dikecualikan, dikecualikan. Saya minta sekurang-kurangnya elaun tetap, elaun tetap yang RM4 ribu ini kurang-kurang naik RM8 ribulah atau RM10 ribu. Kurang-kurangnya barulah kapasiti sebagai Wakil Rakyat kalau tidak kadang-kadang kita jumpa pengundi di Sekinchan di Site A umpamanya Site A orang yang meniaga di Site A, berniaga di Bahagian Sekinchan, yang kutip ikan, apa peniaga ikan orang tengah gaji mereka lebih RM10 ribu, kadang-kadang tanya ADUN tanya berapa, pengundi tanya berapa Sekinchan u punya gaji berapa RM4 ribu lebih, dia kata apa u punya gaji ni cakap mewakili satu kawasan besar, tapi itu sahaja ini bukan kita memintaminta tapi inilah suasana dan keadaan yang dihadapi cabaran dan dugaan orang ADUN. Maka dengan itu saya minta sekurang-kurangnya RM10 ribu untuk apa elaun-elaun dan elaun-elaun yang lain. Difikirkan sesuai oleh Y.A.B. Tan Sri kerana Y.A.B adalah seorang tokoh Korporat yang cukur arif dalam perkara. Dan seterusnya satu lagi sebelum saya akhir.

**TUAN SPEAKER** : YB tiada projek ke...

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Ha

**TUAN SPEAKER** : Tiada projek

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Projek

**TUAN SPEAKER** : Ha

**YB TUAN NG SUEE LIM** : oooo..saya...saya hendak beritahu dahulu sana mereka tak naik gaji sebab apa dahulu saya jadi pembangkang 2004 saya tahu Tuan Pengerusi pun rasa tahu. Pembangkang waktu itu tak ada desakan untuk naik elaun sebab mereka ada projek, diberi projek anugerah projek, mereka dalam Jawatankuasa Tanah dan tanah itu diberikan kepada UMNO Kota Raja contoh yang saya berikan, tanah diberikan kepada puak mereka sendiri projek ini disalurkan sebagai Ahli Majlis dalam PBT ini, dulu mereka kontrak-kontrak disapu semua, sapu kiri kanan jadi mereka tidak perlukan elaun ini kecil sangat. Tapi ADUN-ADUN sekarang ini zaman Pakatan Rakyat kita tidak buat kerja macam itu kita hindarkan, kita tidak buat macam itu. Ya mari kita sama-sama pakat, termasuk Sg. Pelek baik kita baik Sg. Pelek, sama-sama kita lakukan. Sebelum saya akhir saya panjangkan ADUN ini di dewan ini Dewan Negeri tempat untuk ADUN-ADUN, tapi apabila setiap kali saya rasa ADUN-ADUN yang lain tentu menghadapi masalah ini. Apabila datang ke dewan *parking* tak ada, *parking* untuk ADUN yang khas tak ada. ADUN terkapai-kapai berebut dengan kakitangan yang mana berebut

sampai dihalau di jalan-jalan tak ada kawasan yang sendiri-sendiri. Sepatutnya sekurang-kurang, sekarang ini berapa orang campur-campur pembangkang 20 = 26

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Minta penjelasan. Bukankah sebagai ADUN Pakatan Rakyat kita perlukan berkorban lebih untuk rakyat.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Saya setuju, saya setuju untuk berkorban. Untuk berkorban saya tentu setuju, tapi ini bukan soal berkorban. Ini sepatutnya ada *parking* ada *parking* khusus tempatnya tapi ini tidak disediakan. Mungkin saya akan usulkan pada hari akan datang saya akan bincang secara terperinci. Ya untuk ini saya harap apa yang saya utarakan dapat perhatian yang serius daripada Y.A.B Tan Sri. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menjawab rintihan Bangi, Batu Caves dan Sekinchan. Saya simpati dalam perkara ini sebab menurut pandangan saya sejak 20 tahun pemerintahan oleh Dr. Mahathir tidak memberi keutamaan kepada *logistik*. Itu yang saya dapati dan kesannya adalah tahap menggubal undang-undang sampai ke satu peringkat apa yang disebut *bulldozing*. Jika dibandingkan kekuatan penggubal undang-undang dengan *civil service*, *civil service* dapat tahap yang lebih tinggi sedikit daripada penggubal undang-undang. Oleh sebab itulah, saya simpati sebab sebagai Ahli Parlimen Bandar Tun Razak sendiri saya dapati kalau pendapatan Ahli Parlimen sendiri memang tidak cukup untuk menjalankan tugas yang munasabah. Itu saya percaya. Jadi untuk itu *argument* kita adalah supaya wakil yang mewakili negeri atau rakyat mestilah mendapat hasil yang sama tahapnya dengan pendapatan per kapita yang kita jangkakan, yang itu lebih penting. Maksudnya, pendapatan per kapita sekarang hampir 10 ribu sebulan. Oleh sebab itulah ada *justifikasi* untuk perkara ini, tetapi saya boleh bincangkan sebab EXCO juga mengambil maklum tentang perkara ini dan hendak melihat perbandingan pendapatan ahli-ahli DUN-DUN seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Hal ini boleh kita umumkan kelak untuk dibawa proses penggubalan undang-undang.

Perkara yang kedua saya dapati tempat untuk menjalankan kajian tidak ada, sebab itu boleh jadi saya tidak simpati tetapi saya patut simpati kepada Sg Panjang sebab Sg. Panjang ini analisisnya tentang Kewangan Negeri terlalu cetek. Oleh sebab itu kita perlu meningkatkan kefahaman. Sekurang-kurangnya beliau berbincang di dewan ini yang ada *value* untuk kita berbincang. Itu sebab, sebagai contoh dan saya rasa bukan sahaja di dewan ini. Di Parlimen sendiri seorang Ahli Parlimen yang terpaksa membaca banyak seperti Menteri Besar dan Ahli Parlimen saya ada satu bilik lain untuk teks-teks Parlimen dan saya dapat hanya membacanya dalam masa 5 atau 7 jam satu minggu. Maknanya, beliau perlukan beberapa pegawai yang dapat menolong dan menganalisis. Berbanding dengan Filipina dan Thailand seorang ahli penggubal, ahli undang-undang dilengkapi dengan penolong-penolong yang mempunyai kepakaran dalam penggubalan. Maknanya, dia boleh jadi berkelulusan perancangan ekonomi dan seterusnya. Maka, saya simpati dan kita cuba bersama-sama dengan PWN (Pegarah Kewangan Negeri) untuk membuat satu belanjawan. Walaupun belanjawan terhad tetapi saya fikir kalau kita dapat kempen untuk air dan harta Kerajaan Negeri yang sepuluh bilion itu diterima. Saya rasa kalau kita boleh berikan kepada Kerajaan Persekutuan setengah daripadanya, kita dapat 5 bilion. Jadi untuk membelanjakan 500 ribu untuk aset-aset penambahan negeri memang satu perkara yang tidak sukar dilakukan. Jadi walau bagaimanapun tak ada pun kita mesti melakukannya sebab kita membawa satu perkembangan yang besar. Saya rasa kalau Negeri Selangor menjadi negeri maju lebih 7 juta orang penduduk dalam masa 10 tahun. Ia bermaksud, pendapatan negara ini melebihi 60 ribu setahun iaitu satu

pendapatan per kapita negara yang maju. Jadi kita boleh katakan status kita mesti membawa ke sana dan untuk pengetahuan Tuan Pengerusi kalau kita bandingkan dengan pendapatan Ahli Parlimen Singapura boleh jadi kerja yang kita lakukan adalah memandu kereta sahajalah. Ya, itu dia punya. Bagaimanapun, bajet ini saya ingat bukan salah apa sebab yang dahulu hanya mengambil kira tentang perjalanan yang sedikit. Perkara yang dilakukan oleh Ahli Dewan sekarang bukan sahaja menggubal undang-undang tetapi juga memantau pelaksanaan dan perjalanan pentadbiran dan usaha untuk menterjemahkan usaha-usaha ini mengikut kehendak rakyat. Saya tidak hendak komen lagi tentang pendapatan tetapi cadangan tambahan ini kita boleh lakukan selepas beberapa kajian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B3 iaitu wang sejumlah RM15,900,199.00 untuk Kepala B3 Dewan Negeri Selangor jadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B4 Perbendaharaan Negeri RM14,330,589.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B4 iaitu wang sejumlah RM14,330,589.00 untuk Kepala B4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B6 Caruman Kepada Wang Pembangunan Negeri 600 juta.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B6 iaitu wang sejumlah RM600 juta untuk kepala B6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B7 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri RM 902,173.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B7 iaitu wang sejumlah RM 902,173.00 untuk Kepala B7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B8 Jabatan Pertanian RM11, 026,780.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B8 iaitu wang sejumlah RM11,026,780.00 untuk Kepala B8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B9 Pejabat Tanah Dan Galian RM17,823,653.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B9 iaitu wang sejumlah RM17,823,653.00 untuk Kepala B9 Pejabat Tanah Dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B10 Jabatan Perhutanan RM 15,014,433.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengerusi, Kajang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Merujuk kepada pembekalan iaitu 505000 Pentadbiran dan Kewangan dan juga merujuk kepada objektif muka surat 203 ya. Kajang mendapati objektif Jabatan Perhutanan Negeri Selangor seharusnya ia sudah berubah kerana kita sudah bekukan sebarang pembalakan, ya semua pembalakan dan peranan pegawai-pegawai yang terlibat dengan Jabatan Perhutanan harus mempunyai tugas dan peranan yang akan berbeza daripada yang *conventional*. Oleh itu Kajang meneliti objektif yang terlibat dalam muka surat 203 mendapati peranan objektif kelima-limanya memang merupakan objektif yang agak tidak ikut semasa Kerajaan bawah Pakatan Rakyat sekarang. Kajang mendapati kita perlu membuat *re-engineering* dengan izin dari segi tugas-tugas dan peranan dan pelantikan pegawai-pegawai. Walaupun kita nampak Pegawai Jabatan Perhutanan agak kekurangan dan oleh itu dilaporkan banyak pencerobohan hutan-hutan simpanan kekal dan hutan simpanan di Negeri Selangor dilakukan kerana kekurangan kakitangan. Dan objektif yang Kajang ingin cadangkan ialah ia harus memainkan peranan lebih memfokus kepada pertama, pengurusan pemuliharaan dan juga pemulihan kerana kita memang mendapati banyak hutan simpanan yang telah di ceroboh dan ditebang tebas dan perlu pemuliharaan yang ketat. Kedua, pengurusan hutan sebagai tadahan air, pengkalan *eco* sistem dan juga pengukuhan iklim. Ketiga, pengurusan hutan sebagai takungan gen dengan izin *gen pool* untuk *RnD* kajian khususnya *bio-medical* dan juga mengekalkan *bio* diversitinya. Keempat pengurusan hutan sebagai hutan lipur dan hutan rekreasi dan pelancongan. Kelima pengurusan hutan untuk komersial dan juga hutan masyarakat dan pendidikan awam. Jadi ini merupakan suatu perspektif yang agak berbeza daripada perspektif yang *conventional* yang diamalkan. Oleh itu Kajang mencadangkan Jabatan Perhutanan untuk mengkaji semula dan buat sebarang penstrukturan semula dari segi perjawatan dan juga tugas-tugasnya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan B10 Jabatan Perhutanan berkenaan dengan objektif, objektif hutan ya pengurusan sumber hutan, untuk menguruskan sumber hutan secara cekap berterusan bagi menjamin hasil dan perkhidmatan hutan yang berkekalan. Saya sedia maklum dasar Kerajaan untuk mengekalkan kehijauan di Negeri Selangor dengan mengekalkan keluasan lebih daripada 30% tidak diterokai dan dibenarkan untuk pembalakan. Dasar Kerajaan Negeri sekarang di bawah Pakatan Rakyat kita tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan. Walau bagaimanapun, saya masih ingin memberi pandangan mengenai larangan tersebut. Saya kira wajarnya sekiranya terdapat kes-kes tertentu seperti saya bersama rakan saya Yang Berhormat Kajang selaku Ahli-ahli PAC satu ketika dulu kita pernah masuk ke turun padang bersama Audit, bersama Perbendaharaan Negeri, kita turun bersama Jabatan Hutan ke sungai, ke Hutan Simpan Sungai Karang, Hutan Simpan Raja Musa khususnya, Hutan Simpan Raja Musa di mana hutan tersebut adalah hutan paya gambut, paya gambut. Ini paya gambut ni hutan ni dia lain daripada hutan dia ada bukit, kalau tanah dia lembut, dia gambut dan di sini kita nampak, menerusi pemerhatian Sekinchan ni saya nampak hutan-hutan ni, kayu-kayu ni adalah banyak kayu-kayu yang nilai dia tinggi. Nilai dia tinggi dalam sektor perabot dan sebagainya dan dia dapat memenuhi industri sampingan kayu kayan dan sebagainya untuk perumahan dan pembangunan perumahan.

Walau bagaimanapun Kerajaan, larangan Kerajaan tidak membenarkan sebarang aktiviti pembalakan tetapi saya nampak kayu-kayu yang sudah besar yang sudah matang dibiarkan begitu. Jikalau dibiarkan begitu dia suatu hari nanti dia akan reput di makan anai-anai, reput sendiri daripada dalam dan akhirnya dia akan hilang begitu sahaja. Kalaulah sekiranya dikaji dan wajar dia boleh ditebang, ditebang dengan menggunakan kaedah-kaedah yang terbaru, yang terbaru iaitu mesra alam, mesra alam yang menepati piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan, ya dipantau dengan baik, dijaga dengan baik dan dapat ditebang dan mendatangkan hasil untuk Kerajaan Negeri. Saya nampak, kalau dibiarkan dia macam itu pun kita tidak mendapat apa-apa, dia akan hilang kayu tersebut. Ya, tetapi apabila kayu-kayan tersebut dapat ditebang, didatangkan hasil, ini akan mendapatkan hasil tambahan untuk negeri sementara menggunakan kaedah mesra alam yang tidak merosakkan hutan-hutan dan dapat menjaga hutan-hutan tersebut. Saya rasa saya nampak lah Kerajaan Negeri wajar dalam perkara ini pertimbangkan *certain case*, kes yang tertentu dengan izin tidak menggunakan larangan untuk semua sekiranya dia dapat mendatangkan manfaat, terbaik mendatangkan hasil untuk Kerajaan Negeri dan juga menimbulkan, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang bertambah dan juga membantu industri sampingan yang ada. Ini yang saya nampak pihak Kerajaan wajib teliti dengan perkara ini dalam objektif pengurusan sumber hutan yang cekap. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kota Anggerik.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Pengerusi, saya mengemukakan sebarang bentuk cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk kita menguruskan hutan secara baik. Saya maklumkan bahawa jumlah hutan yang ada di Negeri Selangor sudah mencapai tahap minimum, 30.5% tolak dengan kawasan di ceroboh tinggal sekitar 29%. Ada kawasan sensitif dari utara ke selatan yang ada 5 buah dam di dalamnya. Ada kawasan sensitif juga di kawasan umpamanya kawasan paya gambut, jika diusik menjejaskan kawasan sumber air di kawasan padi yang mana kawasan Sungai Karang Raja Musa ini adalah kawasan untuk apa ni simpanan air untuk padi. Jadi apa-apa bentuk usaha untuk pembalakan dijalankan dengan teliti. Walau bagaimanapun untuk paya bakau, hutan bakau boleh disemak. Berkaitan dengan objektif-objektif itu kita akan perhalusi dan saya mengakui tugas menjaga hutan tidak mudah, tak mudah dengan anggota-anggota yang ada, dengan bajet yang ada. Kerajaan Negeri cuba sedaya upaya memastikan bahawa hasil negeri ini dipertahankan dan sumbangan kepada KDNK Negeri untuk hutan tidak lah begitu tinggi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B10 iaitu wang sejumlah RM15,014,433.00 untuk kepala B10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B11, Pejabat Mufti RM 1,890,862.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B11 iaitu wang sejumlah RM1,890,862.00 untuk Kepala B11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B12, Jabatan Kerja Raya RM135,872,680.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B12..

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIE** : Tuan Pengerusi,

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sri Muda, Silakan Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian di dalam perkara B12 Jabatan Kerja Raya dan saya ingin merujuk kepada butiran perkara 10020 berhubung dengan projek jalan. Saya lihat...

**TUAN SPEAKER** : Muka surat? Muka surat?

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Muka surat 252. Saya melihat bahawa projek jalan ini ada disebutkan di sini untuk dibuat menaik taraf jalan Kampung Lombong. Peruntukan yang dicadangkan adalah sebanyak RM 15 juta angka untuk anggaran tahun 2011 hingga 2015, 15 juta ringgit daripada keseluruhan projek berjumlah RM 30 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli sekalian, jalan ini panjang jaraknya lebih kurang antara 8 ke 9 kilometer sahaja. Jadi saya beranggapan untuk menetapkan satu kadar projek itu kepada RM 30 juta pada saya adalah terlalu tinggi. Ya kalau 30 juta ni jalan tu menjadi terlalu lebar dan saya mencadangkan supaya dikaji untuk dikecilkan jumlah itu dan dimasukkan pada tahun ini untuk membina jalan tersebut memandangkan jalan ini adalah merupakan jalan utama yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai dan saya mengharapkan yang anggaran untuk tahun 2011 ialah RM500,000.00 itu dipertingkatkan kepada membina jalan baru dengan keluasan sedia ada. Satu perkara lagi, ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan efektif

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Peraturan tetap.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Kita sedang membahaskan pembekalan dan Sri Muda telah masuk pembangunan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, pembangunan ya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Pengerusi, saya takut terlepas. Saya takut terlupa, jadi saya nak sebut sepintas lalu saja.

**TUAN SPEAKER** : Tak, kalau itu ada unsur pembangunan. Ada unsur pembangunan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Jadi tak boleh bawak.

**TUAN SPEAKER** : Boleh bawak, unsur pembangunan dia ada sebut ni.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tak apa, kalau begitu saya nak balik pada objektif yang telah dikemukakan iaitu dalam objektif yang dikemukakan kebanyakan Kerja Raya daerah-daerah ini, objektif utamanya adalah merancang, membina dan menyelenggara. Tetapi untuk daerah Klang dan juga 2 daerah yang lain, daerah JKR Sepang dan Kuala Selangor hanya menulis, membina dan menyelenggara infrastruktur, apakah itu bermaksud ia tidak merancang untuk tempoh-tempoh tertentu untuk projek-projek yang dijalankan dalam kawasan mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Silakan, ok, kerajaan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sri Muda tentang apa yang jalan yang disebutkan itu telah pun kita bincang dalam sesi soal jawab dan begitu juga yang baru ditimbulkan tentang di Kuala Selangor di Sabak Bernam dan sebagainya. *Detail-detail*, ini sebenarnya hanya kepala-kepala sahaja, tapi *details* nya teknikal dan *details* jalan keseluruhannya itu ada kepada Jabatan yang berkenaan dan itu boleh disemak di situ. Tapi apa-apa pun atas cadangan tentang perbelanjaan yang agak besar yang rasanya kemungkinan boleh di perkecilkan segala cadangan untuk memperkecilkan dengan kita dapat *spec* yang sama mutu yang sama sangat-sangat dialu-alukan dan saya akan berbincang dengan Pengarah Jabatan Kerja Raya untuk menentukan tentang pengecilan ini supaya wang itu dapat disalurkan di tempat-tempat lain di jalan-jalan lain yang lebih memerlukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B12, iaitu wang sejumlah RM135,872,680.00 untuk kepala B12, Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B13, Jabatan Pengairan dan Saliran, RM64,930,443.00.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian di dalam pembentangan kepada kepala B13 ini. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pembinaan

**TUAN SPEAKER** : Kod nya mana. No. Kot?

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : B13, Muka surat 260, 258. Berkenaan dengan aktiviti-aktiviti dan pengairan saliran ini yang mana saya lihat dalam pengetahuan saya dan juga dalam standard yang diguna pakai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bahawa penyelenggaraan dilakukan untuk membersihkan setiap parit, setiap longkang dan sebagainya ialah minimum setahun 2 kali. Tetapi apa yang kita memperhatikan dalam tempoh 2-3 tahun ini, ada kalanya kawasan-kawasan yang terlibat contohnya tempat saya di Kampung Jalan Kebun, di Kampung Bukit Naga dan di Kampung Seri Nadi tidak dilakukan pembersihan secara berkala seperti yang telah ditetapkan oleh standard *operation procedure* dengan izin JPS. Justeru itu saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh pihak yang terlibat boleh melakukan kerja-kerja ini secara berkala dan kalau dapat ditambah lagi dari 2 kali setahun kepada 3 kali setahun dengan mengambil kira keadaan di kawasan kita ini mudah sangat pokok dan rumput tumbuh dengan cepat. Jadi kalau sekiranya dilakukan 2 Kali saja setahun bermaknanya objektif kita untuk memastikan yang saliran-saliran itu tidak tersekat ataupun tersumbat tidak akan tercapai. Saya mintak untuk dikaji untuk perkara itu dan ianya mesti dilaksanakan untuk seluruh kawasan di negeri Selangor.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi, terima kasih. Merujuk kepada muka surat 262 kod 10000 iaitu ringkasan anggaran perbelanjaan bekalan emolument peruntukan bagi 2011 sebanyak RM23,916,813.00 dengan bilangan penjawat seramai 365. Saya timbulkan isu servis *value for money* dengan izin. Maka ini bermakna kerajaan negeri membelanjakan bagi setiap penjawat bernilai RM3525.00 sebulan. Satu peruntukan yang wajar yang pada puratanya menggambarkan sihatnya peruntukan yang diberikan untuk kakitangan dan penjawat-penjawat dan sudah pasti kita memerlukan satu langkah yang proaktif menjaga kebersihan dan keindahan sungai-sungai dan besar cabarannya saya akui memang besar

cabaran, rumit perkaranya tapi perlu dirangka kan 1 unit khas pemantauan sungai-sungai dan saliran di seluruh negeri Selangor pertamanya dari segi pencerobohan sungai, di mana diwujudkan chalet-chalet haram, kawasan-kawasan perumahan, rumah-rumah ibadat pun ada kadang-kadang, kemudian memantau langkah-langkah baik pulih sungai dan kawasan yang melibatkan pencemaran yang semuanya ini boleh menjimatkan kos pada jangka panjang untuk mengelak dan mencegah berlakunya banjir kilat, dan Tuan Pengerusi saya merujuk muka surat 260, aktiviti 512000 kod 28000 penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli. Nampak ada peningkatan yang tinggi yang agak mendadak daripada anggaran 2011 berbanding peruntukan 2010 di mana anggaran 2011 memperuntukkan 9.26 juta sedangkan peruntukan 2010 2.6 juta. Ini peningkatan 70%. Sudah pasti ini ada objektif yang jelas bagi pihak kerajaan untuk melaksanakan penyelenggaraan sebagaimana yang dinyatakan oleh Sri Muda tadi. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa di *priority* kan, diberikan keutamaan untuk menyelenggara kawasan-kawasan sungai yang hampir dengan kawasan perumahan dan bandar kadang-kadang apa yang berlaku di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan perumahan seperti di Hulu Kelang, Sungai Kelang itu penuh dengan semak-semak dan bila kita tanya tidak ada peruntukan dan kadang-kadang bertahun-tahun menjalar ke kawasan-kawasan dewan dan surau pun ada. Jadi, kadang-kadang ada pokok-pokok yang tidak diurus dengan baik dan terbiar. Jadi, saya menyeru dan memohon agar pihak kerajaan melaksanakan langkah yang proaktif kerana peruntukan yang sudah ditingkatkan kepada tahap 70% untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil dalam konteks JPS. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Pengerusi, terima kasih. Kajang ingin membawa perhatian kepada aktiviti 2, muka surat 258, walaupun ada disebutkan di saliran-saliran bandar yang bermaksud termasuk "*Monsoon Drain*". Penyelenggaraan "*Monsoon Drain*" tidak termasuk dalam tanggungan kos bagi PBT. Maka ia juga tidak terdapat pada JPS dan ia sudah menjadi satu tanggungan yang tambahan bagi PBT, maka ia menjadi satu kawasan kelabu atau "*grey area*" yang di mana kos itu tidak termasuk dalam bawah JPS dan juga tidak termasuk dalam PBT. Ini saya dapat aduan daripada ahli-ahli majlis yang di PBT saya iaitu MPKj dan satu lagi infrastruktur tebatan banjir iaitu kolam takungan OST. Dia bukan kolam takungan besar seperti yang menjadi tanggungjawab JPS tapi ia sudah OST ini menjadi tanggungan juga kepada PBT tapi tidak ada peruntukan yang diperuntukkan kepada PBT untuk membina kolam-kolam takungan OST ini. Maka, harus kita telitikan bahawa yang mana satu jabatan adakah ia nya tanggungjawab PBT ataupun tanggungjawab JPS. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, suka saya ingatkan kalau yang terhormat nak sentuh objektif jabatan, aktiviti jabatan, Yang Berhormat kena masuk ke pentadbiran dan kewangan, gaji dan upahan. Baru boleh masuk yang di depan ya. Tak boleh masuk di sini tak ada kod, kena masuk kod untuk pentadbiran, gaji dan upahan. Cara itu. Pihak kerajaan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih, Tuan Speaker, saudara dari Sri Muda tadi tentang penyelenggaraan, perparitan dan saliran Kampung Jalan Kebun, Kampung Bukit Naga dan sebagainya yang dulunya dikatakan 2 tahun sekali nak dicadangkan ke 3 tahun sekali. Inilah sebenarnya tindakan yang kita sedang ambil dan saya telah banyak kali berunding bukan saja setakat JPS malahkan jalan-jalan JKR, jalan-jalan PBT dan sebagainya yang kita dapati rumput-rumput dalam suasana *wet seasons all round* sekarang ni *all year*, kita memerlukan di tebas, dipotong rumput-rumput tersebut dan dicuci dengan lebih kerap lagi. Masalahnya ialah, masalah *costing*, kos la kalau kita tambah walaupun sekali saja kita tambah daripada 2 kali kosnya agaknya besar. Walau apa-apa pun sebagaimana yang



selalu kita terangkan dalam kita punya pemeriksaan bajet yang kita lakukan, kita kena tengok 1 *priority* JPS, bahkan banyak lagi jabatan-jabatan yang *priority* nya misalnya katakanlah jabatan JKR sendiri, Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri. Pelbagai-bagai jabatan yang lain yang mempunyai *priority-priority* itu. Tetapi apa pun saya memang dah mencadangkan pun supaya kekerapan itu ditambah supaya pembersihan itu berlaku dengan lebih baik lagi.

Kemudian, Kajang patut itu dari segi pentadbiran saya tidak akan sentuh hanya daripada Hulu Kelang tadi tentang emolumen yang kita berikan gaji yang agak berpatutan mengikut nisbah dengan jumlah bajet emolumen yang diberikan kita harapkan pemantauan yang lebih baik, kerjanya lebih baik iaitu lah kita mengadakan mesyuarat bulanan dengan ketua-ketua jabatan di bawah portfolio saya dan inilah yang selalu kita tekankan *performance-performance*, prestasi-prestasi termasuklah hal-hal mengenai kerja-kerja pemantauan yang sangat penting dan genting sebenarnya bagi agensi seperti JKR dan JPS. Kemudian, tentang penyelenggaraan tadi yang naik 70% penyelenggaraan pembaikan kecil dibeli sebenarnya dalam tahun ini untuk melangkah pada tahun hadapan kita dapati banyak sebenarnya penyelenggaraan kerja-kerja penyelenggaraan yang perlu dibuat yang kemungkinannya pada tahun lalu atas kekangan-kekangan yang khas berlaku kepada JPS tidak dapat disengajakan. Maka sebab itu, kita ambil perkara ini untuk dibawa pada tahun 2011, lagipun tentang saluran, tentang perparitan ini, oleh kerana musim hujan, lagi sekali saya nak sebutkan musim hujan, musim yang seperti ini keadaan mendung sentiasa ni kita memerlukan banyak JPS-JPS memerlukan lebih banyak langkah-langkah yang diambil. Sebab itulah, terdapat peningkatan yang mendadak 70% kepada kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B13, Jabatan Pengairan dan Saliran, RM64,930,443.00.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Boleh.

**TUAN SPEAKER** : Ya, untuk apa ni?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Jabatan Agama Islam.

**TUAN SPEAKER** : Belum lagi. Jadual B13, iaitu wang sejumlah RM64,930,443.00

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Pengerusi. Boleh

**TUAN SPEAKER** : Ya untuk apa ini.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tentang Jabatan Agama Islam.

**TUAN SPEAKER** : Belum lagi.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B13 iaitu wang sejumlah RM64,930,443 untuk kepala D13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju silakan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual D14 Jabatan Agama Islam RM153,617,857.

**TUAN SPEAKER** : Ya Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat peruntukan untuk Jabatan Agama Islam tertinggi bahkan lebih tinggi daripada Jabatan Kerja Raya. Memang melibatkan urusan yang berhubung dengan sekolah, Pejabat Agama, masjid, surau.

**TUAN SPEAKER** : Rujuk pada muka surat mana?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Muka surat daripada B14 285 dan seterusnya.

**TUAN SPEAKER** : Ya muka surat berapa?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : 285.

**TUAN SPEAKER** : 285.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : D14 dan P14.

**TUAN SPEAKER** : Di bawah mana? Kepala mana?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kepala Jabatan Agama Islam.

**TUAN SPEAKER** : Yalah dia banyak kepala tu.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya nak cakap secara menyeluruh nyalah.

**TUAN SPEAKER** : Kena sentuh

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : 287 Bahagian Pendidikan.

**TUAN SPEAKER** : 287.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : ya.

**TUAN SPEAKER** : Bahagian Pendidikan. Seperti yang saya sebut tadi tak boleh masuk seperti ini. Yang Berhormat kena pergi ke bahagian Gaji dan Upahan dahulu.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Secara umumnya.

**TUAN SPEAKER** : Tak boleh umum secara itu. Sebab kita masuk dalam Jawatankuasa. Kita kena tengok jumlah yang kecil. Jadi caranya, baik saya tunjukkan kepada Yang Berhormat kalau hendak sentuh perkara itu kena masuk muka surat 317.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : 317.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Butiran 505000 kod 317 50, ada? Muka surat 317. Atas sekali m/s. 50 5000 Pentadbiran dan Kewangan. Kod nya 11000 Gaji dan Upahan. Baru boleh masuk

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya sentuh berhubung dengan soal Masjid dan Surau, masjid, surau kita berterima kasih kita ada 600 lebih buah masjid terutamanya di Negeri Selangor. Perkara yang ditimbulkan sekarang sejak pemerintahan kita ialah tentang elaun Imam dan juga pegawai. Terutama Imam 3 yang selalu dibangkitkan yang diharap daripada Kerajaan Negeri Selangor dapat memberi elaun daripada peruntukan Negeri. Setakat ini dibayar daripada pungutan mingguan hari-hari Jumaat. Tetapi pungutan status seolah-olah dia status kedualah berbanding dengan Imam-imam yang bergaji tetap daripada pihak Persekutuan. Kemudian berhubung dengan masjid, masjid di Negeri kita ini sekarang satu ancaman ialah dari segi keselamatan. Banyak masjid-masjid oleh kerana tidak ada pengawal dan semua dianggap amanah tetapi sering berlaku kecurian harta-harta Masjid ini. Barangkali perlu difikirkan ada pengawal sepenuh masa lah untuk masjid-masjid supaya keselamatan masjid-masjid ini dapat terjamin terutama dari segi harta-harta masjid itu.

Kedua dari segi sekolah-sekolah Agama yang jumlahnya ribuan buah, elaun guru-guru ditingkatkan tetapi di bawah Persekutuan. Barangkali perlu difikirkan juga guru-guru Kafa dan sebagainya yang di bawah elaun negeri juga sepatutnya diikuti serta kenaikan elaun mereka ini, supaya semangat mereka bekerja tidak luntur berbanding dengan kenaikan-kenaikan yang diterima oleh gaji-gaji yang ditawarkan oleh pihak Persekutuan. Satu lagi dari segi bangunan-bangunan Sekolah-sekolah Agama Kafa dan sebagainya yang artinya agak ketinggalan. Kalau boleh peruntukan sebahagian untuk memperbaiki bangunan-bangunan Sekolah-sekolah Agama. Sebagaimana maklum, guru-guru yang mengajar Sekolah Agama tidak begitu terlatih, tidak dapat latihan. Memang ada latihan yang diberi di KUIS tetapi tidak semua mendapat peluang untuk menyambung pengajian untuk latihan mengajar.

Barangkali perlu disusun cara teratur supaya kalau boleh menjadi syarat guru-guru yang hendak mengajar itu, mesti mendapat kelulusan sijil atau *certificate* dari segi pengajaran.

Peluang-peluang bagi pelajar-pelajar dari Sekolah Agama agak terhad. Kita mengharap dari segi kekuasaan pada Sekolah Agama yang kita serahkan kepada Persekutuan sebanyak 23 buah itu, kita mempunyai kuasa yang lebih dalam menentukan artinya pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah Agama ini untuk menyambung pengajian ke sekolah-sekolah Menengah sedemikian. Bahkan kalau boleh kita pernah menyebutkan bahawa kalau Kerajaan Negeri tidak mampu untuk menambah bangunan sekolah-sekolah pada peringkat Menengah yang kekurangan kita galakkan dengan bantuan dari pihak swasta untuk mendirikan sekolah-sekolah Agama Menengah dengan mengambil kurikulum daripada pihak Negeri ataupun Persekutuan dengan kita pantau dari segi perkembangan dan sebagainya. Seolah-olah dia menjadi anak angkat bagi kita sekolah-sekolah Agama yang boleh kita pupuk bagi memperkembangkan Pengajian Agama di Negeri Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada m/s: 317 butiran 50 5000 kod 41000 biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran. Kalau saya lihat di sini peruntukan 210 anggaran kita pada 2010 adalah RM10.00 sahaja. Saya kira ini adalah sebagai token. Saya merujuk kepada pelajar-pelajar kita yang berada di Timur Tengah, yang saya kira yang agak ramai dan mungkin sebahagian mereka ini mendapat tajaan daripada JPA dan mungkin sebahagian mereka ini juga mendapat tajaan daripada Lembaga Zakat Selangor, MAIS melalui *Asnaf Fisabilillah*. Tetapi saya melihat pada keperluannya ada di situ kerana sebahagian daripada pelajar-pelajar kita yang mungkin yang dapat belajar di Timur Tengah itu. Tidak mempunyai kelayakan yang untuk membolehkan mereka mendapatkan tajaan. Daripada Lembaga Zakat itu pada tahun pertama. Saya kira mereka ini juga belajar di

sana dan yang *struggle*. Yang mana mereka perlu bekerja di sana untuk mendapatkan kewangan bagi membantu dari keperluan bayaran yuran untuk pendidikan mereka dan akhirnya kalau sebahagian daripada mereka mempunyai keputusan yang baik selepas tahun pertama, mereka boleh memohon untuk tajaan daripada Lembaga Zakat itu, tetapi sebahagian daripada mereka ini juga masih gagal bagi mendapatkan tajaan-tajaan ataupun biayaan-biaya sama ada daripada Zakat ataupun mana-mana Institusi Kewangan.

Saya ingin juga mendapat maklumat kalau daripada laporan kewangan, Majlis Agama Islam Selangor ini yang saya dapat mungkin tajaan itu dari *Asnaf Fisabilillah*. Kalau kita lihat daripada 2009 RM111 juta lebih begitu hampir RM111 juta berapakah jumlah peruntukan telah diuntukkan kepada pelajar-pelajar kita terutamanya yang mengambil pendidikan dalam jurusan Agama yang berada di Timur Tengah sana. Apabila kita lihat juga daripada wang simpanan Biasiswa dari Negeri Selangor kita tidak menaja pelajar-pelajar untuk mereka yang melanjutkan pelajaran di peringkat di Luar Negara. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE LIM SIN** : Saya ingin merujuk kepada m/s: 318, 51 5000, Pelajaran dan Pendidikan, berkaitan dengan Sekolah KAFA. Kajang mendapati Sekolah-sekolah KAFA dan integrasi KAFA memang menghadapi masalah yang amat runcing. Dalam meneliti laporan Ketua Audit Negara 2008 didapati laporan ini terdapat masalah yang agak banyak yang dihadapi oleh sekolah-sekolah KAFA. Kita dapati lokasi Sekolah-sekolah KAFA ini biasanya di bangunan-bangunan yang tidak sesuai. Misalnya di rumah-rumah kediaman, dan juga di rumah-rumah kedai dan ada pelajar yang belajar di tepi dapur, tepi bilik air, tempat duduk yang tidak sesuai, meja kerusi yang memang agak kekurangan dan juga kepadatan pelajar dalam satu kelas yang begitu tinggi sehingga memang masalah keselamatan sekiranya ada berlakunya kebakaran ataupun apa-apa masalah yang cemas, maka anak-anak yang bersekolah di sekolah KAFA memang kita khuatir keselamatan mereka.

Perkara ini berlaku kerana kita dapati masalah pengurusan sekolah KAFA agak kurang terkawal dan Pejabat JAIS kekurangan kakitangan dan juga sekolah-sekolah KAFA ini memang diwujudkan berdaftar dengan Pejabat PAID dan tidak didaftarkan dan memang sukar kita kenal pasti dan juga dipantau oleh pejabat JAIS. Kajang menyeru pejabat JAIS dapat memastikan setiap sekolah KAFA ini didaftar dan juga guru-gurunya bertauliah seperti yang disebutkan oleh Bangi tadi. Dapat sijil dan pengiktirafan dan latihan khusus dan Pentadbirannya dipantau juga. Dan ada Pengurus bagi Sekolah KAFA yang ada semata-mata hendak pendapatan. Pertimbangannya dari segi kewangan. Bayaran-bayaran itu diambil dengan kemasukan pelajar yang terlalu banyak dalam satu kelas kerana ia mendapat kutipan daripada situ. Dari segi kewangan ada Sekolah KAFA yang tidak melaporkan status kewangan dan juga laporan kewangan. Maka pemantauan dari segi kewangan amatlah penting. Kalau tidak kita khuatir Pengurus atau orang yang mengurus Sekolah KAFA ini dia mencari untung daripada kelas-kelas KAFA ini. Sekian Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker terima kasih Kajang, terima kasih pada Sijangkang. Saya sangat tertarik dengan minat Kajang yang begitu mendalam tentang KAFA dan boleh memberi butir tentang butir-butir setiap satunya menandakan Kajang telah menjalankan kerja-kerja lapangan melihat sendiri apa yang berlaku di KAFA tentang *over crowding*. Setengah-setengah kelas tu biasanya kita kelas 35 orang, kadang-kadang KAFA sampai 60 orang. 70 orang pun ada dalam kelas. Dan ada satu dengan

satu tu sampai tak ada tempat. Tempat hendak melurus sikit pun tak ada tempat. Begitulah dalam keadaannya yang *crame*. Matahari yang panas. Kadang-kadang kipas ada satu sahaja untuk 60 orang. Dan kami sedang membuat banciaan tentang KAFA, tentang SRA dan sebagainya tentang hendak melihat kedaifan sekolah-sekolah tersebut dengan visualnya sekali dan daripada itu kita akan mengadakan satu mesyuarat khas mungkin dibengkelkan khas untuk kita membincangkan. Saya pun hendak menjemput Y.B Kajang untuk sama-sama hadir membincangkan perkara-perkara untuk kepentingan bersama ketika ini. Tentang masjid dan surau elaun Iman itu memang sudah pun dibincangkan banyak kali dan langkah-langkah positif sudah diambil barangkali kita lihat nanti bagaimana nanti kita Imam Pertama dibayar dan Imam kedua telah dibayar dan Iman Ketiga yang saya fikir memerlukan imbuhan dan di mana-mana saya pergi pun mereka menyatakan kepada saya “bila lagi, bila lagi”

Jadi apa yang Bangi sebut tadi itu adalah benar dan kita sedang mengambil perhatian yang serius untuk kita memberikan imbuhan tersebut kepada imam-imam. Saya akan mengemukakan kertas EXCO tentang hal ini untuk kita dapat satu keputusan daripada EXCO.

Kemudian tentang ancaman keselamatan tiada pengawal, memang sebenarnya sekolah-sekolah atau masjid-masjid dan surau-suru ada dua jenis. Satu masjid dan surau yang mampu dan satu masjid dan surau yang mampu. Saya tengok masjid dan surau yang mampu ini mereka ada pengawal-pengawal mereka sendiri. *the employ the own security guard*. Dan yang tidak mampu terus tidak mampu jadi kita buat klasifikasi nanti, yang mana yang mampu dan yang mana yang tidak mampu. Kemungkinan kita boleh Bantu yang mampu dan tidak mampu dan sebagainya. Tetapi dengan jumlah masjid dan surau semuanya dalam dekat 2400 besar jumlahnya. Masjid dan surau yang dibenarkan sembahyang Jumaat bilangannya mencecah 500, surau ada 1980. Jadi semuanya dekat-dekat 2500. jadi kalau kita hendak membuat sesuatu keputusan kita kena tengok magnitud besarnya perkara-perkara itu. Sebab itu kita buat kajian lanjut, penelitian lanjut perkara ini. Walaupun kecil pengawal keselamatan, kalau kita *employ* 2 orang sahaja, barangkali untuk mengekalkan dua orang pegawai pengawal keselamatan mungkin perbelanjaannya agak besar bagi satu masjid dan apa lagilah untuk 2,500 masjid dan surau semuanya mungkin itu terlalu besar. Tetapi apa pun saya ucapkan terima kasih kepada Bangi yang dapat menimbulkan soalan-soalan yang ini juga adalah soalan yang biasa kita bincangkan dalam perbincangan yang kita adakan dengan pihak JAIS dan jabatan-jabatan yang lain.

Tentang sekolah agama guru-guru yang tidak mendapat latihan yang wajar dan peluang-peluang bagi pelajaran-pelajaran agama yang agak terhad dan sebagainya, ini pun sebagaimana Kajang juga menyebutkan tadi termasuk juga guru-guru KAFA, ada kajian yang dibuat di satu daerah tentang kemampuan guru-guru KAFA membaca Al-Quran. Mereka mengajar Al-Quran tapi bila guru-gurunya dikaji, diuji pula tak salah saya dekat 70, 75% guru-guru itu tidak berapa mampu untuk membaca Al-Quran. Jadi sebab itu saya fikirkan maknanya kalau kita hendak bagikan latihan, latihan yang *basic, the basic of the basic* tu kita kena berikan latihan-latihan tersebut. Jadi, agaknya mungkin pada masa lalu, dulu, dulu ya, pada masa dulu ah! agaknya cara lantikannya mungkin kriterianya berbeza dengan apa yang kita perlukan. Sekarang ini di bawah kerajaan Pakatan Rakyat ini saya fikirkan kriterianya tidak lain yang mungkin ialah *knowledge and skills*. *Skills and knowledge* itu dia. Itu kita pentingkan. Daripada dia menyokong tak menyokong kita itu soal lain. Jadi yang dulu tu lain sikit kriterianya. Jadi, kemudian tentang bangunan-bangunan yang usang dan sebagainya, sebagai mana Bangi menyebutkan itu pun saya sudah pun sebutkan tadi dan Kajang pun terima kasih sudah menyebutkannya dan kita akan saya sedang menyiapkan satu laporan buat banciaan bukan hanya lawatan-lawatan begitu sahaja nak banci satu demi satu, satu demi satu. Bahkan bukan saja sekolah-sekolah namanya KAFA, bukan sahaja sekolah-sekolah namanya SRA

yang dibuat oleh swasta atau yang dibuat oleh JAIS tapi kita hendak pergi kepada sekolah-sekolah rakyat ni. Sekolah-sekolah rakyat yang bilangan ratusan di negeri Selangor ini yang selama 53 tahun terabai langsung. Kerajaan yang lepas tidak mengambil minat langsung, tidak menunjuk minat langsung untuk membantu sekolah-sekolah yang sedemikian. Dan apa yang kita hendak lakukan saya pun dah bincang-bincang sedikit dengan kawan-kawan kemungkinan kita hendak jadikan anak-anak sekolah ini sebagai *feeder* kepada UNISEL, *feeder* kepada KUIS, *feeder* kepada INPENS dan mereka mempunyai kemampuan dan kekuatan. Setengah-setengah daripada mereka dalam UPSR yang baru-baru ini pun dalam sekolah mereka yang agak uzur dan daif tapi keputusan peperiksaannya sangat-sangat menggalakkan kita. Kalau kita lihat seluruh Malaysia ini sekolah-sekolah agama mencatatkan kelulusannya yang jauh lebih baik daripada mana-mana sekolah asrama penuh pun yang tidak menggunakan nama agama tersebut. Jadi kemudian tentang Sijangkang ah! saya pelajar Timur Tengah ini, pelajar Timur Tengah ini begini ya, kita ini untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker ya, saya sikit saja nak ambil masa seminit dua lagi. Kita ni, yang kita pentingkan JAIS mementingkan mata pelajaran *diniyah* maknanya mata pelajaran agama. Dalam itu termasuklah usul fiqnya, termasuklah tentang syariatnya, termasuklah tentang bahasa Arabnya, termasuklah tentang dakwahnya, berbagai-bagai lagi. Itu mata pelajaran agama. Yang ini, kita tak dapat calon. Ah! ini masalahnya. Kita ada biasiswa tetapi tak ada calon. Kadang-kadang kita terpaksa *advertise* dua kali kita *advertise*. Tapi kita tidak dapat calon yang menepati kehendak kita. Ada pun yang ramai di Mesir dan sebagainya tu bukan *diniyah* ini. Ini yang, yang perubatan, pergigian dan perubatan. Pergigian dan perubatan ini bukan, bukan kita punya bidang ya. Bukan JAIS. Tetapi kita telah memperuntukkan sebahagiannya juga untuk menampung keperluan-keperluan ini. Apa yang sedang berlaku sekarang ini orang-orang swasta, orang yang apa ni, organisasi-organisasi swasta hantar budak-budak ini dulu dengan kelulusan yang paling minima dengan janji tahun yang kedua nanti mereka dapat biasiswa. Dia kata Lembaga Zakat boleh bagi biasiswa Kerajaan Negeri Selangor boleh bagi biasiswa akhirnya anak-anak ini terkapai-kapai. Setengahnya memang daif dan saya dalam lawatan dua tahun yang lepas saya dapati mereka setengah-setengah ini begitu daif, tapi mereka sebenarnya menjadi mangsa kepada gerak kerja gerak kerja yang seperti dengan tawaran-tawaran yang begitu hebat. Bila mereka pergi ke sana ada yang balik. Ada yang balik yang pertama sekali tak cukup dia punya *qualification* dia. Yang kedua tak mampu nak belajar bahasa Arab. Yang ketiga adalah tekanan-tekanan daripada kehidupan tak cukup duit dan sebagainya. Tapi, yang, saya rasa orang yang jenis macam ini ni kalau JAIS atau Lembaga Zakat hendak juga menyampaikan bantuan kepada mereka. Ini pun saya rasa satu perkara yang kita kena fikirkanlah ah! dan saya mengharapkan ya apa yang.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan yang timbulkan adalah di bawah peruntukan ini 4100 tidak ada peruntukan untuk biasiswa dermasiswa dan bantuan pelajaran langsung di situ. 10 ringgit sebagai token sahaja.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Ialah, itu, itu token. Token ni dia boleh mewakili, maknanya kemungkinannya tidak dapat ditentukan dan sebagainya. Tetapi ada. JAIS memang mengeluarkan biasiswa dan sebagainya. Begitu juga Lembaga Zakat. Tapi token ni barangkali saya pun tidak berapa *sure* tentang yang token ini tapi saya fikir mungkinlah tidak dapat ditentukan buat masa ini. Rasa sayalah. Okey. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 14. Iaitu wang sejumlah 153,617,857 untuk Kepala B 14 Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI DEWAN YANG BERHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B 15. Jabatan Kebajikan Masyarakat RM 16,103,452.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda, ya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Yang Berhormat. Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk perkara B 15 bagi muka surat 340 untuk butiran 505,505,000 Pentadbiran dan Kewangan terutamanya berkenaan dengan peruntukan yang diberikan oleh kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya melihat bahawa dalam ah! setiap tahun dalam perbelanjaan belanjawan kerajaan negeri kita memperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dan kita difahamkan bahawa kerajaan pusat juga memberikan peruntukan-peruntukan yang besar kepada jabatan yang sama. Persoalan saya ialah apakah sebenarnya kriteria yang diguna pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini kerana saya pernah menulis surat kepada JKM Klang untuk mengambil bahagian di dalam pemberian bantuan bulanan kepada penerima-penerima itu dan sehingga ke hari ini kita tidak mendapat sebarang bentuk jawapan apakah ianya dibolehkan atau pun ada arahan-arahan daripada pihak kerajaan pusat yang menghalang jabatan ini untuk bekerjasama dengan Ahli-ahli Dewan Negeri daripada negeri Selangor. Dan saya melihat bahawa peruntukan pada kali ini ada peningkatan berbanding dengan tahun 2010 dan kita berharap ada perubahan tentang perkara yang dikemukakan ini supaya kita sama-sama, kita juga ingin mengenali dan mengetahui serta menilai dan melihat sendiri penerima-penerima ini. Adakah mereka itu pernah datang ke pejabat kita dan sebagainya. Jadi saya harap Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat memberikan kita satu penjelasan supaya tidak timbul permasalahan-permasalahan yang kita rasakan macam ada bentuk diskriminasi yang dilakukan kepada ADUN-ADUN terutamanya daripada ADUN-ADUN kerajaan Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak kerajaan. Kebajikan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ah! tak apa. Ah! Tuan Pengerusi saya akan mengambil apa tu perhatian tentang perkara ini dan saya juga mendapati ah! Pegawai Kemajuan Masyarakat dan saya dapat *report-report* yang mengatakan ah! cara dia, pemberian dia tidak telus. Maknanya ada setengah tempat yang ditumpukan. Itu pun kita akan pantau saya nak minta YB Rodziah yang dia ada *skill* untuk semua mereka-mereka yang dapat daripada zakat, yang dapat daripada Kebajikan Masyarakat, yang dapat supaya kita selaraskan kalau tidak ada yang bertindih, ada yang sepatutnya dapat tak dapat dan seterusnya. Tapi kita ambil perhatian.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker dan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat. Adakah dari situ kita *consolidate* dan juga bolehkah kita salurkan melalui jabatan bawah negeri kita sendiri dan tidak dan tidak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana kita nampak ada ketidaktelusan dan juga permainan politik, kepartian yang memperalatkan Jabatan Kebajikan untuk kepentingan pihak parti Barisan Nasional. Sekian. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Satu perkara yang saya hendak Ah! bincangkan oleh kerana kalau kita tengok gaji dan upah pun datang daripada negeri jadi oleh sebab itu kita akan berbincang bagaimana sama ada dia bekerja untuk kerajaan persekutuan atau pun kerajaan negeri. Jadi, itu yang kita hendak uruskan dahulu. Kedua, dia mesti menggunakan data kita bukan daripada yang lain. Itu yang akan lakukan.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 15. Iaitu wang sejumlah 16,103,452 ringgit untuk Kepala B 15. Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**DEWAN** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B 16. Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM 6,825,866.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 16 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia 6,825,866 untuk Kepala B 16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B 17. Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM 9,089,902.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 17 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia 9,089,902 untuk Kepala B 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B 18. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling RM 9,968,375.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk B 18 di bawah butiran 524,000 dengan butiran 28,000 Penyelenggaraan dan juga Pembaikan Kecil yang dicadangkan untuk dibuat.

**TUAN SPEAKER** : Muka surat ?

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Muka surat 390. Saya melihat bahawa di kawasan-kawasan kampung ini kita sudah hampir dua tahun dan mungkin juga sudah hampir tiga tahun tidak banyak pembelian-pembelian atau pun pembaikan penyelenggaraan yang dilakukan terutamanya di kawasan kampung-kampung tradisi. Justeru itu kalau kita lihat pada tahun 2010 sebanyak 291,000 diperuntukkan dan pada tahun ini juga dengan jumlah yang sama saya berasakan perlu ada sedikit perubahan supaya kawasan-kawasan kampung ini khususnya penyelenggaraan di bawah Pejabat Tanah dan Daerah Petaling ini diberikan keutamaannya di kawasan kampung Bukit Lanchong di mana kawasan itu telah mengalami masalah banjir yang teruk pada bulan Mei tahun ini. Saya mengharapkan penyelenggaraan yang melibatkan jalan masuk, jalan keluar yang berada di bawah kawalan pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah Petaling ini diberikan perhatian begitu juga dengan kawasan Kampung Baru HICOM di Seksyen 26 Shah Alam. Terima kasih.



**TUAN SPEAKER** : Ya, pihak Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih dari Seri Setia. Yang penting saya rasa untuk Ahli Dewan, oleh sebab setiap daerah sudah ada belanjawan ni, kita perlu menghadiri Mesyuarat Pembangunan Negeri. Apabila ada Mesyuarat Pembangunan Daerah maka angka-angka ini merupakan angka-angka yang dalam jagaan Pejabat Daerah. Dengan cara itu kita boleh dapat menentukan penggunaan dan penambahan yang lebih berkesan. Ya, saya terima ini, saya boleh beritahu Pejabat Daerah Petaling tetapi ini yang saya anggap sangat penting untuk kita dan mengenali pegawai-pegawai di daerah sebab sekarang di daerah banyak yang kita perlu kenali, itu yang sangat penting bagi kita. Oleh itu saya boleh kenakan tindakan la. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B18 iaitu wang sejumlah RM 9,968,375.00 untuk Kepala B18, Pejabat Tanah dan Daerah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membuatkan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawa se nya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjurkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 2011, 2010 Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan nombor 32010 dan Rang Undang-undang Peruntukan Diraja Pindaan 2010 dibacakan kali ketiga atau selewat-lewatnya hingga jam 7.00 malam.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak RM 9,575,017.00.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Pengerusi, merujuk kepada muka surat 406, Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Bekalan Vot 10000 Emolumen, saya membuat kiraan di sini bahawa *value for money* sekali lagi dengan izin Daerah Gombak mempunyai peruntukan RM 2,503.00 bagi setiap penjawat setiap bulan. Ini merupakan kedudukan kedua tertinggi jika seluruh sembilan Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Selangor di mana purata Petaling RM 2,495.00 sebulan setiap penjawat, Kelang RM 2,366.00, Kuala Langat RM 2,406.00, Sepang RM 2,488.00, Kuala Selangor RM 2,173, Hulu Selangor RM 2,149.00, Sabak Bernam RM 2,215.00. Semuanya dalam Ringgit Malaysia kecuali di Hulu Langat RM 3,188.00. Tak tau kenapa tinggi, puratanya perbelanjaan sepenjawat adalah di antara 2,200 hingga 2,500 sebulan dan memandangkan Gombak menduduki tempat kedua, kita sebagai ADUN di Hulu Kelang, berharap pihak Kerajaan memantau prestasi dan *delivery* dengan izin Pejabat Daerah Gombak, khususnya yang pertamanya *PR* hubungan dengan masyarakat seperti surat

menyurat. Saya mendapat banyak aduan walaupun ada sedikit peningkatan baru-baru ini tentang surat-surat yang tidak berjawab daripada penduduk-penduduk tentang urusan-urusan dengan Pejabat Tanah dan Daerah, jadi ini mesti diletakkan satu *KPI* dengan izin agar prestasi dapat diukur memandangkan peruntukan yang amat munasabah bagi setiap penjawat setiap bulan. Kemudian memandangkan hasil tanah khususnya hasil tanah tertunggak perlu diwujudkan satu sistem pemantauan pelaksanaan agar kutipan cukai tanah tertunggak dapat dibuat secara sistematik. Sekarang ini saya faham tidak ada satu pendekatan yang proaktif. Terserah kepada orang rakyat yang bertanggungjawab. tanggungjawab dia ialah untuk membayar cukai tertunggak. Tidakkah boleh diwujudkan satu sistem kawasan kita dah berubah, kawasan perumahan, lot-lot rumah ada dipetakan dengan kawasan perumahan, PBT cukai taksiran kerjasama boleh diwujudkan di antara setiap unit tanah dengan setiap unit rumah yang dikenakan cukai taksiran boleh dipetakan agar sebagaimana PBT boleh proaktif mengeluarkan cukai-cukai taksiran setiap enam bulan sedemikian juga lah saya cadangkan agar pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat Pejabat Daerah dapat dilaksanakan dengan demikian. Demikian juga dengan program-program pemutihan kawasan-kawasan tanah-tanah TOL yang terbiar, kadang-kadang ada penduduk yang dibayar sekali dua kali tiga kali kemudian Pejabat Tanah kata taka perlu bayar, tunggu keputusan hingga keputusan itu tak datang-datang lima tahun, tujuh tahun, lapan tahun. Jadi ini merupakan kerugian apakah dasar-dasar untuk pemutihan semula tanah-tanah TOL tidak boleh dibuat demi untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri peringkat Daerah dan kemudian untuk memberi keselesaan dan kesenangan kepada pengguna yang menggunakan tanah TOL itu untuk pertanian, bercucuk tanam dan sebagainya. Kemudian saya juga ingin mencadangkan agar untuk membolehkan langkah-langkah yang proaktif, mengutip cukai-cukai tanah tertunggak, insentif potongan denda hendaklah disemak semula agar dia tidak membebankan akhirnya menyebabkan pembayar-pembayar tertunggak ini lari dan menyembunyikan diri kerana tidak dapat menanggung denda yang berganda. Jadi kalau diisytiharkan diumumkan satu pendekatan untuk membuat potongan insentif denda cukai tertunggak ini mungkin dia akan menggalakkan pembayar-pembayar tertunggak untuk tampil ke hadapan. Terima kasih.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Pengerusi, pihak Kerajaan, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya ingin menarik perhatian kepala 505000 yang pertamanya 11000 ataupun sebelas ribu Gaji dan Upahan..

**TUAN SPEAKER** : Muka surat? Muka surat berapa?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Muka surat 403. Pertamanya saya sudah pasti rasa ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan penghargaan kepada Pegawai Daerah dan seluruh Pegawai-pegawai yang terlibat dalam operasi tanah kerana akhirnya masalah berkenaan dengan *Indian Settlement* di kawasan Batu Caves sampai di penghujungnya dan hanya perlu kita untuk menetapkan satu yang dipanggil sebagai premium. Sebagaimana yang saya bangkitkan dalam penggulungan tadi kalau boleh saya masuk sedikit, premium yang besar ataupun premium yang tinggi ini mungkin akan menyebabkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan hasil akan terganggu. Sebagaimana yang mungkin saya boleh maklumkan di kawasan *Indian Settlement* tu melibatkan hampir 100 lots dan satu lot yang paling kecil lebih kurang dalam 1,000 kaki persegi. Daripada angka yang diberikan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak berdasarkan kepada kaedah premium yang berdasarkan kepada kadar semasa satu lot tanah yang ditetapkan adalah sekitar RM30.00, jadi kalau 1,000

kaki persegi ia penduduk di situ terpaksa membayar sejumlah hampir RKM 30,000.00 untuk tanah yang diluluskan daripada dasar baru. Bagi saya, saya mohon rayuan di pihak Pejabat ataupun rayuan di pihak Kerajaan Negeri untuk mengurangkan premium ini di kadar yang lebih murah dan munasabah kerana sebahagian besar daripada mereka merupakan pekerja-pekerja am dan bukan di kalangan mereka yang berada. Namun begitu di atas usaha dan juga segala kerjasama yang telah diberikan oleh Pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak, saya ucapkan ribuan terima kasih di atas kemampuan mereka menyelesaikan masalah yang berkurun lama ini iaitu masalah yang tidak dapat pun hanya untuk menentukan setiap orang dapat berapa ribu kaki persegi kerana mungkin kurangnya *political wheel* di kalangan pemimpin-pemimpin politik di kalangan pemimpin Barisan Nasional sebelum ini. Keduanya berkenaan dengan muka surat 403 juga iaitu perkara 14000 iaitu berkenaan Elaun Lebih Masa. Saya melihat ada kenaikan hampir seganda daripada kadar Belanjawan untuk Elaun Lebih Masa Daerah Gombak. Daripada 63 ribu pada tahun 2010 kepada 103 ribu pada tahun 2011 ya. Saya sudah pasti dan sangat gembira dan ini mungkin boleh membantu ruang Pegawai-pegawai dan kakitangan untuk bertindak dengan lebih cekap. Namun begitu bagi saya apa yang dapat ditampilkan sebelum ini ada beberapa perkara yang boleh diperbaiki. Antara beberapa rintihan-rintihan yang dikelolakan oleh Pegawai-pegawai di Pejabat saya khususnya berkenaan dengan utusan surat yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang tadi, yang mungkin boleh diperbaiki, saya kira juga ada beberapa perkara misalnya tentang pengurusan wang ADUN yang bernilai RM 500,000.00 untuk Program Mesra Rakyat dan sebagainya. Terdapat kadang-kadang rungutan di kalangan Pegawai yang kadang-kadang saya terpaksa untuk telefon di Pejabat Daerah dan Pegawai Daerah berulang kali hampir dua tiga kali. Dan antara alasan yang dikeluarkan ialah Pegawai bermesyuarat, Pegawai berkursus dan sebagainya. Saya kurang pasti mengapa perkara ini kerap kali berlaku dan saya harap kalau perkara ini berterusan ia bukan sahaja menyusahkan ADUN-ADUN malahan memberi persepsi yang tidak begitu baik kepada wakil-wakil atau ADUN-ADUN yang ingin menyampaikan program-program bantuan dan Mesra Rakyat. Saya cukup faham kalau program itu sekali atau masalah itu sekali tapi masalah itu sampai dua tiga kali dan akhirnya saya terpaksa menelefon boss mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti ini. Namun saya tidak menolak juga mungkin masalah ini berlaku akibat kelemahan di Pejabat DUN saya ataupun di Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat tapi bila berulang-ulang kali sejak tahun 2009, 2010, saya kira satu pemerhatian yang lebih harus diberikan perhatian supaya masalah-masalah ini tidak timbul termasuk dalam usaha kita untuk menambah Elaun Lebih Masa kepada Pegawai-pegawai yang berkenaan di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak. Sekadar itu Pengerusi, terima kasih.

**TUAN SPEKAER** : Pihak Kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Hulu Klang. Yang Berhormat dari Hulu Klang dan Yang Berhormat dari Batu Caves yang membangkitkan perkara-perkara mengenai pentadbiran dan perjalanan Pejabat Daerah terutama di Gombak. Sebenarnya, usaha untuk mengenal pasti tanah-tanah milikan Kerajaan daripada segi tanah milikan sementara dan tanah-tanah Kerajaan baru siap pada pertengahan tahun ini, iaitu sekarang sudah ada *data base* tentang perkara tersebut. Sebelumnya, kita tidak memantau secara terperinci. Oleh itu, pada kali ini kita memantau secara terperinci supaya kita tahu kedudukan tanah tersebut. Kedua, perkara yang selalu berlaku adalah hanya Kerajaan tahu tanah itu tanah Kerajaan apabila orang lain beritahu Kerajaan. Ekoran itu, kita hendak hentikan keadaan tersebut. Kita dapati tanah ini tidak dijaga, walhal kalau tanah Kerajaan pun tidak semestinya semak, tidak boleh, ia mesti dijaga. Ia tidak boleh dibiarkan atau pun ada orang terus datang kerana tanah itu seolah-olah tidak digunakan menyebabkan mereka masuk ke tanah tersebut. Oleh itu, dari sekarang kita memantau setiap tanah tersebut dan sudah tentulah beberapa usaha untuk memberikan tanah yang sepatutnya diberikan kepada mereka menjadi peneroka tanah yang

begitu lama tinggal di tanah itu. Ia bukan hanya sebagai tempat tinggal bagi tanah-tanah yang digunakan untuk tempat yang dijadikan tempat untuk perdagangan dan perniagaan. Cara dahulu ada hadiah daripada Kerajaan Negeri tetapi kita anggap cara itu tidak dapat dilakukan. Kita hanya lakukan berasaskan harga pasaran yang munasabah. Dan bolehlah mereka beli. Kalau tidak kita selalu dalam keadaan berebut-rebut untuk mendapat tanah kerajaan tetapi bukan kerana *business* tetapi kerana premium yang sangat rendah dan dia boleh jual selepas itu.

Kedua pengutipan cukai tanah ini sudah saya sebut dalam belanjawan. Kita boleh heatkan supaya setiap Pejabat Daerah mencapai tahap 70% kutipan cukai tunggakan. Dengan itu KPI kita kepada *ex-o* atau pun *settlement officer* adalah tinggi dan kita juga boleh memberikan insentif untuk perkara ini. Mengenai perkara spesifik yang penempatan di Batu Caves itu kita sudah melihatnya dan saya ingat sudah hampir ke peringkat yang akhir dan sekarang kita hendak memikirkan sama ada kita hendak memberi premium yang tertentu tetapi tidak boleh dijual dalam masa lima tahun. Ini yang kita hendak. Kita takut satu keadaan apabila selepas itu dia jual lepas, dia jadi peneroka di tempat lain. Oleh sebab itu kita tidak hendak keadaan begini sebab lima tahun itu adalah satu masa yang kita anggap munasabah. Itu pun satu perkara yang .....

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan Tan Sri. Adakah halangan penjualan lima tahun itu cara individu atau pun cara halangan cara *block* kerana dia mungkin ada satu pemaju beli satu tanah milik 30 orang serentak, walau pun selepas lima tahun.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yalah itu pun kita belum tentukan tetapi boleh jadi kita buat secara individu sebab kalau secara *block* pun kita tidak boleh sebab ada orang yang hendak jual. Ada orang yang tidak hendak jual, dan itu kita hendak fikirkan. Tetapi yang kita tidak hendak, apabila selepas sahaja kita beri hak milik terus berlakunya urusan niaga yang maknanya mereka yang sepatutnya duduk di kawasan itu sekarang sudah tidak duduk lagi di kawasan itu. Kedua, sudah tentulah ada pemaju yang berminat untuk membeli kesemuanya dan lepas itu mereka jadi setinggan di tempat lain. Ini pun satu masalah besar yang kita hadapi walaupun saya tahu saudara boleh mengatakan kita tidak sepatutnya sampai begitu tetapi kita hendak menyelesaikan masalah pemilikan tanah seluruh rakyat. Dan saya rasa .....

**TUAN SPEAKER** : Yang Amat Berhormat, Sabak ....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Sabak, silakan.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Terima kasih Yang Amat Berhormat Tan Sri. Apabila disebut masalah penduduk setinggan haram oleh kerana di DUN saya juga ada terdapat kawasan-kawasan setinggan yang mana mereka juga telah menetap hampir 30 tahun di kawasan tersebut dan apabila kita melawat kawasan rumah tersebut kita dapati rumah-rumah mereka ini dalam keadaan daif dan juga uzur. Dan kita juga telah mengusahakan mendapatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk membaik pulih dan juga untuk membina rumah tersebut tetapi cuma kita mendapat sedikit halangan oleh kerana apabila peruntukan persekutuan hendak di laksanakan di kerajaan negeri maknanya kerajaan persekutuan inginkan surat kebenaran daripada Pejabat Tanah atau pun Pejabat Daerah baru kita boleh laksanakan. Jadi di sini saya menghadapi masalah tersebut jadi saya ingin memohon penjelasan bagaimana cara untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat, saya pun baru tahu tentang perkara menimbulkan masalah orang hendak menolong membuatkan rumah. Jadi saya tidak

menghalang. Dalam polisi Kerajaan Negeri tidak menghalang sama ada Kerajaan Persekutuan atau pun Kerajaan Negeri atau pun Lembaga Zakat untuk menambah baikkan rumah-rumah tersebut. Jadi, untuk hari ini saya boleh pantau dan saya boleh siasat mengapa kita ada halangan tentang perkara ini. Adakah, perkara yang sangat penting bagi saya dalam pentadbiran ini? Adakah dalam pemberian pertolongan itu terdapat perbezaan orang yang ditolong atau pun ada secara keseluruhan diberi pertolongan.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Setelah dibuat bancian, maknanya di kawasan tersebut kita bantu keseluruhan, cuma yang kita saya ingin mendapat makluman daripada kerajaan negeri di manakah harus saya mendapatkan surat kelulusan untuk kerajaan negeri membenarkan untuk membaik pulih dan juga membina rumah baru tersebut. Oleh kerana kita juga kerajaan persekutuan ada program baik pulih rumah dan juga bina rumah baru.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tan Sri, terima kasih YB Kita tidak ada halangan untuk siapa-siapa bina rumah di kawasan-kawasan luar bandar. Masalahnya ialah agensi-agensi yang tidak berkaitan dengan Negeri Selangor sekarang membina rumah-rumah di kawasan-kawasan luar bandar. Mereka tidak dapat kelulusan dari Pejabat Tanah. Pembinaan yang dilakukan ialah terus menerus berunding dengan tuan punya tanah dan mereka membina rumah-rumah PPRT di kawasan itu. Kita tidak ada halangan dengan siapa-siapa yang nak bina rumah PPRT. Tetapi apa yang kita minta ialah untuk mana-mana agensi yang nak bina rumah-rumah PPRT di mana-mana kawasan untuk membuat laporan kepada Pejabat DO untuk kita memantau pembinaan rumah-rumah PPRT ini, itu yang kita minta. Dan kerajaan Negeri Selangor semua aduan-aduan dan pertanyaan tentang PPRT ialah melalui Ketua Kampung, Penghulu Kampung, Penghulu Daerah, Pejabat Daerah yang lepas tu kita akan bincang di mesyuarat rumah prihatin dan tentukan siapa yang dapat baik pulih dan siapa yang akan dapatkan pembinaan baru di dalam kawasan.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(19).

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Boleh .....

**TUAN SPEAKER** : Dah...dah habis penjelasan.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Fasal Tan Sri ..... (ketawa) oleh kerana kita dalam program baik pulih rumah atau pun bina rumah baru ini seperti mana yang telah saya maklumkan sebentar tadi oleh kerana kita menghadapi halangan atau pun kekangan untuk kita membaik pulih rumah tersebut. Sebenarnya kita tidak mewujudkan satu kawasan penduduk PPRT yang baru. Kita cuma yang macam saya sebutkan ini ialah mereka dah tinggal di sana hampir 20 tahun dan rumahnya dalam keadaan uzur cuma kita ingin membantu memperbaiki semula bukan kita nak buat penempatan untuk penduduk PPRT yang baru.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, kalau ini soalan yang berkaitan dengan kawasan Yang Berhormat, itu patutnya masuk bila kita masuk ke Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan dengan Sabak, bukannya sekarang di sini hanya Gombak.

Baik jadual B(19) iaitu wang sejumlah RM9,575.17 untuk Kepala B(19) Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya ....

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya....

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(20) Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM9913,603

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(20) iaitu wang sejumlah RM9913,603 untuk Kepala B(20) untuk Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya .... Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(21) Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat RM8167,178.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(21) iaitu wang sejumlah .....

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Tuan Pengerusi .....

**TUAN SPEAKER** : Ya Sijangkang sila...

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih. Saya merujuk kepada butiran 505001100 gaji dan upah sebab di sini saya lihat Kuala Langat menunjukkan penurunan peruntukan kalau berbanding dengan tahun yang sudah kalau berbanding kebanyakan-kebanyakan daerah-daerah yang lain sama ada sama atau pun meningkat dan saya lihat bilangan perjawatannya yang tetap sama. Saya khuatir kalau ada mungkin impak daripada segi apakah sebenarnya yang berlaku di sini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ada proses .... Tuan Speaker, Tuan Pengerusi. Ada proses disebut *bajeting*.. Setiap Pegawai Daerah dan setiap daerah boleh *complete* untuk belanjawan tersebut dan cara yang mereka buat adalah menentukan berapa yang mereka mahu dan justifikasi yang mereka mahu. Oleh sebab itu saya lagi sekali menekankan tentang peranan Ahli Dewan kalau ada di daerah itu, iaitu diadakan mesyuarat pembangunan, Ahli Dewan boleh meminta rancangan belanjawan tahun hadapan supaya kita dapat akhirnya *detail* yang macam ini. Dengan cara itu kita dapat menambah baik permohonan tersebut sebab semua ini peruntukan terhad, semua kena buat permintaan dan kalau yang malas itu dia tidak minta sebab dia kena buat kertas kerja permintaan. *They must be a paper* untuk permintaan. Oleh sebab itulah saya selalu tekankan kalau ada, dia dengan itu lebih senang untuk justifikasi permintaan tersebut walaupun tidak semuanya permintaan dapat dilakukan. Umpamanya, saya tahu Seri Setia minta 7 projek kadang tinggal 2, Kuala Selangor tidak ada dan Klang pun tidak ada. Jadi itu semua hendak dibuat dan saya percaya di Kuala Langat tentu ada projek-projek penempatan yang tertentu. Oleh itu kita boleh panggil semula Pegawai Daerah untuk mengadakan perbincangan tentang cara yang lebih rapat kepada Ahli Dewan. Bagaimanapun, tahun hadapan Ahli Dewan mempunyai peluang untuk memperkenalkan campur tangan mereka dalam projek-projek kerana peruntukan satu juta untuk dewan itu bokeh memperkenalkan mereka kepada projek-projek pembetulan jalan dan seterusnya. Ia boleh memberi kita peluang untuk *involve* atau pun lakukan perkara tersebut.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Tuan Pengerusi, saya khuatir disebabkan mungkin melihat kepada peruntukan ini walau pun bilangan perjawatan sama tetapi mungkin perbandingannya jumlah penjawat-penjawat kita dalam bentuk kontrak dan kadang-kadang itu saya kira terlalu lama mereka menjadi penjawat kontrak. Akhirnya ini juga akan menimbulkan daripada soal prestasi dan mutu kerja mereka. Sebab ini saya kira ia perlu dilihat dan kiranya

ada antara penjawat-penjawat kita yang kontrak terlalu lama difikirkan dari segi prestasi mereka untuk diambil sebagai penjawat yang tetap. Maksud saya bukan sahaja di daerah Kuala Langat ini tapi di semua jabatan-jabatan di negeri Selangor ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dalam ingatan saya bukan sahaja Sijangkang tetapi juga rakan kita dari Damansara ada membangkitkan perkara ini. Maknanya, pegawai-pegawai kontrak yang bekerja begitu lama kita mula memikirkan tentang cara yang terbaik untuk kita menyelesaikan perkara ini. Saya tidak menyatakan bahawa *civil service* ini juga ada kumpulan-kumpulannya. Kalau hanya memasukkan ke dalam kumpulan-kumpulan tersebut terpaksa juga perbelanjaan seperti *pension* atau perbelanjaan lain mesti diambil kira. Itu bukan jawapan yang terbaik tetapi daripada segi berbincang tentang belanjawan. Itu jawapan yang mesti diambil kira tetapi jawapan yang terbaik mereka sudah bekerja kenapa tidak diserapkan masuk ke dalam organisasi. Itulah jawapan yang sepatutnya tetapi untuk belanjawan apabila kita serapkan pegawai-pegawai tersebut kita mesti ada juga peruntukan kewangan untuk *pension* dan untuk perkara-perkara yang lain. Semua itu pun mesti ambil kira. Hal ini tidak ada alasan pada saya kontrak itu sepatutnya *temporary* tetapi kalau 15 tahun bukan lagi *temporary*. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER :** Baik. Jadual B21 iaitu wang sejumlah RM8,167,178.00 untuk kepala B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM9,439,337.00.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B22 iaitu wang sejumlah RM9,439,337.00 untuk Kepala B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM6,813,137.00.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B23 iaitu wang sejumlah RM6,813,137.00 untuk Kepala B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM7,938,978.00.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor di mana saya ingin bangkitkan perkara penting saya mendapat banyak aduan tentang perkara berhubung masalah tanah di Kampung Tiram Buruk yang dulunya sudah dipohon sehingga hari ini tetapi masih tidak dapat perhatian penuh dari Pejabat Daerah maka saya mintak kalau boleh diberi perhatian untuk diluluskan.

**TUAN SPEAKER :** Yang terhormat Sekinchan merujuk kepada bahagian mana?. Dah habis dah. Pihak kerajaan ada penjelasan?. Tidak ada.

Jadual B24 iaitu wang sejumlah RM7,938,978.00 untuk Kepala B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor RM8,582,812.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B25 iaitu wang sejumlah RM8,582,812.00 untuk Kepala B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM8,690,541.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B26 iaitu wang sejumlah RM8,690,541.00 untuk Kepala B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B27 Mahkamah Syariah RM8,612,961.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B27 iaitu wang sejumlah....

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Peraturan Tetap 12. Satu. Kuorum bagi dewan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada satu per tiga ahli-ahli dewan dan tidak termasuk pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Kita berhenti sehingga.... Kita beri 2 minit dan kita akan panggil ahli-ahli dewan untuk masuk kembali ke dalam dewan.

Baik, Dewan meminta Setiausaha Dewan untuk mengira ahli-ahli Dewan.

Baik, bilangan kuorum yang sepatutnya bagi Dewan Negeri Selangor adalah 18 tapi hanya ada 12 ahli dewan. Jadi Dewan akan memanggil ahli-ahli dewan untuk masuk dan selepas 2 minit kita akan mengira semula bilangan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Puan Pengerusi minta petua fasal kuorum. Bilangan ahli dewan ada 56. satu per tiga adalah 18.667 jadi kita nak ketetapan sama ada 18 atau 19?.

**TUAN SPEAKER** : Baik, masih tak cukup kuorum. Kita hanya ada 12 ahli dewan sahaja.

Baik, selepas 2 minit kita sudah mempunyai kuorum yang cukup. Jadi kita teruskan semula.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya nak minta penjelasan. 18 atau 19?.

**TUAN SPEAKER** : Kita ada 18.



**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Sebab kalau 56, satu per tiga adalah 18.667. Ini serius. Kalau kita nak uruskan perkara yang besar, fizikal *ok its pysical. Ok thank you.*

**TUAN SPEAKER** : Baik kita teruskan.

Jadual B27 iaitu wang sejumlah RM8,612,961.00 untuk kepala B27 Mahkamah Syariah menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B29 Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) RM115,110,248.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B29 iaitu wang sejumlah RM115,110,248.00 untuk Kepala B29 Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah Perbekalan RM138,046,042.00.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah Perbekalan RM138,046,042.00 menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Setuju secara beramai-ramai.

**TUAN SPEAKER** : Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dimaklumkan kepada dewan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker saya mohon memaklumkan dewan ini bahawa rang undang-undang ini sudah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Pembekalan dan dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah rang undang-undang ini dibacakan yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Setuju secara beramai-ramai.

**TUAN SPEAKER** : Dipersetujui.

ii) **Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) 2010 (semua peringkat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pembekalan kurungan dua kosong satu, satu, dua kosong satu kosong. Aturan urusan mesyuarat seterusnya rang undang-undang Enakmen Pembekalan Tambahan nombor tiga dua kosong satu kosong semua peringkat.

**TUAN SPEAKER** : Rang undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu dibuat, untuk perkhidmatan negeri tahun dua puluh sepuluh yang tidak di peruntukan oleh undang-undang yang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu usul berjumlah satu ribu tiga ratus juta sudah diluluskan dalam persidangan dewan negeri pada sembilan November dua kosong, kosong sembilan. berdasarkan anggaran perbelanjaan sehingga Disember dua puluh sepuluh terdapat kekurangan sebanyak lapan juta sehubungan itu peruntukan tambahan sebanyak lapan juta diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh perbendaharaan negeri, perbelanjaan am melalui B dua puluh sembilan sebanyak lapan juta. Maksud B dua puluh sembilan perbendaharaan negeri, perbelanjaan am tambahan sebanyak lapan juta di bawah kurungan empat dua kosong, kosong pemberian dalam negeri adalah dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:

Pertama, sebanyak lima ratus ribu bagi menampung pembayaran sebahagian tunggakan bil Tenaga Nasional TNB untuk Stadium di Shah Alam. Kedua, sebanyak dua ratus ribu bagi menampung bayaran emolumen kepada pegawai penyelaras dan pegawai dasar EXCO yang dilantik bagi menyelaraskan Program Jawatankuasa Tetap Kerajaan bermula September sehingga Disember 2010. Ketiga, sebanyak tiga ratus tiga puluh ribu tiga ratus enam puluh tujuh ringgit sembilan puluh enam sen bagi menampung kos rawatan Yang Berhormat Tuan Dr. Chia Win Cin Yin di Pusat Perubatan Sunway yang mengalami kemalangan semasa menghadiri Karnival Sungai Klang pada 13 Mac 2010. Keempat, sebanyak seratus lima puluh tujuh ribu lima ratus ringgit bagi membiayai emolumen pegawai penyelaras dewan negeri pembangkang bermula Oktober hingga Disember 2010. Kelima, sebanyak satu juta lapan ratus enam puluh lima ringgit empat ratus tiga puluh lima, satu juta lapan ratus enam puluh lima ribu

empat ratus tiga puluh lima enam puluh lapan sen diperlukan bagi menampung kekurangan perbelanjaan mengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sehingga Disember 2010. Keenam, sebanyak lapan ratus tujuh puluh ribu bagi menyelesaikan tunggakan perkhidmatan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. bagi tahun 2008, dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Sabak Bernam.

Ketujuh, sebanyak satu juta bagi membiayai sebahagian bayaran tunggakan perkhidmatan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. Bagi tahun 2009 di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Selangor. Kelapan, sebanyak dua juta empat ratus empat puluh sembilan ribu tiga ratus satu ringgit untuk menampung bayaran kerja-kerja kecemasan pemadaman api di tapak pelupusan sampah haram di Sungai Kertas. Kesembilan, sebanyak enam ratus dua puluh ribu tiga ratus sembilan puluh lima ringgit tiga puluh enam sen diperlukan sebagai peruntukan luar jangka bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dijangkakan bagi tempoh Oktober hingga Disember 2010.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan penjelasan yang diberikan tadi saya mencadangkan satu Enakmen bagi menggunakan wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010 berjumlah lapan juta dan memperuntukkan wang itu bagi maksud tertentu dibaca kali yang kedua.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat cadang ini telah pun disokong. Saya kemukakan rang undang-undang untuk dibahaskan.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, terima kasih kepada pihak Kerajaan yang membentangkan permohonan anggaran perbelanjaan bekalan tambahan sebanyak lapan juta ringgit dan saya berdiri di sini untuk membuat sokongan kepada pertambahan tersebut dengan beberapa cadangan. Antaranya cadangan peruntukan dua ratus ribu menampung bayaran emolumen pegawai penyelaras dan pegawai dasar EXCO satu perkara yang bijak kerana kita perlu memberi sokongan yang padu agar semua ahli EXCO, yang mempunyai KPI-KPI yang cukup ketat dan cukup sibuk dan dapat memenuhi tugas-tugas mereka demi kewajipan rakyat jelata dan pentadbiran Kerajaan yang lebih cekap. Namun demikian saya khuatir pendekatan ini adalah pendekatan jangka pendek sedangkan apa yang lebih kita nampak sekiranya diperkasakan, diberikan keupayaan yang lebih jangka panjang kepada setiap anggota EXCO sebagai status seperti mempunyai satu kementerian setengah negeri di semenanjung, Malaysia ini status sebagai Menteri, dengan Setiausahanya, dengan pegawai-pegawai kanan, Pegawai-pegawai Setiausaha dan sebagainya. Ini perlu diambil kira kerana kita memerlukan satu pendekatan pentadbir negeri maju seperti Selangor ini yang berdaya maju. Jadi pendekatan ini saya khuatir boleh menampung keperluan semasa dan jangka pendek tetapi tidak dapat memenuhi keperluan jangka panjang yang lebih mendesak kerana keperluan KPI yang sangat tinggi dan prestasi yang diharapkan oleh rakyat daripada Kerajaan negeri melalui EXCO dan Menteri Besar.

Dan keduanya juga saya menyokong sebagai dengan rakan-rakan saya ahli dewan menyokong dan kita bersyukur bahawa Yang Berhormat Damansara Utama telah pulih dan kita harapkan dia pulih sepenuhnya tetapi saya mencadangkan sekiranya ada kriteria-kriteria yang garis panduan yang lebih teratur untuk membuat permohonan seperti ini. Contohnya tidak ada rawatan cara perubatan yang setanding merawat pesakit doktor-doktor Kerajaan contohnya. Biar tiada pertikaian kerana standard ini perlu kita lakukan dengan baik dan sempurna dan bagi peruntukan satu perpuluhan satu lapan enam juta kepada Perbadanan Perpustakaan Awam

Selangor saya juga menjangkakan ini merupakan satu penyelesaian jangka masa pendek. Sedangkan sebagai program di bawah EXCO pendidikan melancarkan gerakan membaca, bulan membaca, minggu membaca dengan mengumpulkan ribuan orang pembaca, kita perlu menampilkan imej pusat perpustakaan Perbadanan Awam Selangor yang lebih dinamik yang saya tahu melalui lawatan-lawatan yang telah saya buat, keadaan bangunan itu uzur jadi dia tidak selaras dengan kehebatan bangunan daripada luar tetapi *basmentnya* kawasan bangunan tingkat bawah, tandas dan beberapa bangunan tidak dapat dipakai. Jadi saya berharap pihak kerajaan dapat memulihkan cara jangka panjang demi meningkatkan imej hap keilmuan, hab pendidikan dan sebagai budaya ilmu di Negeri Selangor. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor bukan hanya gah dilihat daripada luar, tetapi pengisiannya, programnya, bukunya, judul-judul yang ada dan sebagainya. Dan saya juga menyokong peruntukan dua perpuluhan empat, empat sembilan juta bagi menampung bayaran kerja-kerja pemadaman api bagi saya masanya sudah tiba kerana kita berhadapan dengan berbagai-bagai gejala melibatkan perubahan cuaca, iklim, global dengan izin yang kita tidak menduga beberapa perkara seperti banjir kilat, banjir besar-besaran, tanah runtuh berlaku. Saya ingin mencadangkan jika belum ada sebuah tabung yang mempunyai satu yang diluluskan oleh dewan melalui satu Enakmen yang di bawa diluluskan dewan dengan membolehkan peruntukan dan perspektif daripada orang ramai kerana tabung bencana ini dalam konteks guna istilah sahaja sebagai baitulmal, boleh melibatkan orang awam, memberi sumbangan dalam pemulihan tabung bencana. Program-program bantuan bencana ini selalunya macam jangka pendek, ada program, ada masalah kita buat kutipan, ada masalah kita buat kutipan, ada masalah kita buat tambahan. Sedangkan sekiranya rakyat diberikan peluang ini dengan adanya satu tabung bencana di bawah tajaan Kerajaan Negeri maka daripada syarikat swasta, perbadanan-perbadanan, GLC, orang individu agak ramai berbagai agama dan kaum dapat memberi sumbangan agar tabung ini merupakan satu tabung yang lebih tetap. Saya menjangkakan perkara ini kerana terlalu banyak isyarat yang berlaku Tsunami, ledakan gunung berapi di negara jiran dan berbagai-bagai lagi bencana yang kita tidak boleh tangani secara kecil-kecilan tetapi cara jangka panjang. Dengan ini saya menyokong peruntukan anggaran perbelanjaan bekalan tambahan sebanyak lapan juta yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Bekalan Ketiga berkaitan dengan perkara empat (4) iaitu sebanyak RM 127 500.00 bagi membiayai emolumen Pegawai Penyelaras Dewan Negeri Pembangkang bermula daripada Oktober hingga Disember 2010. Kajang agak khuatir sekiranya sistem pelantikan Pegawai Penyelaras Dewan Negeri Pembangkang. Sekiranya diadakan dan kita masih kurang maklumat tentang bagaimana sistem pemantauan yang akan diadakan. Oleh kerana pegawai-pegawai yang dilantik kalau sebelum ini dipantau oleh Ahli EXCO. Jadi dalam keadaan sistem baru ini, apakah sistem pemantauan yang akan kita adakan supaya dapat menjamin akauntabiliti, ada ketulusan, *come of money*. Jadi kita meminta Kerajaan Negeri dapat mewujudkan satu sistem pemantauan untuk menjamin supaya penyelaras, Pegawai Penyelaras ini menjalankan tugas dengan cekap dan amanah. Dan perkara yang kelima sebanyak RM1 865 435.68 diperlukan bagi menampung perbelanjaan mengurus Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sehingga Disember 2010. Kerajaan difahamkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah ada pelan induk atau ... yang memang berlainan dengan pentadbiran yang lepas. Maka kita juga ingin tahu bagaimana pelaksanaan dan juga strategi yang akan di ambil oleh PPAS ini untuk memastikan perpustakaan-perpustakaan baik. Perpustakaan daerah mahu pun perpustakaan desa semua mahu dipantau dan dijaga dengan baik. Kajang ingin mengambil contoh

perpustakaan di daerah Kajang pada sidang dewan yang lepas Kajang pernah membangkitkan bahawa perpustakaan di Kajang sekarang menyewa tempat untuk perpustakaan sebanyak RM8000.00 sebulan. Di tempat yang dianggap tidak sesuai iaitu di atas restoran sate di tingkat yang paling atas. Dan pengunjung-pengunjung ke perpustakaan ini pun agak kurang walaupun pegawai-pegawai yang di dalam perpustakaan ini telah cuba sedaya upaya dengan adakan aktiviti dan juga Kajang juga cuba membantu tetapi Kajang dapati perbelanjaan sebanyak RM 8000.00 sebulan sewaan ini amat tidak berbaloi dengan kesan yang menggalakkan membaca di kawasan Kajang. Maka Kajang memang mencadangkan PPAS harus meneliti kes-kes sebegini, bukan sahaja Kajang, mungkin laporan-laporan lepas terdapat ada premis-premis perpustakaan yang tidak sesuai ada jalan yang eksais ke perpustakaan yang tidak elok, dan tempat yang tidak begitu sesuai di kampung-kampung, di perpustakaan desa, itu semua memang wujud. Bagaimana Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dapat memantau dan mengatasi masalah yang tinggalan lepas ini. Jadi kajang memang menyokong, menyokong usul enakmen pembekalan tambahan dan mengucapkan pihak kerajaan dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi khasnya dalam bidang yang dibangkitkan tadi dengan secara berkesan. Kalau tidak kita khuatir peruntukan-peruntukan yang tambahan ini memang, memang akan juga seperti dulu ia tidak mendatangkan kesan yang memang tidak baik kepada rakyat. Sekian terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Kampung Tunku juga ingin mengucap sedikit berkenaan Bekalan Tambahan Yang ketiga ini. Terdapat beberapa perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian dalam pertambahan ini. Isu yang pertama ialah tentang kos rawatan untuk Yang Berhormat Damansara Utama sebanyak RM 330 000.00. Saya berpendapat seperti apa yang dibahaskan dalam Dewan Yang Mulia ini sebelum ini saya berpendapat bahawa kita tidak boleh membenarkan *claim* ini sesuka hati untuk kes yang dialami oleh Yang Berhormat Damansara Utama adalah jelas beliau sebenarnya pada hari itu, pada masa itu, meninggalkan Klang apabila menghadiri Karnival Sungai Klang. Pada 13hb. Mac beliau balik daripada Klang balik ke tempat ... beliau kerja pada hari itu pada pagi itu. Saya rasa ini adalah kes spesifik tidak seperti apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat dari Barisan Nasional sebelum ini bahawa mereka tidak boleh *claim* perubatan ini sesuka hati. Kalau seorang Ahli Dewan masuk ke hospital kerana sakit jantung semasa bercuti di mana-mana tempat saya rasa itu tidak boleh di *claim* langsung. Walaupun. Saya ingin mem.. mem.. menarik perhatian Kerajaan semolek-moleknya kos perubatan, seboleh-bolehnya mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang menghadapi masalah ini masuk ke hospital kerajaan. Masalahnya, yang kita hadapi sekarang ini ialah kita masuk hospital kerajaan, kalau di Petaling Jaya saya rasa belum ada lagi hospital kerajaan betul tak Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker? Yang ada hanya Perubatan Universiti Malaya kadang kala amat malang di kategori hospital swasta. Dan sebab Hospital Universiti Malaya ini sebenarnya adalah hospital separa kerajaan, *private*. semi *private*, semi *government*, jadi saya rasa kita perlu mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya seboleh-bolehnya menerima rawatan di Hospital Kerajaan. Tapi saya rasa Yang Berhormat yang berkhidmat di kawasan sekitar Petaling Jaya termasuk Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker kita tidak ada pilihan, melainkan kalau kita pergi tempat yang lain seperti Hospital Selayang, Hospital Klang dan sebagainya. Inilah yang. Kes ini sebenarnya menyedarkan secara tidak langsung, tidak terduga tahap risiko yang dihadapi oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri semasa melaksanakan tugas kita sebagai ahli dewan. Kita ada kes di sini, yang mana Yang Berhormat Damansara Utama dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Kita ada juga Yang Berhormat Sekinchan dibelasah semasa menjalankan tugasnya beliau turun ke padang untuk mendengar rintihan daripada golongan petani. Saya rasa ini adalah satu insiden yang menunjukkan bahawa kita menghadapi, Yang Berhormat

menghadapi masalah dan risiko semasa menjalankan tugas mereka. Saya menggesa kepada Kerajaan supaya pada tahun yang akan datang semasa pada masa akan datang cepat-cepat mengemas kini skim elaun dan kebajikan yang diterima semua Ahli Dewan ini supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan efisien dan selamat. Saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan RM157 500.00 bagi membiayai emolumen Pegawai Penyelaras Dewan Negeri Pembangkang terhadap. Seboleh-bolehnya wang ini termasuk peruntukan sebanyak RM 500 000.0 itu terus diberikan kepada Pembangkang tetapi kita juga meminta layanan adil daripada Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh Pembangkang sekarang ini. Di mana setiap peruntukan di setiap Parlimen tanpa kira parti pembangkang atau parti pemerintah perlu diberi peruntukan yang sewajarnya dan sama rata. Jadi saya minta kerajaan negeri memantau seboleh-bolehnya cara RM157 000.00 diperuntukkan dan digunakan. Dam pada masa akan datang kita perlulah berunding dengan Kerajaan Persekutuan. Saya juga meminta Ahli Yang Berhormat Sabak dan Ahli Yang Berhormat Sungai Burong yang ada di dalam dewan yang mulia ini, saya sebenarnya berdiri di sini, berucap bahawa RM500 000.00 setahun peruntukan kawasan perlu juga diperuntukkan kepada Yang Berhormat. Saya di sini kata kalau ada emolumen Pegawai Penyelaras untuk kawasan Yang Berhormat sekali maka ia sekali juga perlu di peruntukkan kepada Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat juga menyokong saranan saya supaya Kerajaan Persekutuan memberi layanan yang adil pada Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat. Ini adalah seruan saya kepada semua pihak. Saya di sini cuba. Saya rasa ini adalah satu cara kita berpolitik secara matang. Saya juga ingin menyentuh tentangnya. Ini adalah menyentuh isu yang besar kalau kita perhatikan Puan Timbalan Speaker dalam memperuntukkan tambahan yang ketiga ini lebih separuh peruntukkan dibelanjakan untuk menyelesaikan masalah sampah. Kita telah memperuntukkan sebanyak RM870 000.00 untuk menyelesaikan masalah sampah di Majlis Daerah Sabak Bernam, kita juga memperuntukkan RM1000.00 untuk, RM1 000 000.00 untuk menyelesaikan masalah sampah di Kuala Selangor. Kita juga memperuntukkan RM2.5 Juta untuk menampung pembaikan kerja-kerja kecemasan pemadam air di kawasan tapak pelupusan sampah di Sungai Kerdas, Selayang. Saya rasa ini secara tidak langsung menunjukkan satu fakta yang amat menyedihkan iaitu hampir satu peratusan yang besar daripada sudut kewangan negeri. Dan PBT sebenarnya memperuntukkan untuk menyelesaikan masalah sampah. Saya rasa sekarang ini, walaupun telah beberapa kali kita menyebut di dalam dewan yang mulia ini, saya ingin menyebut juga bahawa perkara ini sudah sampai masanya kita untuk mencari sesuatu penyelesaian. Kalaulah PBT kita dibelenggu i oleh masalah kewangan. Dengan masalah kewangan yang tidak mencukupi untuk membayar balik kepada Alam Flora. Kalaulah PBT kita berpendapat perkhidmatan dari Alam Flora kurang memuaskan maka kita perlu memikir satu cara jalan keluar. Kita tidak boleh terus-menerus kekal dalam keadaan demikian. Saya rasa amat lega apabila kerajaan mengumumkan bahawa kita menubuhkan syarikat pelupusan sampah yang kedua di bawah pengelolaan Worldwide. Saya amat berharaplah supaya usaha ini dapat dipercepatkan supaya kita mahu pada tahun 2011 nanti, 2012 nanti kita tiada perbelanjaan tambahan untuk menyelesaikan masalah sampah di PBT. Kita lihat di Sabak Bernam, masalahnya adalah pada tahun 2008. Di Kuala Selangor masalahnya pada tahun 2009. Maknanya masalah sampah di kawasan-kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor ini dua tahun tiada satu penyelesaian. Memang masalah saman sudah selesai tapi bayaran belum dibuat. Jadi saya rasa ini perlu diberi perhatian yang serius supaya. Harap-harap pada tahun akan datang kita tidak akan memerlukan peruntukkan tambahan bagi membiayai hutang PBT terhadap Alam Flora ini. Jadi itulah ucapan saya. Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Mohon beri laluan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sabak ingin mengambil bahagian.

**YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL** : Terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarukatuh*, selamat petang dan salam sejahtera. Sabak Bernam juga ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Tambahan Bekalan Yang Kedua. Jadi. Oleh itu, Puan Timbalan Speaker Enakmen Pembekalan Bajet 2010 yang dibentangkan pada 2009 telah memperuntukkan 1 Bilion 295 Juta 2730 bagi perbelanjaan tahun 2010 dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Anggaran pertambahan pertama pada tahun 2010 telah dibuat Persidangan Dewan Undangan Negeri pada bulan Mac yang lalu iaitu sebanyak RM69Juta. Enakmen Tambahan Kali Kedua berjumlah RM112 Juta telah diluluskan dalam sidang DUN pada bulan Julai 2010. Dalam mesyuarat kali ini kerajaan negeri akan membentangkan Enakmen Bekalan Tambahan No.3 bagi Tahun 2010 sebanyak RM8 Juta. Ini bermakna sebanyak tiga kali perbelanjaan tambahan telah dapat dibuat yang jumlahnya mencecah RM190 juta, iaitu 15.33 peratus daripada jumlah anggaran belanjawan tahun 2010. Ini merupakan jumlah yang besar yang membuktikan rancangan belanjawan yang kurang tepat, kurang teliti dan tidak profesional. Ini juga jelas membuktikan Kerajaan Negeri bukan sahaja gagal merancang dan menjangka keperluan perbelanjaan tetapi juga gagal untuk mengawal serta menyesuaikan perbelanjaan mengikut keperluan. Persoalannya, mengapakah Kerajaan tidak mencadangkan terlebih dahulu, terlebih awal, dan membuat *add hock planning*, dengan izin, yang akhirnya menjejaskan kewangan Kerajaan Negeri. Semasa membahaskan Enakmen Perbekalan Tambahan yang kedua dahulu, ADUN-ADUN BN juga telah mengingatkan Kerajaan Negeri, supaya tidak lagi memohon peruntukan tambahan bagi kali yang ketiga di masa yang akan datang. Malahan ADUN-ADUN BN juga telah mencabar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang selalu mendabik dada sebagai tokoh korporat yang berwibawa dan profesional dan memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada lagi peruntukan atau permohonan tambahan kali ketiga apa lagi setelah Dewan meluluskan peruntukan luar jangka sebanyak RM7.74 juta. Tetapi apa yang berlaku dalam tempoh empat bulan selepas Mesyuarat Dewan yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bukan sahaja tidak sensitif dan prihatin dengan teguran-teguran ini tetapi tidak berani memberi jaminan bahawa tidak ada lagi peruntukan tambahan ketiga yang terus membelanjakan wang rakyat. Jika Yang Amat Berhormat Menteri Besar benar-benar bertanggungjawab beliau sepatutnya telah menjayakan dan membuat analisa secara terperinci dari masa ke semasa membentangkan peruntukan tambahan kedua dahulu dengan mengambil kira keperluan hingga Disember 2010.

Kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, izinkan saya mengutarakan satu persatu keperluan yang dicadangkan daripada anggaran sebanyak RM 8 juta di bawah kepada RM 42,000 pemberian dalam negeri.

- i) RM200,000.00 – bayaran bagi emolumen kepada Pegawai Penyelaras dan Pegawai Dasar EXCO yang dilantik bagi menyelaras program Jawatankuasa tetap Kerajaan Negeri bermula September hingga Disember 2010. Berapakah bilangan pegawai yang terlibat dan mengapakah pelantikan dibuat sekarang dan tidak dirancang terlebih dahulu. Dan seterusnya, sebenarnya kerja-kerja tersebut boleh dibuat dan dilakukan oleh pegawai dan kakitangan yang sedia ada dan tidak perlu melantik pegawai-pegawai tambahan. Jadi oleh itu; untuk yang kedua;
- ii) RM157,500.00 – emolumen Pegawai Penyelaras DUN Negeri Pembangkang yang bermula daripada Oktober sehingga Disember 2010. Begitu juga, saya ingin tahu berapakah bilangan Pengurus yang terlibat. Dan seterusnya kerja-kerja ini juga boleh dibuat oleh pegawai-pegawai yang ada sekarang termasuk pembantu-pembantu khas dan juga ahli-ahli EXCO yang terlibat. Semasa pemerintahan BN pegawai-pegawai seperti ini tidak diperlukan kerana memadai dengan kemampuan pegawai-pegawai yang

sedia ada. Dan sebanyak RM330,367.96, ini juga melibatkan kos rawatan Yang Berhormat Dr. Cheah Wing Yin di Pusat Perubatan Sunway yang mengalami kemalangan semasa menghadiri karnival ....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sabak, Kampung Tunku ingin penjelasan.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Nanti dulu. Pada 13 Mac 2010. Dewan yang mulia bersimpati, dan kami ADUN-ADUN Pembangkang juga bersimpati dengan kemalangan yang menimpa ADUN tersebut. Oleh itu, kami menginginkan perbelanjaan ini adalah merupakan satu perbelanjaan yang besar dan kita ingin tahu tempoh rawatan tersebut dan butiran-butiran kos bagi rawatan tersebut.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Silakan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Timbalan Tuan Speaker. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Sabak dalam perbahasan yang mengatakan simpati, simpati dengan Yang Berhormat Damansara Utama, ya, kemalangan, tapi kalau kita ngomong simpati, belas kasihan, simpati kepada Ahli Dewan Negeri yang mengalami kemalangan tapi bukan cakap saja simpati, tapi harus ada tindakan dengan simpatinya. Maksud saya sekurang-kurang mana Ahli Dewan Negeri yang pergi melawat Yang Berhormat Damansara. Ada ke melawat. Simpati tu, ada *question mark*. Tanda tanya, simpati tersebut. Dan sekarang pula mempersoalkan belanja tu besar dan sebagainya. Saya rasa perkara tu tak wajar ditimbulkan. Saya sudah bagi tau hari tu dah, perkara ni harus ada antara pembangkang pihak kerajaan, ada kata sepakat. Tapi simpati, meragukan, mempertikaikan, tak ada keikhlasan.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Bagi kita memang kita simpati tentang kemalangan yang telah diterima oleh ADUN Damansara, kita simpati, tetapi oleh kerana ia melibatkan wang rakyat, cuma kita ingin tahu, berapakah sebenar kos rawatan, dan apakah bentuk rawatan-rawatan, kita inginkan butiran. Oleh sebab itu kita inginkan kalau kita betul-betul telus kita ingin pamerkan perkara ini kepada rakyat. Dan kalau dikatakan kita tidak simpati, kita juga membangkang akan peruntukan ini diluluskan. Dan kalau disebut, kita wakil rakyat tidak ziarah kepada Yang Berhormat Damansara dan saya juga dapat makluman apabila Ketua Pembangkang kita berada di wad, wakil-wakil rakyat daripada Kerajaan Negeri Selangor juga tidak ada yang ziarah kepada Ketua Pembangkang.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Penjelasan, minta penjelasan. Bila, bila, yang mana tak pergi ziarah, yang apa, yang mengatakan Ketua Pembangkang berada di mana.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Berada di SMC.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : SMC, tak ada wakil rakyat dari Pakatan yang datang melawat. Cuba balik baca berita surat khabar hari ini, Sekinchan dengan Sri Muda dengan siapa lagi, Sijangkang bersama Sungai Pelek, Batu Caves bersama dengan Kuala Kubu. Ha... ni silap fakta.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL** : Okey, terima kasih kalau melawat.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Fakta ni silap, jangan ....



**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL :** Terima kasih atas lawatan tersebut.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Walaupun saya dengan Sungai Panjang lawan awal dan lawan sepanjang zaman namun simpati tetap lawat.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL :** Kalau Sekinchan lawat memang bagus, dia satu kawasan, satu bahagian dengan ini Ketua Pembangkang.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Saya nak minta penjelasan, minta celah sikit, satu soalan *simple* saja.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL :** Tak pe, saya teruskan dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sorang-sorang, yang mana satu ni.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL :** Okey, dua-dua duduk.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jadi Sabak dah tarik baliklah tuduhan tadi ya, dakwaan tadi.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL :** Dan seterusnya, RM1,865,435.68, iaitu untuk menampung perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sehingga 2010. mengapakah jumlah yang besar itu tidak boleh dibuat anggaran semasa perbelanjaan perpustakaan disediakan. Jika Kerajaan benar-benar telus dan bertanggungjawab sila nyatakan butiran penuh perbelanjaan bagi RM1.8 juta yang telah dipohon untuk pengetahuan rakyat. Dan seterusnya RM870,000.00 tunggakan perkhidmatan Alam Flora untuk Daerah Majlis Sabak Bernam, dan seterusnya RM1 juta sebahagian daripada perkhidmatan Alam Flora sehingga tahun 2009, untuk Majlis Daerah Kuala Selangor. Berapakah jumlah perkhidmatan Alam Flora untuk kedua-dua Majlis tersebut bagi tempoh setahun dan sejauh manakah kemampuan mereka untuk membayar keperluan pada masa-masa yang akan datang. Untuk Majlis Daerah Kuala Selangor kita juga telah meluluskan peruntukkan tambahan sebanyak RM1 juta pada Mesyuarat Dewan dalam bulan Julai yang lalu, dan sekarang ditambah dengan RM1 juta lagi. Ini adalah merupakan kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Nampaknya kedudukan Majlis Daerah Kuala Selangor ini sangat runcing dan oleh itu saya mohon Kerajaan Negeri memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini dari segi kedudukan kewangan Daerah Majlis Kuala Selangor.

Dari segi pendapatan hasil perbelanjaan dan bagaimana boleh menyelesaikan masalah-masalah jangka pendek dan juga masa jangka panjang. Demi untuk kepentingan rakyat, Majlis Daerah Hulu Bernam, Hulu Selangor, kita terpaksa membantu mereka dengan meluluskan peruntukan tambahan ini. Tetapi yang peliknya Kerajaan Negeri Selangor yang bercadang untuk memberi diskaun cukai pintu kediaman walaupun kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan terutama majlis-majlis Daerah seperti Sabak Bernam dan Kuala Selangor sangat meruncing, tidak mampu berbuat demikian. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan, apakah kesan kepada kewangan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan jika diskaun tersebut diberikan. Apakah Kerajaan Negeri akan menggunakan kewangan negeri bagi membiayai pihak berkuasa tempatan tersebut.

Mengikut kajian jika diskaun sebanyak 20 peratus diberikan, jumlah kekurangan pendapatan semua PBT di Selangor ialah lebih kurang RM200 juta. Ini akan menjejaskan keupayaan PBT untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada pembayar-pembayar cukai.

Dan seterusnya mengikut laporan urus tadbir Selangor, diskaun ini juga akan diberikan kepada fasa kelima, iaitu dekat pilihan raya umum yang ketiga belas. Dan apakah ini semata-mata membuat janji untuk memancing undi dalam pilihan raya yang tersebut. Dan seterusnya peruntukan RM2,449,301.00 bayaran kecemasan pemadaman api tapak pelupus sampah haram di Sungai Keli. Setakat ini berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dibuat untuk kegunaan tersebut, dan mengapakah kawasan haram tersebut tidak ditutup, sejauh manakah pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan. Oleh sebab peruntukan yang telah dipohon adalah besar, saya juga memohon agar perincian butiran perbelanjaan tersebut.

Peruntukan luar jangka bagi tempoh Oktober sehingga Disember 2010 pada sidang Dewan yang lalu kita juga telah meluluskan peruntukan tambahan kali yang ketiga untuk perbelanjaan luar jangka sebanyak RM7,774,880.31. Semasa pembahasan peruntukan RM7.7 juta tersebut kita juga telah meminta agar Kerajaan Negeri agar memperincikan tujuan perbelanjaan tersebut kerana jumlah adalah besar. Dan saya hendak meminta, sekarang hendak meminta tambahan sebanyak RM0.65 juta lagi. Jika Kerajaan betul-betul telus dan bertanggungjawab sila senaraikan butir-butir perbelanjaan sebanyak RM7.7 juta yang telah diluluskan dahulu, dan selepas itu baru kita timbang sama ada kita mahu luluskan peruntukan tambahan ini ataupun sebaliknya. Demi ketelusan saya juga mahu Kerajaan Negeri Selangor menyenaraikan tujuan kegunaan peruntukan tersebut.

Pada Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker, kesan ketara kepada tambahan belanjawan sebanyak RM 194 juta yang ialah peningkatan belanjawan mengurus baru tahu 2010. Keadaan seperti in berlaku dalam belanjawan 2009. Mengikut laporan 2009, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2009 pada keseluruhannya meningkat sebanyak RM362.58 juta atau 24.7 peratus. Iaitu daripada 1467.24 juta pada tahun 2008 kepada 1829.82 juta pada tahun 2009. Kesannya berlaku defisit pendapatan berjumlah RM65.96 juta kerana pendapatan perbelanjaan mengurus berjumlah RM362.58 juta lebih tinggi berbanding dengan pendapatan kasar Kerajaan Negeri yang berjumlah RM247.25 juta. Analisis Audit mendapati antara punca-punca peningkatan tersebut ialah pemberian geran kepada NDI pemberian hutang Syarikat Talam Corporation daripada Selangor Industrial Corporation berjumlah RM391.99 juta.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya ingin menyentuh kedudukan terkini isu pinjaman Talam Corporation yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri memberitahu kemajuan penyelesaian pinjaman Talam kerana ia melibatkan jumlah yang besar sebanyak RM392 juta. Dan saya telah meneliti laporan Audit

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Minta laluan, minta laluan. Puan Timbalan Speaker,

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Saya tak bagi laluan. Setelah saya meneliti Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2009 *hansard* dan juga butiran pembahasan dalam Dewan Undangan Negeri bulan Julai yang lalu mengenai isu pinjaman Talam Corporation. Dan yang ketiga

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, kita menyentuh perkara yang berkaitan sahaja.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Dan yang ketiga ialah mengenai Laporan Audit pada tahun 2009 peningkatan ketara Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2009 ialah Kerajaan Negeri telah menerima dari penerimaan daripada Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan jumlah RM391.99 juta yang merupakan penjualan hutang Syarikat Talam Corporation Sdn. Bhd. kepada ASB dan PNSB oleh kerana Kerajaan Negeri kepada Selangor Industri Corporation.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, kita menyentuh perkara berkaitan dengan Peruntukan Tambahan, ya Yang Berhormat bangkitkan itu tidak kena mengena dengan berkaitan dengan apa yang ... saya minta

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat Sabak, kalau baca teks, yang tak boleh jawab teks itu tepikan dulu.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Walaupun membaca teks kita mengikut fakta. Bukan kita tak ikut fakta.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tapi saya meminta Yang Berhormat Sabak menyentuh perkara yang berkaitan sahaja. Menyentuh dengan perkara yang berkaitan sahaja.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Macam mana...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Menyentuh dengan perkara yang berkaitan dengan perbelanjaan tambahan ...

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Saya rasa ini kita kena mengimbau tentang pengalaman kita yang lepas untuk kita jadikan pengalaman bagi perbelanjaan kita tahun ini sebelum meluluskan peruntukan. Kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi pada perbelanjaan tahun ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sebab ini bukan Perbahasan Belanjawan. Itu telah pun dijalankan lebih awal.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Oleh kerana di sini saya ingin menyatakan Talam telah melangsaikan hutang sebanyak RM390 juta. Ini kalau kita lihat dalam muka surat 21 Bajet Kerajaan Negeri dalam Anggaran Bajet 2011. Ini ada sangkut paut nanti dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ada Peraturan Tetap.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Dalam Anggaran Bajet 2011 tiada dinyatakan jumlah tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sebab kalau ada Peraturan Tetap Yang Berhormat kena duduk dulu, kita dengar apa yang nak dibangkitkan.

**YB TUAN MAT SHUAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Peraturan Tetap 35(6) seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacakan Cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana nak menyokong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkannya. Daripada tadi tengok ucapan sahaja. Tak boleh mengikut Peraturan ini.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Okey, terima kasih Puan Timbalan Speaker, Peraturan Tetap

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Peraturan Tetap 36(1) Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa

perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Jadi perkara yang Talam dan semua-semuanya tidak ada berkaitan. Ia terima kasih.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Yalah oleh kerana pendapatan daripada kutipan Talam ini adalah kan kita gunakan untuk membiayai Bajet pada tahun 2011 jadi oleh itu perlu kita terangkan dalam Majlis ini ...

**YB TUAN MAT SHUAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Yang Berhormat Sabak tak ada. Perbelanjaan itu tak digunakan pun. Hutang Talam dah pun sudah selesai YAB Dato' Menteri Besar dah ceritakan semalam, dah habis, dah tak lagi. Saya ingat tak masuk Dewan ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya minta Yang Berhormat Sabak kembali kepada isi ini Rang Undang-undang yang kita nak bawa ini. Jangan yang tidak berkaitan.

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Okeylah, Yang Berhormat Timbalan Speaker dan berdasarkan kepada fakta-fakta di atas saya juga ingin kenyataan saya di atas bahawa Perbahasan yang lalu bahawa Kerajaan Negeri dipimpin oleh YAB Dato' Menteri Besar agar tidak mengulangi perkara tersebut bagi Belanjawan yang telah diluluskan pada tahun ini. Jadi untuk itu saya sudahi ucapan saya dengan ribuan terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Sabak. Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian. Saya ingin turut serta dalam Perbahasan Perbelanjaan Tambahan Tahun 2010. Sabak sebelum nak bercakap kita tengok dulu tajuk. Tajuk dia Perbelanjaan Tambahan Tahun 2010 jangan cerita Tahun 2011 ya.

Ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian dalam Perbelanjaan Tambahan ini salah satu daripada Perbelanjaan yang dikenakan adalah berkenaan dengan pemadam api atau pun dengan penyelesaian masalah sampah haram di Batu Caves di kawasan Sungai Kertas iaitu di kawasan Batu Caves dan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesempatan dan juga perbelanjaan yang telah diberikan ini dan saya berharap ia dapat menyelesaikan masalah yang kita telah selesaikan daripada awal atau pun masalah yang telah kita selesaikan daripada awal atau pun masalah yang kita selesaikan di awal tahun ini selepas berlaku kebakaran. Akibat berlakunya pembuangan sampah haram yang telah berlarutan lebih daripada enam, tujuh tahun atau pun masalah pembuangan sampah haram yang berlaku sejak zaman Barisan Nasional memerintah lagi.

Ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasihi Sekalian, perkara yang saya rasa perlu ditekankan di sini adalah usaha Kerajaan Negeri yang berterusan untuk menyelesaikan masalah secara *collective* atau pun menyelesaikan masalah ini secara holistik kerana masalah pembuangan sampah haram ini kita tidak boleh selesaikan dengan kaedah runcit dengan menyelesaikan satu persatu dengan menyelesaikan kes *by* kes sahaja kerana daripada apa pemberian secara pemerhatian secara rambang sekarang ini disebabkan masalah kurangnya tempat-tempat pembuangan sampah yang ekonomi kepada pengusaha-pengusaha pemungut sampah ini. Akhirnya berlaku tempat-tempat pembuangan sampah yang sekarang ini mula merebak bagi cendawan lepas runtuh di beberapa buah tempat dan beberapa buah kawasan.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, namun begitu saya menyokong Dasar Perbelanjaan Tambahan ini. Saya rasa pesan saya kepada rakan-rakan Barisan Nasional kalau nak faham kena duduk dalam Dewan. Semalam ketiga penggulungan oleh YAB Dato'

Menteri Besar beliau menjelaskan rasional mengapa kita mengaku perbelanjaan tambahan ini berulang kali. Saya pun telah sebutkan kalau Sabak ingin saya sebutkan sekali lagi. Dalam tahun 2007 Kerajaan Barisan Nasional melakukan Perbelanjaan Tambahan lebih besar daripada Kerajaan Negeri sekarang lakukan iaitu sekitar RM202 juta. Yang kita lakukan hanyalah sekadar RM199 juta dan kadar ini bukan dikira berapa kali kita buat tetapi berapa jumlah kita buat. Sebab itu Kerajaan Negeri menetapkan bahawa Dasar kita adalah secara berperingkat. Kita tidak membuat satu unjuran yang melebar tetapi akhirnya kita tidak mampu capai. Kita tidak membuat satu unjuran yang melampau-lampau kerana takutnya pembaziran. Yang kita nak lakukan adalah kaedah dengan melihat sejauh mana wang itu mampu masuk dan wang itu mampu kita belanjakan dan wang itu kita mampu uruskan dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya Kasih sekali, begitu juga dengan hal Talam. Saya rasa kalau Yang Berhormat Sabak ada dalam Dewan mendengar jawapan YAB Dato' Menteri Besar dalam soalan yang saya kemukakan soalan no. 22 dalam sesi Dewan kali ini. Saya rasa Sabak jelas bagaimana kita memungut hutang-hutang Talam yang selama ini tersembunyi tak dapat masuk dalam Akaun Negeri yang akhirnya tak tahu menikmati kepada siapa? Tapi Kerajaan Pakatan Rakyat saya ucap tahniah kepada YAB Dato' Menteri Besar kerana uruskan hutang itu masukkan dalam akaun memungutkannya kembali dan kita mampu berikan Skim Care atau Skim Mikro Kredit yang memberi nikmat kepada ramai termasuk pemimpin termasuk orang-orang UMNO di peringkat bawahan dan juga peringkat .

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Siapa dulu? Sabak

**YB DATO' HJ WARNO BIN DOGOL** : Itu sebab saya melihat dalam ringkasan Anggaran Hasil 2011 iaitu muka surat 5 yang ke RM80,000 Penerimaan Bukan Hasil apabila wang daripada Talam sudah masuk maknanya ada termasuk dalam Penyata Kira-kira tapi di sini tak termasuk dalam Penyata Kira-kira. Oleh sebab itu kita ingin bertanya.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Yang Berhormat Sabak semak balik Rang Undang-undang yang kita bekalkan ini Tahun 2010 bukan 2011. 2011 kita bincang semalam atau kita bincang nanti dalam Jawatankuasa nanti. Ah itu sahaja saya nak jelaskan tapi yang nyata dan jelasnya kalau kita sedikit prihatin dengan *hansard* yang telah dikeluarkan ini tolong baca dan kita lihat, kita akan dapat tahu jawapannya. Sebab itu kita tidak akan terkeluar atau pun merawang kepada persoalan-persoalan yang lain. Saya rasa teksnya disediakan dan agak *out dated* daripada yang sepatutnya kita bahaskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian, Sri Muda nak tanya apa tadi?

**YB TUAN MAT SHUAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Terima kasih, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya tadi nak menyebutkan perkara Batu Caves sebut iaitu berkenaan dengan hutang Talam ini tetapi dah dijawab, diperjelaskan tadi. Cuma saya nak sebutkan maknanya benarlah seperti Yang Amat Berhormat Ijok katakan kalau Sungai Panjang pun tidak tahu akaun, tidak tahu tentang apa yang tersembunyi maka kita jangan terkejutlah kalau kebanyakannya pun lebih kurang macam itu. Ah itu sahaja yang saya nak jelaskan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Tak apa, taka pa, jangan teruskan nanti ada ramai lagi kena sakit denggi lagi susah. Ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian, sebab itu pemerhatian saya sangat jelas, namun saya rasa saya ingin menegaskan kembali semangat setiap Ahli Dewan dan semangat kekuatan di Dewan ini harus diperkukuhkan dan saya rasa tugas Dewan untuk menyemak dan memeriksa ini lebih baik. Saya ingin mengulang balik bahawa usaha kita untuk Kerajaan Negeri Eksekutif untuk mengentahkan Perbelanjaan Tambahan setiap kali sidang Dewan sangat baik kerana setiap Ahli Dewan boleh meneliti apa

yang ditambah dan apa yang di kurang dan mengapa ia ditambah. Jadi setiap Ahli Dewan lebih terbuka dan lebih mengetahui daripada kita menambah pada hujung tahun dengan saya rasa kaedah perbelanjaan yang banyak secara berhati-hati ini harus kita ikuti dan kita faham sebelum kita mengkritik dengan senonoh dan satu fakta-fakta yang mengelirukan dan tidak tepat bagi saya. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Saya Kasih Sekalian akhirnya saya juga berharap agar usaha tambahan-tambahan ini bukan satu lesen sebab kepada Kerajaan untuk menambah sesuka hati. Kita sekeluarga Dewan baik di kalangan Pakatan Rakyat terutamanya kita sangat Prihatin dan terutamanya akan melihat sejauh mana perbelanjaan ini diuruskan dan mampu untuk memberikan kebaikan dan kebajikan kepada rakyat secara keseluruhannya. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sg. Pelek nak bahas.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Yes, terima kasih Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Selamat Petang, Salam 1M. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas bajet tambahan Yang Ketiga 2010 ialah Pasal Perkara No. 3 iaitu sebanyak RM30, 367.66 bagi menampung kos rawatan ADUN Damansara Utama. Rasa saya ini nak menjadi satu isu dan kita berbahas dalam Dewan ini dan bagi Sg. Pelek rasa saya pandangan saya kemukakan untuk semua Ahli Dewan di sini bahawa saya mencadangkan kita ujudkan satu tabung khas supaya setiap Ahli Dewan Undangan Negeri ini dari segi perlindungan perubatannya semua diambil kira. Sebentar tadi, Sekinchan menyebut sabar tak simpati dengan ADUN Damansara Utama. Walau pun mungkin Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pembangkang tak pergi menziarah tetapi rasa saya semua yang disebelah sini dalam hati kita, kita doa kan bahawa ADUN Damansara Utama itu cepat sembuh dan cepat baik dan kembali kepada Dewan. Kita hanya semasa berbahas saja di dalam Dewan mungkin lebih sedikit sindir, sindiran itu tetapi apabila kita keluar dari dewan ini rasa saya kita duduk di kantin tempat makan kita boleh gurau, kita tak de masalah, tak sampai jadi musuh nak ADUN Pakatan Rakyat mati, tak da, saya rasa Sabak pun tak da. Betul tak Sabak, tak ada niat itu langsung, tak da.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tak de sampai kena pukul ye.

**YB TUAN YAP EE WAH** : Tak de, tak de, memang tak de, kita manusia, jadi pasal bajet tambahan perkara no. 3 ni sudah banyak kali kita bincang di sini tapi rasa niat kita tidak macam tu dan jangan silap taksir apa yang kita bangkitkan. Jadi kita mengemukakan pandangan, kita berbahas di dalam dewan ini supaya lebih banyak pendapat yang kita keluarkan '*and then*' kita cari satu cara penyelesaian. Balik kepada apa yang saya cadangkan tadi, itu pandangan Sg. Pelek. Jika boleh tubuhkan satu tabung khas untuk semua, semua Ahli Dewan Undangan sekiranya, tapi harap-harap janganlah pakai tabung khas untuk masuk hospital. Macam Sekinchan dia kena belasah, mungkin kena kali kedua, ketiga, saya tak tahu. Tapi harap-harap jangan berlakulah. Saya tak tahu, stail masing-masing. Stail berpolitik masing-masing. Itu pun jadi satu perkara yang dibincangkan dalam dewan tu, banyak kali saya dibelasah, saya dibelasah, Sekinchan sebut. Jadi mungkin kali kedua, kali ketiga,

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Minta penjelasan, minta laluan sikit.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Mesti perkara yang berkaitan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Berkaitan, berkaitan...YB Sg. Pelek tadi mengatakan harap Sekinchan jangan kena belasah dan sebagainya itu satu setuju dengan perkara ini, tapi dalam masa yang sama saya nak minta pandangan dan pendirian daripada YB Sg. Pelek, saya kena

belasah oleh samseng UMNO di Tg. Karang, setujukah kita sama-sama mengutuk samseng tersebut, setujukah.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Itu Sekinchan punya hal. Sg. Pelek tak berhak untuk jawab, okey. Saya cuma ambil contoh apa yang Sekinchan utarakan dalam ni, jadi supaya untuk jaga kebajikan semua sama-sama, semua ahli Dewan di Negeri Selangor ni, saya cadangkan wujudkan satu tabung khas apabila berlakunya sesuatu insiden itu bolehlah kita tak payah mohon melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Jikanya perlu tapi harap janganlah. Lagi satu perkara ialah mengenai No. 9 sebanyak RM627,395.36 sen diperlukan sebagai peruntukkan luar jangkaan. Jadi apa yang saya cadangkan tadi rasa saya kita boleh masukkan dalam luar jangkaan tabung luar jangkaan dan apa yang ada di sini perkara No. 9 saya tidak tahu dan saya harap pihak kerajaan boleh mengeluarkan satu rangka apa sebenarnya peruntukkan luar jangkaan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dijangka bagi tempoh Oktober hingga Disember. Kalau boleh juga kita wujudkan tabung khas, macam nilah perkara NO. 3 tu macam perkara No. 9 jadi elok bila kalau ia berlaku bolehlah kita pakai tabung khas itu sepertimana yang saya sebut. Jadi apa yang disebut sebut tadi bajet tambahan, bajet tambahan dibuat dahulu dibuat oleh Barisan Nasional. Sekarang Pakatan Rakyat buat pula Barisan Nasional menegur. Inilah tugas pembangkang. Dulu pun orang bangkang, dulu Pakatan Rakyat rasa saya dia pun membangkang. Dia pembangkang, dia pun tidak setuju bajet tambahan. Jadi kita pun buatlah sama, inilah tugas kita. Rasa saya kita tak de salah, tak de salah sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri pembangkang. Jadi demikian saja apa yang saya nak kemukakan, Terima kasih Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih, Sg. Pelek. Saya ahli-Ahli Yang Berhormat saya minta persilakan bagi pihak kerajaan untuk menggulung ataupun memberikan penjelasan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih kepada Hulu Klang, Kajang, Kg. Tunku, Sabak, Batu Caves dan Sg. Pelek. Saya rasa terkilan mengenai komen daripada Sabak yang tidak menggunakan pemikiran yang terbuka daripada segi cara membuat belanjawan. Cara membuat belanjawan yang dibuat awal tahun, kemudian dikira hujung tahun adalah satu cara tradisional yang boleh jadi saudara lakukan dalam tahun-tahun 70an. Sekarang kalau saudara tengok bajet di United State of America pun '*is a rolling budget*', Oleh itu saya harap saudara apabila orang menulis teks cara tersebut saudara juga tanya sama ada dia mengikuti perkembangan belanjawan-belanjawan dunia, umpamanya '*the congress*' sampai tiga kali dibuat dan saya tahu *The Great Britain* sekarang satu percubaan untuk mencuba menentukan belanjawan supaya setiap kali dewan tahu tentang perkembangan-perkembangan tersebut. Seterusnya, kalau tidak dia kena sebut '*rolling and balance budget*', dia '*rolling*' kalau ada duit kita guna, tidak ada duit jangan buat cadangan. Oleh itu, kita ada caranya. Dengan cara itu saudara tahu sebagai contoh kalau tidak ada duit kita tidak dapat menolong Sabak Bernam, kita tidak dapat menolong Kuala Selangor sebab perkara ini sudah dilakukan yang saudara daripada Barisan Nasional yang tidak buat kira-kira dahulu. Dahulu ni Kuala Selangor, Sabak Bernam dan banyak tempat kenapa ditandatangani dengan Alam Flora, kalau kita tidak tahu boleh bayar.

Dahulu, bukan zaman saya. Ia zaman sebelum ini dan hutang itu sudah berlambak dekat situ. Maka, kita bayar dengan secara progresif. Kita tidak datang ke dewan kerana kita ada duit lebih sejuta kita gunakan sejuta. Kalau duit lebih dua juta kita habis, itu caranya, cara yang kita lakukan. Bukan kita buat cara tunggu setahun ke tidak. Sebab itu dua tiga kali kita datang. Sebab kita nak tunjukkan kepada dewan di mana duit kita gunakan. Yang kecemasan Sg. Kertas sampah sarap tu sampai tinggi satu bukit, terbakar, satu bukit untuk menyimpan sampah sampai satu bukit, memakan masa tujuh, lapan tahun. Tujuh, lapan tahun dalam jagaan siapa?

Kenapa dibiarkan sampai satu bukit dan kita kena pula bakar dan kita kena selesaikan dan sekarang kita kena bayar. Sebab, ia bukan dalam jangkaan kita. Ia sudah berlaku dan kita kena bayar dan kita boleh beritahu mengapa kita gunakan duit dua ribu empat ratus empat puluh sembilan dua juta ini untuk kegunaan kita bayar. Ini yang kita hendak bayar, bukan kita hendak sorokkan. Tidak. Ia belanjawan '*transparent*', bagus untuk dewan, sekurang-kurangnya saudara tahu yang Sg. Kertas itu terpaksa kita gunakan begitu banyak duit untuk membetulkan dan Sabak Bernam, perbelanjaan untuk Perpustakaan Awam. Kerajaan Persekutuan sepatutnya beri 50 : 50 untuk perbelanjaan Perpustakaan Awam, tetapi mereka tidak beri. Oleh sebab itu kalau eri maka tidak kita buat. Kita buat belanja baharu untuk ini. Bukan kita tidak hendak. Kerajaan Persekutuan yang buat perkara ini. Sebab itu kita nak tunjukkan 157,000 untuk Penyelaras Dewan Negeri, kerana apa, kerana masa yang mesti kita gunakan sepatunya Kerajaan Persekutuan memperuntukkan 1 juta kepada Ahli-ahli Parlimen tetapi tidak dimasukkan untuk Ahli Parlimen bukan Barisan. Ini satu perkara yang sekarang....

**YB TUAN YAP EE WAH :** Puan Timbalan Speaker boleh celah ..(boleh)...Rasa saya sama juga apa Y.A.B. tadi kemukakan 1 juta kepada Ahli Parlimen pembangkang. Kita pun sama juga peruntukkan untuk DUN kita pun tak dapat, betul tak Y.A.B.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Itulah nak saya beritahu sekarang. Kita juga. Ahli Parlimen daripada Sg. Siput telah membawa kes ini ke mahkamah dan saudara mesti sokong dan saya sokong membawa kes ini ke mahkamah supaya peruntukkan untuk Ahli-ahli Dewan, Ahli-ahli Parlimen mesti dibuat bukan berasaskan kumpulan politik tetapi berasaskan tanggungjawab. Itu saya buat sekarang. Apabila boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diperkatakan oleh rakan kita dari Kg. Tunku, kita buka kepada semua. Ia satu permulaan, satu pembaharuan, satu reformasi pemikiran yang kita bawa di negeri ini. Itu yang kita lakukan, yang kita hendak tunjukkan kepada saudara-saudara. Ayat yang mengatakan "wah tak reti tentang membuat belanjawan," ini satu perkataan yang tidak betul kepada orang yang tidak pernah buat belanjawan. Kita tahu membuat belanjawan, tetapi kita mahu tunjukkan cara membuat belanjawan dengan keadaan sekarang, bukan keadaan 10 tahun dahulu. Dahulu *bookkeeping* untuk menyimpan buku sampai rekod 3 bulan, 6 bulan baru tahu apa jadi pada akaun tu; akaun negeri ke ada masanya pada tahun 1981, beberapa negeri tidak siapkan akaun 3/4 tahun terkemudian. Ada, termasuk antaranya negeri Selangor juga. Tetapi sekarang kalau Pegawai Kewangan tidak boleh tutup akaun *every quarter* dia hilang kerja *that's the different*. Sebab kita mahu tahu keadaan kewangan semasa itu bezanya. Sebab itu kita boleh buat *rolling budget*. Orang lain tidak boleh buat, sebab kita boleh buat. Sebab kita tahu, saya sebutkan pada Oktober berapa banyak *cash*, berapa banyak kita ada, saya sebut pagi tadi ketika disoal dari Sekinchan, saudara kita dari Sekinchan menyoal. Saya sebut, bukan Oktober tahun lepas, Oktober tahun ini, saya sebut berapa, di mana duitnya di sana. Saya sebut, saya tunjukkan kepada saudara-saudara. Jadi ini, saya tidak tahu, boleh jadi saya tinggal bekerja di korporat kalau standard macam ini untuk Ahli Dewan malulah kita. Kita hendak menjaga rakyat, kita hendak menjaga rakyat, kita mesti tingkatkan pengetahuan kita, perkara-perkara untuk memantau bagaimana penggunaan duit rakyat dapat digunakan dengan cara yang terbaik.

Bercakap dengan mengatakan tidak betul, sedangkan tidak tahu benda itu betul atau tidak. Maka, saya tidak membuang masa saya untuk meninggikan darah tinggi saya pula (ketawa). Tetapi saya perlu mohon maaf. Saya fikir ini penting bagi Dewan kerana setiap angka yang saya hendak nyatakan, setiap angka saya beritahu mengapa saya setuju untuk pembayaran tambahan untuk Stadium Shah Alam. Stadium Shah Alam terhutang pada Tenaga Nasional 3 tahun dahulu lebih kurang RM3 juta tidak bayar selama 7 tahun tidak bayar. Jadi kalau esok kita tutup api (ketawa) Stadium Shah Alam tidak main bola dan kita, saya katakan Sg. Panjang, Sabak dahulu yang buat salah ini satu perkara yang tidak betul. Saya kata, kita mula bayar dan



cara pembayarannya esok saudara PWN terangkan bukan sahaja kita bayar *cash* yang ini kita bayar kita suruh pula Tenaga Nasional iklan di Stadium kita supaya mereka tidak payah bayar semualah. mereka boleh iklan semuanya. Kita fikirkan perkara itu tetapi kita masukkan dalam belanjawan ini supaya ini belanjawan luar jangka. Kita boleh tulis perkataan luar jangka dan tidak perlu cerita lagi, tidak. Kita beri spesifik RM500 ribu untuk pembayaran Tenaga Nasional di Stadium Shah Alam, kita beritahu, kita beritahu.

Hah! Jadi saudara tengok dan jangan saya tahu masalah saudara dan saya jadi wakil rakyat kalau kita tidak ada insurans kesihatan kita boleh jadi dalam keadaan ini dan saudara mesti tahu dalam keadaan kecemasan saudara mesti pergi ke hospital yang terdekat dan terbaik bukan menunggu. Sebab nyawa saudara adalah lebih bernilai daripada insurans tersebut. Keadaan Dr. Chia saya fahamkan terus dihantar ke hospital yang terdekat dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab tentang kesihatan beliau serupa juga bertanggungjawab kepada semua Dewan. Bukan bertanggungjawab kepada hospital yang dihantar, bukan. Bertanggungjawab tentang kesihatan saudara. Sebab itu dalam EXCO saya *kata spare no cost* dan tidak perlu pilih-pilih hendak cari pula tarik dia pergi ke hospital mana. Itu satu perbuatan yang tidak betul sebab *we expect you to work* dan kita, saya tahu seperti yang dikatakan oleh Hulu Klang. Kita mesti membuat *sinking fund* untuk bagaimana kita gunakan supaya kita dapat menolong semua itu yang saudara juga dari Sg. Pelek menyatakan satu dana, *that this call sinking fund*, tiap-tiap tahun kita simpan supaya ada perbincangan khas untuk Dewan.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Ya, Puan Timbalan Speaker, terima kasih. Adakah mungkin lebih baik kalau kita adakan insurans kesihatan untuk semua ADUN-ADUN selain daripada *sinking fund* ini.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Yang sebenarnya, Kerajaan tidak ada insurans. Hah! Sebab itu saya hendak beritahu saudara, kerajaan tidak ada insurans. Kerajaan ada duit sahaja tetapi tidak ada insurans. Sebab itu saudara tidak ada insurans kebakaran, tak ada, tak ada, tak ada insurans. Itu untuk kerajaan. Tetapi saya di sektor swasta kita ada insurans tetapi kerajaan tidak ada insurans. Tetapi untuk kita semua, oleh sebab perkara ini kita ada masa oleh itu kita kena adakan *sinking fund* sebab no insurans for kerajaan. Sesetengah negeri sudah ada sekarang. Di Australia mereka sudah masukkan kerajaan dalam *national insurances*. Di Great Britain pun ada, *national health services* yang dibuat tetapi dia ada *sinking fund* untuk perkara tersebut. Ini baru hendak kita buatlah. Tentang perkara Alam Flora bukan kita hendak selesaikan hanya masa ini, bukan. Kita hendak selesaikan secara keseluruhan tetapi hutang mesti juga dibayar. Kalau kita selesaikan pun terdapat pengumpulan hutang dari semasa ke semasa apabila kita dapat tingkatkan pendapatan kita daripada cukai-cukai kita bayar dari semasa ke semasa dan *target* saya supaya kita dapat habis bayarkan hutang. Tetapi tidak pula hendak cakap sahaja bayar.

Selangor mendapat defisit daripada segi pembayaran hutang. Kita bayar orang hutang kita pula dapat keadaan defisit. Sebab kita tidak buat. Oleh itu dari semasa ke semasa kita berbincang cukup duit, bawa ke Dewan untuk mendapat kelulusan. Sebab cara itu yang kita lakukan dan saya tidak perlukan peruntukan luar biasa ni, tetapi oleh sebab kita sebut RM8 juta, kita simpan duit tersebut. Yang sebenarnya perkara luar biasa ni selalu kita adakan umpamanya yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan tentang kita tidak menolong rakan-rakan kita di Kedah. Sebenarnya tidak benar, kita ada peruntukan daripada situ kita masukkan duit ini, peruntukan luar biasa untuk RM100 ribu untuk banjir di Kedah, Perlis dan di Kelantan. Kemudian ada, kita juga mesti bersimpati kepada rakyat di Indonesia yang menghadapi perkara gunung berapi dan tsunami di tempat yang berbeza. Kita hantar rakan untuk pergi melihatnya dan dia sudah balik dan menyatakan beberapa perkara yang boleh kita tolong dan ini kita

masukkan dalam peruntukan-peruntukan ini dan ia boleh dilihat bukan maknanya saudara cukup tulis semua, ini boleh dilihat saudara boleh audit. Tengok perbezaan audit, audit negara pun, audit negara pun perlu belajar lebih baik lagi sebab cara mereka punya audit *is frame audit not a rolling audit*.

*Frame audit* maknanya you audit pada tarikh itu sahaja tetapi pergerakan kewangan antarabangsa dia *rolling*. Hah! Sebab itu kita perlu jadi bagus jugalah sekarang baru ada audit dan kemudian mereka kena buat lebih baik lagi bagaimana cara untuk menilai. Sebab itu mereka tengok hah! Negeri Selangor dah hilang RM65 juta, 7 bulan kemudian, eh! Dah bertambah RM200 juta. Maknanya, dia tengok satu *heart attack* lepas tu bagus balik, *heart attack*. Itu gila punya kerja. Sebab dia kena buat dengan cara *over a period of time, its a time frame* dan lepas tu caranya. Jadi saya berharap saya akan juga akan membentangkan kalau perlu bukanlah kalau perlu apa tu bajet tambahan jika perlu dalam tahun-tahun yang akan datang. Jadi saudara bolehlah simpan ayat-ayat yang saudara kata tu, "saya telah menyatakan jangan diubah dan apa semua" itu tak payah saudara ini perkara akan berlaku sebab cara kita mengurus berbeza dengan cara, boleh jadi Barisan Nasional mengurus. Mengurus. Cara-cara, *management* teknik. *The financial management be first*. Saudara-saudara mengurus dulu di bawah Sg. Panjang, duit yang disimpan tidak mendapat hasil kalau tidak, tidak mendapat hasil masuk saya seminggu dalam menjadi Menteri Besar saya dah tengok dah berapa *fixed deposit* yang dibawa oleh Kerajaan Negeri yang tidak mendatangkan hasil. Tidak datang hasil, disimpan aje. Tak tengok apakah pulangan daripada tersebut. Kenapa simpan terlalu banyak duit dalam bentuk *cash* tak ada hasil. Bukan sedikit disimpan berpuluh juta dan apa guna duit tu tak tahu, nanti saya kata tak boleh ni. Hah! Ini kita buat. Saya dapat 2% sahaja setiap tahun daripada RM600 juta dan saya dapat 2% ialah RM12 juta, RM12 juta boleh bayar gaji semua kita sini, hah! Itu. Jadi oleh sebab itu, kita mesti bezakan cara pengurusan kewangan sekarang, saya tahu di Perbendaharaan sekarang, rakan-rakan daripada Perbendaharaan sekarang sudah diajar, sudah dihantar untuk pergi bersama-sama dengan Bank Antarabangsa. Sudah diajar untuk bagaimana menentukan bajet, semua sudah diajar kerana mereka percaya dengan cara yang ini sumber-sumber dapat digunakan dengan baik.

Puan Speaker, saya berharap, saya tidak perlu untuk meneruskan perkara saya berharap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Hulu Klang, Kajang, Kg. Tunku, Sabak dan Batu Caves dan Sg. Pelek kita ambil kira dan kita akan gunakan sebagai landasan untuk kita tapi saya berharap komen-komen tu mestilah lebih berpatutan dan lebih saya tidak hendak menyatakan Bangi akan lihat dia sebagai lebih ilmiah sedikitlah kalau tidak tak ada sandaran tu, hipotesis tu tak ada maknanya kurang sedikitlah pemikiran tu, jadi dengan itu saya berharap kita akan dapat meneruskan usaha kita untuk menjamin bahawa Rakyat Selangor diuruskan dengan baik dan tertib. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Negeri untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Negeri Tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasa demi Fasa.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER :** Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Fasal satu dan fasal dua.

**TIMBALAN SPEAKER :** Fasal satu dan fasal dua menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual.

**TIMBALAN SPEAKER :** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Puan Pengerusi, saya sokong.

**TIMBALAN SPEAKER :** Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan, oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

### iii) Rang Undang-undang Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2010 (semua peringkat)

**SETIAUSAHA DEWAN :** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) 2010. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) 2010.

**TIMBALAN SPEAKER :** Rang Undang-undang ni dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Enakmen Peruntukan Diraja 1959 untuk mengambil kira perkembangan-perkembangan tahun hadapan. Ini di bawah Kelas III sejumlah RM186,723.21 perlu ditambah bagi menampung bayaran kenaikan tahunan emolumen kakitangan Istana iaitu dari RM4,266,507.00 kepada RM4,453,230.21.

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI**: Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang yang hendak dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR**: Puan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER** : Dewan Bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal satu.

**TIMBALAN SPEAKER** : Fasal satu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal dua.

**TIMBALAN SPEAKER** : Fasal dua menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER** : Dewan Bersidang semula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini sudah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, saya menyokong.

**TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2010. Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Industri Berasas Kayu Pindaan 2010.

**iv) Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2010 (semua peringkat)**

**TIMBALAN SPEAKER** : Dewan hanya bersidang hari ini untuk sehingga jam 7.00 malam ya. Baik. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen, meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1985.

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Industri Berasas Kayu 1985 telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada Jun 1986 melalui Warta No. 26 Jilid 38. Sejak tarikh kuat kuasa tersebut sehingga sekarang, tiada kajian telah dibuat mengenai kadar hukuman dan penalti.

Dalam tempoh dua puluh empat (24) tahun ini, tiada kajian telah dibuat terhadap hukuman dan penalti yang rendah, menyebabkan kilang-kilang haram telah tumbuh dengan banyaknya yang telah menimbulkan persaingan bahan mentah antara kilang yang mempunyai lesen dan kilang yang tidak berlesen selain dari kehilangan pendapatan Kerajaan Negeri melalui aktiviti perlesenan kilang-kilang Industri Berasaskan Kayu. Bagi membanteras aktiviti ini, maka penalti yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya ianya menjadi penghalang kepada kegiatan kilang Industri Berasaskan Kayu haram.

Menurut peruntukan sedia ada, tiada sebarang peruntukan untuk mengkompau bagi kesalahan-kesalahan kecil di bawah Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985. Di samping itu, tiada hukuman dan penalti yang khusus bagi kesalahan di bawah seksyen 3 bagi penubuhan kilang haram pada masa kini di mana hukuman yang ada adalah di bawah seksyen 27.

Keperluan bagi meminda Enakmen ini adalah mengikut perkembangan semasa terutama sekali bagi memantapkan aspek pengukuhan aktiviti pencegah dan membanteras kegiatan Industri Berasas Kayu haram selain memperkemas kawal selia industri melalui peruntukan dalam perundangan dan prosedur pentadbiran.

Enakmen ini amat perlu bagi membantu Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan undang-undang dan enakmen masing-masing.

**Pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-**

**1. Tafsiran Industri Berasaskan Kayu**

- (a) “Industri berasas kayu” ertinya sebarang industri yang menjalankan usaha memproses, mengawet atau mengering kayu atau menukar kayu kepada berbagai keluaran dalam Enakmen ini.
- (b) Tafsiran ini perlulah dipinda bagi keperluan semasa.
- (c) Oleh yang demikian **Pindaan pada tafsiran Seksyen 2** senarai tafsiran bagi “Industri berasas kayu” **dipinda** kepada industri yang dinyatakan dalam Jadual.

**2. Tafsiran Pengarah Perhutanan Negeri**

- (a) “Pengarah” dalam teks Bahasa Kebangsaan ditafsirkan sebagai Pengarah Hutan Negeri dan termasuk seorang Timbalan Pengarah Hutan Negeri. Perkataan Perhutanan telah digunakan secara rasmi dalam urusan Jabatan bagi menggantikan perkataan Hutan.
- (b) Bagi yang demikian **Pindaan pada tafsiran Seksyen 2** senarai tafsiran bagi “Pengarah” adalah Pengarah Hutan Negeri dan termasuk seorang Timbalan Pengarah Hutan Negeri **dipinda** kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan termasuk seorang Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri dengan menggantikan perkataan Hutan kepada Perhutanan.

**3. Larangan Terhadap Industri Berasas Kayu Kecuali Dengan Lesen Di Bawah Seksyen 3**

- (a) Tiada penalti yang khusus bagi seksyen 3 ini di mana kesalahan yang dilakukan jika sabit akan dihukum di bawah seksyen 27.
- (b) Kesalahan menempatkan, membina, mendirikan, menubuhkan, mengendalikan atau menyenggara industri berasas kayu tanpa lesen serta mereka yang membantu bagi aktiviti tersebut adalah merupakan kesalahan yang berat dan perlu mempunyai penalti yang khusus.
- (c) Oleh yang demikian pindaan kepada **seksyen 3** **perlulah dibuat** dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
  - “(2A) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (2) apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”
- (d) Dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (3) apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

#### 4. Jaminan Lesen Di Bawah Seksyen 6

- (a) Enakmen ini memperuntukkan bahawa sebelum sesuatu lesen itu dikeluarkan Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki suatu jaminan dari bakal pemegang lesen bagi pematuhan wajar terma-terma, syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam lesen dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.
- (b) Oleh itu, **satu subseksyen yang baru** perlulah dimasukkan selepas subseksyen yang berikut:

“(1A) Pihak Berkuasa Negeri boleh, pada bila-bila masa yang difikirkan wajar olehnya, menghendaki supaya pemegang lesen memberikan suatu jaminan tambahan, atau menandatangani sejumlah wang tambahan, atau mengadakan deposit baru bagi menggantikan deposit yang telah dibuat sebelumnya, sebagaimana yang ditetapkan olehnya.”

#### 5. Memperbaharui Lesen Atau Melanjutkan Tempoh Sesuatu Lesen

- (a) Enakmen ini tidak menyebut secara khusus mengenai memperbaharui lesen. Oleh itu, memperbaharui sesuatu lesen industri berasas kayu agak kabur dan tidak jelas dari segi kuasa dan tempoh yang diberikan bagi memperbaharui lesen.
- (b) Oleh yang demikian, satu **seksyen baru perlulah diwujudkan** khusus untuk memperbaharui lesen dan dimasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

“Memperbaharui Lesen

8A (1) Sesuatu lesen boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, diperbaharui oleh Pengarah bagi Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Suatu permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam masa tiga puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(3) Pengarah boleh, setelah meluluskan permohonan pembaharuan lesen, mengubah, memotong atau menambah terma-terma, syarat-syarat dan peruntukan lesen itu.

(4) Peruntukan ini tidak mengurangkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menjalankan sendiri kuasa untuk membaharui lesen.”

#### 6. Merobah, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan benda yang disita

- (a) Merobah, memindahkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa benda yang disita ini di bawah seksyen 17 Enakmen di mana penalti yang dikenakan adalah terlalu rendah sedangkan kesalahan ini adalah merupakan kesalahan yang berat sehingga ianya boleh mengganggu perjalanan siasatan kepada sesuatu kes.
- (b) Oleh yang demikian, penalti yang dikenakan di bawah **seksyen 17** hendaklah ditingkatkan, iaitu dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” perkataan “dua puluh ribu ringgit; dan

**7. Pindaan penalti bagi seseorang yang melengahkan, menggendala atau menghalang seseorang pegawai hutan dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen 20**

- (a) Seksyen 20 subseksyen (3) ini juga merupakan kesalahan yang agak berat dan penalti yang dikenakan adalah terlalu rendah jika disabitkan dengan kesalahan ini.
- (b) Oleh yang demikian, penalti yang dikenakan di bawah **seksyen 20 subseksyen (3)** hendaklah ditingkatkan, iaitu dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” perkataan “dua puluh ribu ringgit.”
- (c) Menggantikan perkataan “satu tahun” perkataan “dua tahun”; dan
- (d) Dengan memotong perkataan “denda dan penjara itu.”

**8. Kuasa menahan dan menggeledah alat-alat pengangkutan**

- (a) Di bawah Enakmen sesiapa yang enggan mematuhi apa-apa kehendak pegawai hutan atau pegawai polis, suatu kesalahan telah dilakukan dengan penalti yang begitu rendah.
- (b) Oleh yang demikian, penalti yang dikenakan di bawah **seksyen 20 subseksyen (3)** hendaklah ditingkatkan, iaitu dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” perkataan “sepuluh ribu ringgit.”
- (c) Menggantikan perkataan “enam bulan” perkataan “satu tahun”; dan
- (d) Dengan memotong perkataan “denda dan penjara itu.”

**9. Kebenaran kuasa pendakwaan mengikut Seksyen 377 (b) Kanun Tatacara Jenayah**

- (a) Enakmen ini yang dibuat pada tahun 1985 berkaitan pemberian kebenaran untuk kuasa menjalankan pendakwaan adalah bercanggah dengan kehendak peruntukan di bawah seksyen 377 (b) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan hanya Pendakwa Raya sahaja yang boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan pukul 7.00, saya minta ditangguhkan. Jadi

**YB TUAN HJ. DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Puan Speaker, saya menangguhkan.



**TIMBALAN SPEAKER** : Dewan ditangguhkan sehingga 10 pagi, 15 November 2010.  
Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam )